



# LAPORAN TAHUNAN 2013

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**





LAPORAN TAHUNAN  
B H E U U  
2013

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**  
JABATAN PERDANA MENTERI





**LAPORAN TAHUNAN**  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

# 2013

## Kandungan

Perutusan Menteri	:: 04
Perutusan Ketua Pengarah	:: 06
Senarai Agensi	:: 08
Pengurusan Tertinggi Bersama YBM	:: 09
Sejarah	:: 10
Pengurusan Tertinggi BHEUU	:: 11
Visi, Misi, Objektif dan Fungsi BHEUU	:: 13
Dasar Kualiti dan Piagam Pelanggan	:: 14
Seksyen Pembangunan	:: 15
Seksyen Dasar	:: 26
Seksyen Pengurusan Maklumat	:: 36
Seksyen Kewangan	:: 40
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	:: 41
Unit Komunikasi Korporat	:: 50
Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK)	:: 56
Puspanita Cawangan Kecil BHEUU	:: 58
Sidang Redaksi	:: 174



## PERUTUSAN MENTERI

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



**HAJAH NANCY SHUKRI**  
Menteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

**B**ersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya buku Laporan Tahunan 2013 ini telah berjaya diterbitkan mengikut jadual.

Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada semua warga BHEUU, JBG dan Mdl yang telah menyumbang idea, tenaga serta memberikan komitmen yang padu secara berterusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan sepanjang tempoh 2013.

Bersesuaian dengan saranan Kerajaan untuk mengamalkan sikap kreatif dan inovatif dalam perkhidmatan, maka kita perlulah bekerja dengan lebih tekun, efisien dan sentiasa bersedia melakukan pelbagai tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab. Kita juga perlu bersedia memberi nilai tambah dalam perkhidmatan disamping membuka minda kepada amalan-amalan terbaik (Best Practices) yang dilaksanakan di luar jabatan kita.

Saya amat berpuas hati di atas kejayaan semua pihak dalam melaksanakan tugas sepanjang saya menerajui jabatan-jabatan ini. Saya doakan semoga warga BHEUU, JBG dan Mdl sama-sama dapat bergerak selari dengan hasrat Kerajaan dan harapan saya, usaha yang baik ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Terima kasih.



(HAJAH NANCY SHUKRI)

## PERUTUSAN KETUA PENGARAH

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI



**DATO' HAJI ISMAIL IBRAHIM  
KETUA PENGARAH BHEUU**

“ BHEUU telah diiktiraf sebagai bangunan Kerajaan pertama di Putrajaya yang menerima Anugerah Bintang Piawaian Emas AEMAS- Pengurusan Tenaga di Bangunan BHEUU ”

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera & Salam 1Malaysia

**Syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurniaNya, kita telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dalam merealisasikan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2013.**

Komitmen padu yang telah diberikan oleh warga BHEUU, JBG dan Mdl telah menyumbang kepada beberapa kejayaan pada tahun 2013. Antara kejayaan yang membanggakan ialah Bangunan BHEUU yang merupakan Bangunan Kerajaan pertama di Putrajaya telah mendapat Pengiktirafan Emas (Satu Bintang) Pengurusan Tenaga daripada ASEAN *Energy Manager Accreditation Scheme* (AEMAS). Inisiatif Penjimatan Tenaga di Bangunan BHEUU turut memenangi tempat kedua (Naib Johan) kategori "*Most Promising Innovation*" Anugerah Inovasi JPM Tahun 2013. BHEUU juga telah mendapat penarafan Empat Bintang Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012, yang telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara, pada bulan Februari 2013 hingga pertengahan bulan Mac 2013.

Keyakinan rakyat terhadap keupayaan JBG dalam membantu mendapatkan khidmat nasihat guaman terus meningkat pada tahun 2013 dengan pendekatan turun padang melalui pelaksanaan Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia yang diadakan di mahkamah, penjara, pusat tahanan kanak-kanak serta tempat awam yang lain.

Statistik JBG merekodkan sejumlah 1,575 program kesedaran masyarakat telah diadakan, dengan jumlah pengunjung keseluruhan mencapai 19,002 orang. Jumlah ini telah melebihi sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2013 yang ditetapkan ialah sebanyak 15,000 pengunjung.


Pencapaian membanggakan Mdl pada tahun 2013 di mana Mdl telah berjaya melepasi sasaran sebanyak 109%, bagi memberi pelepasan kepada 16,394 individu yang bankrap melalui Sijil Pelepasan. Jumlah ini melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2013 iaitu 15,000 orang.

Mdl telah berjaya melaksanakan perkhidmatan ansuran bulanan secara atas talian melalui MyBayar yang mana bayaran boleh dibuat di mana-mana sahaja dan tidak perlu lagi hadir di cawangan untuk beratur di kaunter bayaran. Pada 2013, Mdl juga telah memperluaskan program *outreach* kepada pelanggan seperti '*house visit*' bagi meneruskan pentadbiran kebangkrutan kepada individu yang kurang upaya dan tinggal di kawasan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak.

Semoga kerjasama yang erat dan daya saing yang tinggi dalam kalangan warga BHEUU, JBG dan Mdl dapat diteruskan pada tahun berikutnya bagi mencapai hasrat menjadikan perkhidmatan awam sentiasa berubah dengan lebih inovatif dan kreatif.

Syabas dan tahniah kepada semua yang telah menyumbang kepada penerbitan Laporan Tahunan 2013, semoga penerbitan ini dapat dijadikan penanda aras untuk merancang aktiviti dan program yang akan datang.

Sekian, terima kasih.



(DATO' HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM)

# SENARAI AGENSI

DI BAWAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

- **Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP)**
- **Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri**
- **Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)**
- **Jabatan Bantuan Guaman (JBG)**
- **Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)**
- **Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP)**
- **Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi)**
- **Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri**
- **Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)**
- **Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)**
- **Amanah Raya Berhad (ARB)**
- **Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)**
- **Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)**
- **Jabatan Peguam Negara**
- **Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak**
- **Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah**



# PENGURUSAN TERTINGGI

## BERSAMA YBM



**YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



**YBHG. DATO' HAJI ISMAIL IBRAHIM**  
KETUA PENGARAH BHEUU



**PUAN SITI ZAWAHIR MOHAMED**  
KETUA PENGARAH JBG



**PUAN ROHANA ABD MALEK**  
KETUA PENGARAH INSOLVENSİ

# SEJARAH

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI

**B**ahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka, Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Pemegang Harta. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan juga berpisah dari pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah dari BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah ditukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai *Malaysia Department of Insolvency (Mdl)*.

Mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan bidang kuasa JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Jemaah Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras Urus Setia Mesyuarat Jemaah Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli Suruhanjaya dan mengemukakan Laporan Maklum Balas Kementerian Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.



# BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



<http://www.bhewu.gov.my>


# PENGURUSAN TERTINGGI

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

### JABATAN PERDANA MENTERI



**TUAN HAJI ADNAN IBON**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(PENGURUSAN)



**ENCIK SUHAIMI ABDULLAH**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(DASAR & PEMBANGUNAN)  
(MULAI 1 NOVEMBER 2013)



**YBHG. DATO' MOHD ROSLI RAMLI**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(DASAR & PEMBANGUNAN)  
(1 MAC - 31 OKTOBER 2013)



**YBHG. DATO' HAJI ISMAIL IBRAHIM**  
KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



**PUAN KHALIDAH OTHMAN**  
PENGARAH  
SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT



**RAJA MUHAMMAD AZHAN SHAH**  
RAJA MUHAMMAD  
PENGARAH SEKSYEN PEMBANGUNAN



**DR. NOR MAZNY ABDUL MAJID**  
PENGARAH SEKSYEN DASAR



**PUAN MAHANI MOHD YUSOFF**  
KETUA KOMUNIKASI  
KORPORAT



**ENCIK MOHD SHAFFIE HASSAN**  
PENGARAH SEKSYEN  
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



**ENCIK M KAMROLDIN HITAM**  
PENGARAH SEKSYEN KEWANGAN



## VISI, MISI, OBJEKTIF & FUNGSI BHEUU

**Visi BHEUU** ▶ Penyumbang terulung kepada kecekapan pentadbiran keadilan negara

**Misi BHEUU** ▶ Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan negara melalui penyediaan prasarana dan pembaharuan undang-undang

**Objektif BHEUU** ▶

- Memastikan pembangunan prasarana mahkamah dan agensi mengikut keperluan *stakeholder* dan pelanggan;
- Memastikan urusan pemerbadanan yaysan, pengampunan dan pembaharuan undang-undang dilaksanakan secara efektif; dan
- Memastikan penyediaan perkhidmatan sokongan kepada agensi-agensi secara cepat, tepat dan berintegriti.

**Fungsi BHEUU** ▶

- ▶ Menyelaras penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
- ▶ Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan IT mahkamah;
- ▶ Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah;
- ▶ Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- ▶ Pemantauan Mesyuarat Lembaga Pengampunan di setiap negeri;
- ▶ Urus setia Pelantikan Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), memantau Laporan Tahunan SUHAKAM dan menyelaras maklum balas; dan
- ▶ Menyelia pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk semua Cawangan di seluruh negara dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.





## DASAR KUALITI DAN PIAGAM PELANGGAN BHEUU

### Dasar Kualiti

- ▶ Adalah menjadi matlamat kami untuk menyediakan khidmat Pengurusan Mahkamah serta Pendaftaran dan Permerbadanan Pemegang Amanah yang cekap, cepat dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang diwujudkan.
- ▶ Kami juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa sesuai mengikut kehendak pelanggan.

### Piagam Pelanggan

Kami bertekad & berjanji:

- ▶ Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;
- ▶ Mengemukakan Sijil Pemerbadanan Yayasan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
- ▶ Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
- ▶ Mengeluarkan surat setuju terima perolehan dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh keputusan Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Sebut Harga; dan
- ▶ Menyediakan rangkaian dan sistem aplikasi dengan kebolehcapaian sekurang-kurangnya 99%.

Tarikh kemas kini: 5 Julai 2013

# SEKSYEN PEMBANGUNAN

## 1. PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Pembangunan BHEUU telah meneruskan pelaksanaan 4 projek pembangunan yang diluluskan dalam *Rolling Plan* Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan 1 projek di bawah *Private Financing Initiatives* (PFI). Status projek tersebut adalah seperti berikut

- 2 projek dalam pembinaan; dan
- 3 projek masih di peringkat perancangan.

### (i) PROJEK DALAM PEMBINAAN

#### (a) Projek Pemuliharaan Dan Pengubahsuaian Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara Kuala Lumpur Untuk Dijadikan Pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)

Projek ini melibatkan pemuliharaan dan pengubahsuaian 5 tingkat sedia ada Bangunan Sulaiman di atas tapak seluas 3.484 ekar untuk menempatkan 12 bilik bicara dan 13 bilik perundingan serta bilik-bilik sokongan seperti ruang pejabat, auditorium, perpustakaan, bilik mesyuarat, surau dan lain-lain. Bangunan tersebut juga akan menempatkan 2 buah agensi/jabatan iaitu *International Centre For Law and Legal Studies* (I-Cells) dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Projek ini mula dilaksanakan pada 19 November 2012 dan dijangka siap pada 30 Mei 2014.



*Projek Pemuliharaan Dan Pengubahsuaian Bangunan Sulaiman sehingga 31 Disember 2013 telah mencapai 76% kemajuan fizikal dan dijangka siap sepenuhnya pada 30 Mei 2014*

#### (b) Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan tambahan baru yang menghubungkan Mahkamah Majistret Klang yang sedia ada. Bangunan tambahan ini mengandungi 3 bilik bicara Mahkamah Sesyen dan 5 bilik bicara Mahkamah Majistret. Pembangunan projek ini mula dilaksanakan pada 21 Mei 2009 dan dijangka siap pada 30 April 2014.



*Projek Mahkamah Klang, Selangor sehingga 31 Disember 2013 telah mencapai 85% kemajuan fizikal dan dijangka siap sepenuhnya pada 30 April 2014*

## **(ii) PROJEK DALAM PERANCANGAN**

### **(a) Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah Kompleks Mahkamah bagi menggantikan mahkamah sedia ada. Kompleks Mahkamah ini mengandungi 16 buah bilik bicara iaitu 1 Mahkamah Persekutuan, 3 Mahkamah Tinggi, 6 Mahkamah Sesyen dan 6 Mahkamah Majistret. Kompleks Mahkamah ini akan didirikan di atas tapak seluas 6.25 ekar di Jalan Shariff Osman off Jalan Kolam di Kota Kinabalu, Sabah.

Bagi memastikan kelancaran projek ini, Makmal pemurnian Makmal Pengurusan Nilai Projek oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) juga telah diadakan pada 21 hingga 23 Januari 2013. Manakala 14 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan rekabentuk, pengambilan tanah dan perkara berkaitan kelancaran projek ini dalam tahun 2013.



*Tapak Mahkamah Baru Kota Kinabalu di Jalan Shariff Osman off Jalan Kolam di Kota Kinabalu, Sabah*

### **(b) Kompleks Mahkamah Baru Kota Bharu, Kelantan**

Projek ini melibatkan pembinaan Kompleks Mahkamah baru bagi menggantikan mahkamah yang sedia ada. Kompleks ini akan menempatkan 2 Bilik Bicara Mahkamah Tinggi, 4 Bilik Bicara Mahkamah Sesyen dan 4 Bilik Bicara Mahkamah Majistret. Kompleks Mahkamah ini akan dibina di atas tapak seluas 8.62 ekar di Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.



*Tapak Mahkamah Baru Kota Bharu, Kelantan yang terletak di Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu Kelantan*

### **(c) Mahkamah Baru Besut, Terengganu**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang beroperasi di bangunan Majlis Daerah Besut. Projek ini akan dibangunkan di atas tapak seluas 1.067 ekar di Lot 241 Mukim Pekan Raja, Daerah Besut menempatkan 2 buah bilik bicara.



*Tapak Mahkamah Baru Besut*



*Cadangan rekabentuk Mahkamah Baru Besut*



## 2. KERJA-KERJA UBAHSUAI, PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF PEJABAT BHEUU, JBG DAN Mdi BAGI TAHUN 2013

### JBG JOHOR



*Kerja-kerja ubah suai Ruang Pejabat Baru Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Johor Bahru*

### JBG NEGERI SEMBILAN



*Kerja-kerja ubah Suai Ruang Pejabat Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sembilan*

### JBG PERLIS



*Kerja-kerja Pendawaian Semula di Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Perlis*



## JBG CAWANGAN KOTA KINABALU



*Kerja-kerja ubah suai Ruang Pejabat  
di Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Kota Kinabalu Negeri Sabah*

## Mdi JOHOR BAHRU



*Kerja-kerja Pendawaian semula  
di Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Johor Bahru*

## Mdi KUCHING



*Kerja-kerja ubah suai Ruang Pejabat  
di Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Kuching*

## Mdi SELANGOR



*Kerja-kerja Pendawaian Semula  
di Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Selangor*

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



*Kerja-kerja naik taraf Kaunter Seksyen  
Pengurusan Maklumat*



*Kerja-kerja naik taraf  
Kaunter Seksyen Kewangan*



*Kerja-kerja Pewujudan Sudut  
Kecemerlangan BHEUU*



*Kerja-kerja Pewujudan Bilik Laktasi*

### 3. MESYUARAT

Bagi memastikan kemajuan pelaksanaan projek adalah mengikut perancangan yang ditetapkan, mesyuarat bersama agensi pengguna, pelaksana, kontraktor, perunding dan lain-lain jabatan yang dipengerusikan oleh pihak pengurusan BHEUU telah diadakan seperti berikut:

MESYUARAT	KEKERAPAN
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan (bersama JKR dan Mahkamah)	Setiap Bulan
Mesyuarat Tapak Projek (bersama JKR, pengguna, kontraktor dan perunding)	Setiap Bulan
Mesyuarat Penyelarasan Projek (bersama JKR)	Mengikut Keperluan
Mesyuarat Perancangan Keperluan Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Mengikut Keperluan
Mesyuarat Semakan Kecacatan	Setiap 3 Bulan

### 4. LAWATAN KERJA

Pengurusan Tertinggi BHEUU juga mengambil inisiatif untuk melakukan lawatan (turun padang) ke tapak projek sebagai langkah pemantauan pelaksanaan projek dan lawatan. Butiran lawatan adalah seperti berikut :

TARIKH	TEMPAT
03.01.2013	Mahkamah Sepang, Selangor
04.02.2013	Mahkamah Sepang, Selangor
05.02.2013	Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu, Kelantan
14.02.2013	Tapak Cadangan Projek Pembinaan Mahkamah Baru Kangar, Perlis
28.02.2013	Mahkamah Sarikei, Sarawak
05.03.2013	Mahkamah Sepang, Selangor
18.04.2013	Lokasi Mahkamah Baru Besut, Terengganu
27.05.2013	Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang
20.06.2013	JBG Sarawak
28.06.2013	Tapak Projek Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah
13.06.2013	Mahkamah Klang, Selangor
01.07.2013	JBG Alor Setar, Kedah
02.07.2013	JBG Pulau Pinang
04.09.2013	Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan
05.09.2013	Tapak Cadangan Mahkamah Setiu, Terengganu
20.09.2013	Komplek Mahkamah Kuching, Sarawak dan Mdl



*Lawatan ke Mahkamah Sepang pada  
3 Januari 2013*



*Lawatan ke Tapak Mahkamah Baru Kota Bharu  
yang terletak di Bandar Baru Tunjong Kota Bharu,  
Kelantan pada 5 Februari 2013*



*Lawatan ke Tapak Bangunan Tambahan  
Mahkamah Baru Klang pada 22 Julai 2013*



*Lawatan ke Mahkamah Setiu pada  
5 September 2013*

## 5. KURSUS PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

Kursus ini merupakan antara program pembangunan modal insan di bawah Teras Strategik BHEUU dalam Pelan Strategik BHEUU (2010-2014) yang berhasrat untuk membangunkan keupayaan dan membekalkan semua warga BHEUU dengan kepakaran kerja dalam bidang tugas masing-masing. Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah :

- (i) Untuk memberi pendedahan kepada peserta berhubung kaedah perancangan, pelaksanaan dan pemantauan sesebuah projek; dan
- (ii) Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai pengurusan dan pemantauan projek.

Kursus ini telah diadakan di Hotel Impian Morib Selangor pada 17 hingga 19 Oktober 2013 dengan penyertaan seramai 30 orang peserta dari BHEUU, JBG, Mdl dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).



## 6. BENGKEL PELAN INDUK PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Bengkel penyediaan Pelan Induk Pembangunan Mahkamah ini dilaksanakan selaras dengan syor Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) agar semua Kementerian dan Jabatan menyediakan rancangan pembangunan jangka masa panjang untuk dijadikan rujukan. Bengkel ini telah diadakan di Hotel Bayview, Langkawi, Kedah pada 2 hingga 4 Disember 2013 dengan penglibatan seramai 52 orang peserta dari pelbagai agensi yang terlibat secara langsung sebagai pengguna mahkamah.

Hasil daripada bengkel penyediaan pelan pembangunan yang komprehensif tersebut, dokumen Pelan Pembangunan Mahkamah akan mengandungi elemen berikut :

- (i) Keperluan bangunan mahkamah baru dalam tempoh 5-10 tahun
  - (a) Lokasi
  - (b) Skop
  - (c) Keluasan tapak
- (ii) Keperluan ubahsuai/pembaikan/naik taraf mahkamah
  - (a) Lokasi
  - (b) Jenis ubahsuai/pembaikan/naik taraf
- (iii) Fizikal mahkamah
  - (a) Fasad bangunan
  - (b) Keluasan
  - (c) Mekanikal dan elektrik
  - (d) Laluan khas (hakim, orang kena tuduh dan orang awam)
  - (e) Reka bentuk luaran/ dalaman
- (iv) Peralatan/kemudahan dan sistem
- (v) *Standard and cost*
  - (a) Perabot
  - (b) Saiz bilik
  - (c) Keperluan ruang sebenar (mahkamah dan agensi berkaitan)



*Peserta Bengkel Pelan Induk Pembangunan Mahkamah yang diadakan di Hotel Bayview, Langkawi pada 2 hingga 4 Disember 2013*



*Majlis Perasmian Bengkel Pelan Induk Pembangunan Mahkamah oleh YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU*



## 7. JAWATANKUASA PENGURUSAN TENAGA (JKPTEN)

Bagi tahun 2013, JKPTEN telah meneruskan usaha dalam mendapatkan akreditasi terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan supaya dapat dijadikan contoh oleh organisasi lain. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan tanggungjawab sosial secara bersama di peringkat negara dan global dalam mengurangkan pembaziran tenaga seterusnya menurunkan kadar pengeluaran gas rumah hijau (*green house gas*) dan *carbon footprint*.

Hasilnya, BHEUU telah diiktiraf sebagai bangunan Kerajaan pertama di Putrajaya yang menerima Anugerah Bintang Piawaian Emas AEMAS semasa Program *International Conference of the ASEAN Energy Management Accreditation Scheme* pada 28 Januari 2013.



*Ketua Pengarah BHEUU menerima Anugerah Bintang Piawaian Emas AEMAS bagi kategori Pengurusan Tenaga Yang Efektif*


### **Pertandingan Penjimatan Tenaga Bangunan BHEUU Tahun 2013**

Penerapan elemen 'persaingan sihat' memberi suntikan motivasi kepada semua warga Bangunan BHEUU untuk bersama-sama berusaha membentuk tabiat penggunaan tenaga elektrik yang lebih bertanggungjawab di setiap unit. Penyertaan pertandingan adalah secara automatik untuk kesemua 23 *Energy Accounting Centre* (EAC) yang telah ditubuhkan.

Tempoh penilaian bermula dari bulan Januari hingga Oktober 2013. Pengiraan markah adalah berdasarkan EAC dalam melaksanakan aktiviti pemeriksaan melalui borang senarai semak yang diedarkan. Peratus pemarkahan adalah melalui pemeriksaan mengejut oleh wakil-wakil JRM Services pada setiap bulan. Pertandingan ini telah dimenangi oleh Unit Sumber Manusia, BHEUU.



*Wakil Unit Sumber Manusia BHEUU menerima hadiah daripada Yang Berhormat Menteri di JPM*



*Rajah perbandingan purata penggunaan elektrik bagi tahun 2013 dan 2012*

## 1. LEMBAGA PENGAMPUNAN

### (i) MESYUARAT LEMBAGA PENGAMPUNAN BAGI KES-KES WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA

Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Kes-Kes Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah diadakan pada 30 Julai 2013. Sejumlah 16 kes telah dibawa untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan. Mesyuarat ini telah diadakan di Istana Negara, Jalan Duta dan dipengerusikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah.

### (ii) MESYUARAT PENYELARASAN URUS SETIA LEMBAGA PENGAMPUNAN NEGERI-NEGERI

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil.1/2013 telah diadakan pada 18 September 2013 di Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pejabat DYMM Sultan, Pejabat Yang Di-Pertua Negeri-negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia. Mesyuarat ini membincangkan isu-isu berkenaan Lembaga Pengampunan Negeri secara keseluruhannya yang diadakan pada setiap tahun.



*Dari kiri-kanan: YBhg. Dato' Haji Hassan Sukimon, [ Timbalan Ketua Pengarah Penjara (Keselamatan & Koreksional )J abatan Penjara Malaysia ], YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim [ Ketua Pengarah BHEUU ] dan YBhg. Dato' Mohd Rosli Ramli [Timbalan Ketua Pengarah ( Dasar & Pembangunan ) BHEUU ]*



*Ahli mesyuarat yang menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil.1/2013*

## 2. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN

Pada 12 Oktober 2012, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya dibangunkan sebuah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Action Plan-NHRAP). BHEUU telah diberi tanggungjawab sebagai *focal agency* bagi menyelaras pembangunan pelan tersebut. Pada tahun 2013, BHEUU, JPM telah mengadakan lawatan ke beberapa buah agensi Kerajaan di Thailand dan di Indonesia sebagai persediaan kepada pembangunan NHRAP untuk melihat serta mendapatkan maklumat mengenai proses pembangunan pelan dan pelaksanaannya di negara-negara tersebut.

### (i) LAWATAN KE BANGKOK, THAILAND (26 FEBRUARI HINGGA 1 MAC 2013)



*Delegasi daripada BHEUU, JPM mengadakan lawatan ke Rights and Liberties Protection Department (RLPD), Ministry of Justice, Thailand*



*Delegasi daripada BHEUU, JPM turut mengadakan lawatan ke Ministry of Transport, Thailand*



*Lawatan ke Ministry of Interior, Thailand yang turut disertai oleh wakil-wakil dari Ministry of Foreign Affairs, Thailand, badan-badan bukan Kerajaan dan Mahidol University*



**(ii) LAWATAN KE JAKARTA, INDONESIA (23 HINGGA 25 APRIL 2013)**



*Perjumpaan bersama Director of Human Rights and Humanitarian, Ministry of Foreign Affairs, Republic of Indonesia*



*YBhg. Dato' Mohd Rosli Ramli bergambar bersama Ibu Harkristuti Harkrisnowo, Director General for Human Rights, Ministry of Law and Human Rights, Republic of Indonesia*



*Lawatan ke Indonesia National Commission on the Violence Against Women (KOMNAS Perempuan)*



*Lawatan ke Indonesia National Commission on Child Protection (KPAI)*

(iii) **MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA PEMANDU PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)**

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) telah diadakan pada 2 Disember 2013 dengan dipengerusikan oleh YB Puan Hajah Nancy Shukri. Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri dari YBhg. Profesor Madya Dr. Shamrahayu Ab. Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, YBrs. Dr. Gan Ching Chuan dari Universiti Malaya, YBhg. Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi SUHAKAM) serta Ketua-ketua Jabatan yang berkaitan.

### 3. JAWATAN KUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM)

(i) **PENYELIDIKAN DI BAWAH GERAN JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM) BAGI TAHUN 2013**

Aktiviti utama JPUUM iaitu tawaran Geran Penyelidikan kepada universiti awam dan swasta telah diteruskan bagi tahun 2013. Sebanyak 7 geran telah dikeluarkan dengan tempoh kajian ditetapkan selama 6 bulan bermula 15 September 2013 hingga 15 Mac 2014. Laporan hasil kajian telah dibentangkan kepada JPUUM serta Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan.

Berikutan daripada arahan Jemaah Menteri pada Oktober 2012, sebanyak 5 geran penyelidikan telah dikeluarkan melalui JPUUM kepada universiti awam dan swasta untuk menjalankan kajian berkaitan 5 teras yang telah dikenal pasti di bawah usaha pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP). 5 teras tersebut adalah:

- (a) Hak Sivil dan Berpolitik;
- (b) Hak Ekonomi, Sosial, Agama dan Kebudayaan;
- (c) Hak Golongan Rentan;
- (d) Hak Orang Asal dan Orang Asli; dan
- (e) Kewajipan Antarabangsa.

Kesemua laporan hasil kajian telah dibentangkan kepada JPUUM.

Sebanyak 9 sesi pembentangan hasil kajian JPUUM telah diadakan sepanjang tahun 2013. Sesi tersebut melibatkan pembentangan 1 laporan hasil kajian berkaitan pembaharuan undang-undang di bawah geran penyelidikan JPUUM yang dikeluarkan pada tahun 2011, 3 laporan hasil kajian berkaitan pembaharuan undang-undang di bawah geran penyelidikan JPUUM yang dikeluarkan pada tahun 2012 dan 5 kajian berkaitan teras-terras di bawah pembangunan NHRAP.

(ii) **PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN *REFORMING HOUSES OF PARLIAMENT (PRIVILEGES AND POWERS) ACT 1952***

Pembentangan hasil kajian oleh YBhg. Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Haji Sabaruddin dari Universiti Malaya bertajuk *Reforming Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952 and Relevant Laws* telah diadakan pada 26 November 2013 bertempat di Lounge Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen Malaysia.

Kajian tersebut yang antara lain menyentuh isu-isu seperti kebebasan bersuara dan liabiliti ahli Parlimen, penetapan denda bagi kesalahan menghina Dewan, kuasa-kuasa presiden serta kebajikan dan ganjaran ahli-ahli Parlimen telah menarik minat Speaker Dewan Negara, Speaker Dewan Rakyat serta beberapa orang Ahli Parlimen yang lain untuk hadir semasa sesi pembentangan.

Majlis turut dihadiri oleh YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ahli-ahli JPUUM, wakil daripada Jabatan Peguam Negara, wakil daripada pihak Parlimen serta wakil daripada Bahagian Kabinet dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.



*YB Puan Hajah Nancy Shukri (Menteri di Jabatan Perdana Menteri), YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim (Ketua Pengarah BHEUU, JPM) dan YBhg. Datuk Roosme Hamzah (Setiausaha Dewan Rakyat) sedang mendengar pembentangan oleh YBrs. Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Haji Sabaruddin*



*Para jemputan sedang meneliti laporan hasil kajian yang dibentangkan*



*YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia (Speaker Dewan Rakyat) semasa sesi soal jawab*



*Dari kiri-kanan: Cik Ira Biswas (Peguam), Puan Junaidah Haji Abd Rahman (Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara) dan Puan Rohana Abd Malek (Ketua Pengarah Insolvensi, Jabatan Insolvensi Malaysia)*



#### 4. DIALOG BERSAMA AHLI PARLIMEN

##### (i) *Reintroduction Of Discretionary Sentencing For Capital Punishment Cases*

Program Dialog Bersama Ahli Parlimen bertajuk *Reintroduction of Discretionary Sentencing for Capital Punishment Cases* telah diadakan pada 14 November 2013 bertempat di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia. Program tersebut dianjurkan oleh European Union (EU), British High Commission, Majlis Peguam Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Objektif program ini adalah untuk melihat kesesuaian untuk memperkenalkan hukuman berdasarkan budi bicara hakim terhadap kes-kes jenayah berat yang diperuntukkan hukuman mati mandatori. Program ini disertai oleh YB Puan Hajah Nancy Shukri sebagai moderator dan turut dihadiri oleh TYT Luc Vandebon [Duta merangkap Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia]. Selain itu, sesi dialog ini turut disertai oleh TYT Simon Featherstone [Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia] YBhg. Tan Sri Hasmy Agam [Pengerusi SUHAKAM] Encik Christopher Leong [Pengerusi Majlis Peguam Malaysia] dan Ahli-ahli Parlimen.



*Sebahagian daripada barisan urus setia BHEUU, JPM yang menjayakan Program Dialog Bersama Ahli Parlimen*



*Beberapa diplomat yang turut hadir kelihatan sedang bertukar-tukar pandangan*



**(ii) DRUG LAWS REFORM ROUNDTABLE**

Program Forum Bersama Ahli Parlimen bertajuk *Drug Law Reform Roundtable* telah diadakan pada 3 Disember 2013 bertempat di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia. Program tersebut dianjurkan oleh Majlis AIDS Malaysia.

Program ini bertujuan membincangkan isu-isu pelaksanaan berhubung penyalahgunaan dadah atau prosedur sedia ada yang terpakai dan keperluan sama ada undang-undang atau peraturan berkaitan perlu dilihat semula dan dibuat penambahbaikan atau pengubahsuaian. Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim [Ketua Pengarah BHEUU] Cik Fifa Rahman, [Pengarah Polisi Majlis AIDS Malaysia] wakil daripada Jabatan Kerajaan serta Ahli-ahli Parlimen.



*Salah seorang jemputan sedang mengutarakan soalan*



*YBhg. Dato' Dr.Haji Mustapha Ma Chi semasa sesi soal jawab*

## 5. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

### (i) BENGKEL AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

Objektif Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] adalah untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta berkenaan Akta 711 serta menyebarkan maklumat mengenai Akta 711 sebagai langkah awal untuk pelaksanaan di peringkat negeri. Bengkel-bengkel yang telah dianjurkan adalah seperti berikut :

#### (a) BENGKEL AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711] KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN ZON UTARA

Bengkel ini melibatkan penyertaan wakil-wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari empat (4) buah negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Bengkel selama 3 hari 2 malam ini telah diadakan di Hotel Georgetown City, Pulau Pinang pada 13 hingga 14 Jun 2013. Bengkel ini telah disertai oleh 29 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Undang-Undang, Pegawai Penguat kuasa, Pegawai Tadbir, Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan, Penolong Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Penguat kuasa dan Pembantu Penguat kuasa dari 22 PBT.



**(b) BENGKEL AKTA PERLINDUNG PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711] KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN ZON TIMUR**

Bengkel Akta 711 yang kedua bagi tahun 2013 telah diadakan pada 3 hingga 5 September 2013. Bengkel ini yang disertai oleh 50 orang peserta dari 29 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang telah diadakan di Hotel New Pacific, Kota Bharu, Kelantan dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah, BHEUU.



*Dari kiri-kanan: YBhg. Dato' Hisham Nordin (NKRA-Rasuah), YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim dan Tuan Haji Mohd Sobri Haji Ramli (SUK Negeri Kelantan) semasa Majlis Perasmian Bengkel Akta 711 PBT Zon Timur*



*Ucapan Perasmian oleh Ketua Pengarah BHEUU semasa Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] PBT Zon Timur*



*Perbincangan antara peserta yang hadir semasa Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] kepada Pihak Berkuasa Tempatan Zon Timur*



**(c) BENGKEL AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711] KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SARAWAK ANJURAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI SARAWAK**

Bengkel ketiga bagi tahun 2013 telah diadakan di Dewan Majlis Daerah Sarikei, Sarawak pada 18 hingga 19 Disember 2013 dan telah disertai oleh 50 orang peserta dari 24 PBT. Bengkel ini diadakan bersempena Seminar Integriti yang dianjurkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak.

**(ii) RETREAT AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]**

Retreat Akta 711 telah dihadiri oleh seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, pegawai dari BHEUU, selaku urus setia dan pegawai dari NKRA-Rasuah serta wakil 7 agensi penguatkuasaan utama iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Objektif Retreat Akta 711 adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada kesemua jabatan dan agensi yang terlibat mengenai pelaksanaan Akta 711; khususnya keberkesanan Garis Panduan Pelaksanaan Akta 711 yang pernah dihasilkan sebelum ini.

Retreat selama satu hari ini telah diadakan di Hotel Pullman Lakeside, Putrajaya pada 9 Disember 2013 dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU.



*Dari kiri - kanan Encik Suhaimi Abdullah [Timbalan Ketua Pengarah ( Dasar & Pembangunan) BHEUU ],  
YBhg.Dato Haji Ismail Ibrahim [Ketua Pengarah BHEUU] dan  
Tuan Haji Muhammad Bukhari Abd Hamid [Penasihat Undang-Undang JPM]*



# SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT

## 1. HARI PEMBUDAYAAN ICT 2013 BHEUU

BHEUU buat pertama kalinya telah menganjurkan program Hari Pembudayaan ICT 2013 yang berlangsung selama dua (2) hari bermula pada 20 - 21 Jun 2013 dengan bertemakan 'ICT Transformasi Perkhidmatan Awam'. Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada warga BHEUU, JBG dan Mdl untuk mendekati ilmu dan keselamatan ICT.

Ketua Pengarah BHEUU dalam ucapan pembukaan mengingatkan semua warga BHEUU, JBG dan Mdl supaya memahami dan mematuhi Dasar Keselamatan ICT BHEUU versi 2.0 yang berkuat kuasa Januari 2013. Perasmian program Hari Pembudayaan ICT 2013 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah BHEUU bersama Ketua-ketua Pengarah JBG dan Mdl dengan menyalakan gambit sinaran. Disusuli dengan persembahan montaj berkenaan 10 sistem aplikasi yang digunakan di BHEUU bagi melengkapi sesi perasmian.

Para hadirin seterusnya telah didedahkan terhadap keutamaan penjagaan keselamatan ICT melalui sesi ceramah yang bertajuk "*Introduction to Mobile Device Security*" oleh penceramah jemputan dari *Cyber Security*. Ini diikuti sebuah lagi ceramah menarik oleh syarikat Microsoft (M) Sdn. Bhd. yang telah berkongsi maklumat berkenaan fungsi-fungsi sokongan di dalam perisian *Microsoft Office*. Informasi tersebut adalah penting bagi memudahkan dan sejurusnya melindungi kerja-kerja harian.

Bagi menambahkan daya tarikan kepada program tersebut, sebuah pertandingan '*Info Hunt*' juga telah diadakan. Pendaftaran pertandingan ini bermula pada 17 Jun 2013 sehingga penyampaian hadiah pemenang pada 21 Jun 2013. Pertandingan ini memerlukan peserta membuka minda dan mencari jawapan berdasarkan maklumat yang boleh didapati daripada program dua (2) hari tersebut. Selain itu, para hadirin juga telah dapat memperkayakan pengetahuan mereka berkenaan ICT melalui pameran oleh klinik Emel BHEUU serta syarikat-syarikat jemputan. Terdapat lapan (8) syarikat ICT jemputan Seksyen Pengurusan Maklumat BHEUU untuk mempamerkan teknologi terkini kepada warga BHEUU.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang pada hari terakhir program menandakan penutupan Hari Pembudayaan ICT 2013. YBhg. Dato' KP BHEUU telah menyampaikan hadiah kepada tiga (3) pemenang pertandingan '*Info Hunt*'. Program Hari Pembudayaan ICT 2013 ditutup dengan penyampaian penghargaan oleh *Chief Information Officer (CIO)* BHEUU sebagai tanda terima kasih menjayakan program Hari Pembudayaan ICT 2013 yang julungnya diadakan di BHEUU.



YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim menyampaikan hadiah kepada pemenang cabutan bertuah



Pelancaran Hari Pembudayaan ICT Peringkat BHEUU

## 2. AKTIVITI PENGUJIAN SIMULASI PEMULIHAN BENCANA BAGI BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)

Tarikh : 16 November 2013  
Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang  
Tempat : Government Data Centre 2 (GDC 2), Strateq, Petaling Jaya.

*Government Data Centre 2* atau lebih dikenali dengan GDC 2 merupakan salah satu projek oleh pihak MAMPU. Antara objektif utama projek ini adalah untuk konsolidasi Pusat Data (*Data Centre - DC*) dan Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre - DRC*) agensi kerajaan serta pengurangan kos operasi DC dan DRC yang terlibat.

BHEUU merupakan salah satu agensi yang terpilih untuk terlibat dalam projek ini bagi konsolidasi DRC di GDC 2, Strateq Petaling Jaya. Salah satu aktiviti utama yang telah dirancang untuk dilaksanakan dalam projek ini adalah pengujian simulasi pemulihan bencana.

Aktiviti ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pasukan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Team - DRT*) yang telah dibentuk dalam Pelan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) BHEUU. Aktiviti ini dilaksanakan untuk mengesahkan dokumen Pelan Pemulihan Bencana.



### 3. e-Travel

Sistem Permohonan Keluar Negeri Atas Urusan Persendirian (e-Travel) dibangunkan bagi memudahkan warga BHEUU memohon kelulusan keluar negeri atas urusan persendirian secara atas talian (*online*). Sistem ini dibangunkan pada Januari 2013 dan siap pada April 2013. Sistem e-Travel ini telah beroperasi pada awal bulan Mei 2013. Sistem ini dibangunkan secara dalaman oleh Seksyen Pengurusan Maklumat, dengan kerjasama Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan menggunakan perisian *Open Source*. Sistem e-Travel telah dipilih sebagai salah satu projek untuk konvensyen KIK BHEUU dan mendapat tempat ketiga dalam KIK BHEUU 2013.



### 4. e-Yayasan

Sistem Pengurusan Pemerbadanan Pemegang Amanah (e-Yayasan) sebelum ini dikenali sebagai e-Pemerbadanan. Sistem e-Pemerbadanan ini telah dibangunkan semula untuk memenuhi keperluan baru pengguna. Tambahan tersebut menyebabkan perubahan besar pada struktur pangkalan data dan aplikasi sedia ada. Sistem e-Pemerbadanan yang dinaiktarafkan ini telah dijenamakan semula dan dikenali sebagai e-Yayasan. Pembangunan sistem ini menggunakan teknologi *Open Source* dan dibangunkan oleh Seksyen Pengurusan Maklumat, dengan kerjasama Seksyen Dasar secara dalaman. Pengguna sistem ini ialah Seksyen Dasar. Fungsi utama sistem ini adalah untuk mentadbir dan memantau pemegang amanah yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta258].





## 5. BENGKEL PENULISAN DAN SEMAKAN SEMULA PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT (PSTM) BHEUU 2011-2015



Bengkel Penulisan & Semakan Semula Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) BHEUU 2011-2015 telah diadakan pada 27 - 29 Ogos 2013 bertempat di Heritage Hotel, Cameron Highland. Bengkel ini telah dihadiri seramai 23 orang pegawai dari BHEUU, JBG dan Mdl.



Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mengemas kini dan menyemak semula Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) BHEUU 2011-2015 sedia ada agar selari dengan perancangan tahunan yang dibuat. Selain itu, bengkel ini juga dilaksanakan bagi penjajaran semula teras, program serta aktiviti PSTM BHEUU dengan Pelan Strategik BHEUU dan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Sektor Awam.

Bengkel selama tiga (3) hari ini telah berjaya menghasilkan sebuah dokumen semakan semula Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) BHEUU 2011-2015 yang telah dikemas kini dan menjadi garis panduan pelaksanaan program serta aktiviti ICT di BHEUU bagi tempoh tersebut.



## SEKSYEN KEWANGAN

Bajet Mengurus Tahun 2013 yang diluluskan untuk tiga aktiviti di bawah program Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang adalah berjumlah RM 118,090,000.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM 119,993,734.94 (99.75%) turut melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM 2,000,000.00.

Bajet Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2013 adalah RM 49,838,900.00. Jumlah perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM 38,604,664.30 (95.30%) dan sebanyak RM 37,109,980.90 (96.13%) daripada jumlah peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan untuk projek fizikal, sebanyak RM 1,494,683.40 (3.87%) dibelanjakan untuk projek bukan fizikal.

Sebanyak 2091 baucer tuntutan bayaran bernilai RM 19,768,634.48 telah diluluskan daripada peruntukan Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan. Semua bil telah diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari.



*Sistem e-SPKB, e-Terimaan dan e-Perolehan digunakan untuk memproses bayaran.*



# SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## 1. KEURUSETIAAN

Sepanjang tahun 2013, beberapa Mesyuarat telah diadakan pada peringkat Pengurusan Sumber Manusia seperti berikut:

- (i) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)
- (ii) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji)
- (iii) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (APC)
- (iv) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Anjakan Gaji)
- (v) Mesyuarat Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU
- (vi) Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan
- (vii) Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU)
- (viii) Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- (ix) Mesyuarat Pengurusan
- (x) Mesyuarat Lembaga Tatatertib

## 2. KURSUS DAN LATIHAN

Sebanyak 30 kursus telah diadakan bagi pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan I dan II. Program Latihan pada tahun 2013 memberi fokus kepada program Latihan berkaitan Asas Kewangan dan Aset. Selain kursus, 12 Program Ceramah Keutuhan juga telah diadakan dengan tajuk-tajuk menarik seperti berikut:

- (i) Keseronokan Bekerja
- (ii) Kuasa Pengguna
- (iii) Manusia OK + OK
- (iv) Perancangan Pewarisan Harta
- (v) Kesedaran Keselamatan Kebakaran
- (vi) Pengurusan Stress
- (vii) Aku Ramadhan dan Al-Quran
- (vii) Kesedaran Pengurusan Kewangan
- (ix) Skim Simpanan Pendidikan Nasional & Bayaran Balik PTPTN
- (x) Innovation Made Simple
- (xi) Keutuhan Bahasa Melayu Dalam Pembinaan Jati Diri Bangsa Malaysia
- (xii) Adab Seorang Warga Digital

Prestasi Kehadiran Berkursus pegawai-pegawai BHEUU telah mencapai 100% dengan kehadiran berkursus sekurang-kurangnya 7 hari seperti yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

Dalam usaha mencapai kehadiran berkursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun, sesi EPSA juga telah diadakan secara berkala.

### 3. PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

HRMIS merupakan salah satu aplikasi utama dalam Kerajaan Elektronik dan telah dibangunkan bagi memastikan Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam diuruskan dengan efisien dan berkesan.

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS dan sehingga Disember 2013, peratus pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan seperti berikut:

Bil	Perkara	Pencapaian KPI	Sasaran KPI
(i)	Submodul Rekod Peribadi	100%	(100%)
(ii)	Submodul Profil Perkhidmatan	100%	(100%)
(iii)	Submodul Perisytiharan Harta	98.48%	(98%)
(iv)	Submodul SKT	97.45%	(90%)

### 4. PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (MDI)

BHEUU bertanggungjawab dalam menyelaras kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor bagi cawangan-cawangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl).

Sepanjang tahun 2013, BHEUU telah memproses perlanjutan serta penyewaan baru ruang pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) seperti berikut:

#### PELANJUTAN PENYEWAAN RUANG PEJABAT (3 TAHUN)

Cawangan-cawangan JBG	Cawangan-cawangan Mdl
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selangor</li> <li>• Wilayah Persekutuan</li> <li>• Perlis</li> <li>• Terengganu</li> <li>• Langkawi</li> <li>• Sibü</li> <li>• Miri - dilanjutkan setahun sahaja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Johor Bahru</li> <li>• Muar</li> <li>• Negeri Sembilan</li> <li>• Selangor</li> <li>• Wilayah Persekutuan</li> <li>• Temerloh</li> <li>• Kota Bharu</li> <li>• Terengganu</li> <li>• Kuching</li> </ul>

#### PENYEWAAN RUANG PEJABAT BARU

Cawangan-cawangan JBG	Cawangan-cawangan Mdl
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Johor Bahru</li> </ul>	-

## 5. KURSUS AWAM KESELAMATAN KEBAKARAN (ASAS) OLEH PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN DAN BENCANA (PKKB) DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT WAKAF TAPAI, TERENGGANU

BHEUU dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menganjurkan Kursus Awam Keselamatan Kebakaran (Asas) selama empat (4) hari bermula 11 hingga 14 November 2013 bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Wakaf Tapai, Terengganu. Seramai 43 orang peserta terdiri daripada Pegawai Keselamatan Kebakaran dan Bencana (PKKB) BHEUU, JBG dan Mdl telah mengambil bahagian dalam kursus tersebut.

Kursus asas ini dianjurkan bagi memantapkan keupayaan Pasukan Keselamatan Kebakaran secara keseluruhannya mengenai aspek pencegahan kebakaran, memberikan pendedahan serta memahami tentang keperluan keselamatan di tempat kerja khususnya bahaya-bahaya kebakaran dan keselamatan.

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk:

- Memberi pendedahan mengenai risiko bencana di bangunan serta menerangkan prosedur keselamatan yang perlu diambil bagi mengurangkan risiko bencana;
- Memberi kefahaman dan kemahiran menggunakan peralatan kebombaian dan sistem perlindungan kebakaran yang terdapat di bangunan dan tempat kerja; dan
- Meningkatkan kefahaman tentang peranan PKKB dalam aspek keselamatan pencegahan kebakaran bagi mengurangkan risiko kebakaran dan bencana di bangunan.





## 6. LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (FIRE EVACUATION DRILL) DI BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Evacuation Drill*) di Bangunan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah diadakan dengan jayanya pada 23 Disember 2013 (Isnin) dengan kerjasama Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (Cawangan Putrajaya) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia bermula jam 9.30 pagi yang melibatkan seramai 377 warga bangunan termasuk orang awam.



Latihan Pengungsian Bangunan bermula dengan loceng amaran dibunyikan dan semua warga bangunan diarahkan berkumpul di perkarangan padang di hadapan Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, Presint 3. Latihan melibatkan mangsa kebakaran dan simulasi asap kebakaran di mana 2 mangsa yang terperangkap di Tingkat 5 dan Tingkat 3 telah berjaya diselamatkan. Tiada kehilangan nyawa dilaporkan dalam insiden ini. Sesi latihan ini mendapat kerjasama yang memuaskan daripada warga bangunan dengan bantuan Pasukan Keselamatan Kebakaran yang dilantik di kalangan pegawai BHEUU, JBG dan Mdl.

Sesi post mortem juga telah dijalankan sejurus selepas latihan ini bagi mengenalpasti kelemahan dan kekangan yang dihadapi bagi tujuan penambahbaikan di masa akan datang.



*Seorang pegawai yang sedang dirawat*



## 7. MAJLIS KECEMERLANGAN JPM

BHEUU telah terlibat secara langsung dalam program Hari Inovasi JPM Tahun 2013 dan Majlis Kecemerlangan JPM Tahun 2013 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya, pada 1 Oktober 2013. Hari Inovasi JPM Tahun 2013 yang diadakan pada sebelah pagi telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara manakala Majlis Kecemerlangan JPM Tahun 2013 pula telah diadakan pada sebelah malam dan disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin.

## 8. MAJLIS KECEMERLANGAN JPM TAHUN 2013

Sewaktu Majlis Kecemerlangan JPM Tahun 2013, BHEUU telah dinobatkan sebagai Naib Johan Kategori *Most Promising* Anugerah Inovasi JPM Tahun 2012. YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim [Ketua Pengarah BHEUU] telah menerima hadiah daripada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri.



YBhg. Dato' Haji Ismail Bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU telah menerima hadiah daripada YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin



## 9. LAPORAN PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI

### (i) KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT BHEUU TAHUN 2013

BHEUU telah menganjurkan Konvensyen (KIK) Peringkat BHEUU Tahun 2013 pada 16 Mei 2013 bertempat di Dewan Harmoni, BHEUU. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Rosli Ramli [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan)] mewakili Ketua Pengarah, YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, dengan penglibatan 6 kumpulan, 5 kumpulan daripada BHEUU dan 1 kumpulan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl).



*Sebahagian daripada KIK yang membuat persembahan*



*Para peserta Konvensyen bergambar dengan YBhg. Ketua Pengarah BHEUU, Ketua Pengarah JBG dan Ketua Pengarah insolvensi*

## (ii) HARI INOVASI JPM TAHUN 2013

BHEUU terlibat secara langsung dalam program Hari Inovasi JPM Tahun 2013 yang diadakan pada 1 Oktober 2013 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya. BHEUU telah dipertanggungjawabkan oleh JPM untuk mengetuai Jawatankuasa Logistik dan Makanan disamping dijemput untuk mengadakan pameran. Jawatankuasa Pengurusan Tenaga (JKPTEN) BHEUU yang mempelopori Program Penjimatan Tenaga BHEUU telah mengadakan pameran sepanjang program tersebut berlangsung.



*YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara turut melakukan lawatan ke gerai pameran BHEUU*

## (iii) LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN 5S BHEUU TAHUN 2013

BHEUU telah mengadakan Lawatan Penanda Aras Amalan 5S BHEUU Tahun 2013 ke Negeri Kedah dan Pulau Pinang pada 30 Jun hingga 2 Julai 2013. Delegasi BHEUU yang terdiri daripada 24 orang pegawai dan kakitangan telah melawat dan menanda aras Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Negeri Kedah pada 1 Julai 2013 dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDT DTL), Pulau Pinang pada 2 Julai 2013.



*Delegasi BHEUU ketika sedang mendengar taklimat dan menanda aras pelaksanaan Amalan 5S di JPN Kedah.*





*Delegasi BHEUU ketika sedang mendengar taklimat dan menanda aras pelaksanaan Amalan 5S di PDT DTL, Pulau Pinang*

## 10. PUSAT SUMBER BHEUU

Sepanjang tahun 2013 Perpustakaan BHEUU telah mengadakan beberapa aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta cintakan ilmu di kalangan warga BHEUU.

Aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

### (i) **Book To Your Desk**

Aktiviti ini telah didakan sebanyak 5 kali yang berkonsepkan perpustakaan bergerak di mana buku-buku akan dibawa oleh petugas Perpustakaan ke meja warga BHEUU. Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini tanpa perlu datang ke Perpustakaan.

**(ii) Sesi Pendidikan Pengguna Perkhidmatan Perpustakaan**

Program ini telah diadakan sebanyak 2 sesi pada 15 Mei 2013 bertempat di Bilik Latihan ICT dari jam 9.30 pagi-4.30 petang. Program ini bertujuan memperkenalkan Sistem Perpustakaan dan modul dalam sistem perpustakaan (ILMU) kepada semua kakitangan BHEUU, JBG dan Mdl yang baru melapor diri. Program Sesi Pendidikan Pengguna ini diharap dapat membantu warga BHEUU, JBG dan Mdl mengenali dengan lebih mendalam perpustakaan di samping menggalakkan penggunaan perpustakaan sepenuhnya.

**(iii) Program Pameran dan Jualan Buku sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2013**

Sempena Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan, Perpustakaan telah mengadakan pameran dan jualan buku di ruang lobi BHEUU pada 10-11 Oktober 2013 (Khamis dan Jumaat). Pameran 2 hari ini diharap dapat membantu memartabatkan Bahasa Kebangsaan di samping meningkatkan lagi minat warga BHEUU terhadap bahan bacaan yang sesuai selari dengan dasar pembelajaran sepanjang hayat perkhidmatan awam.



*Program Pameran dan Jualan Buku Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2013*

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sepanjang tahun 2013, operasi BHEUU telah disokong dengan beberapa program publisiti dan promosi jabatan melalui pengurusan hal ehwal pelanggan, promosi, dokumentasi dan penerbitan bagi menyebarkan maklumat jabatan kepada kumpulan sasaran.

## 1. PENGURUSAN PELANGGAN

Kepuasan pelanggan merupakan keutamaan sesebuah Jabatan. BHEUU telah melaksanakan beberapa Kajian Kepuasan Pelanggan untuk mendapatkan maklum balas bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan. Unit Komunikasi Korporat turut menerima maklum balas melalui kaunter khidmat pelanggan, sistem e-rating dan perkhidmatan telefon.



*Pegawai Khidmat Pelanggan berurusan dengan pelanggan melalui perkhidmatan melalui telefon*



*Maklum balas melalui sistem e-Rating dan i-SPAAA*



## 2. PENGURUSAN MEDIA

Pengurusan media yang teratur bukan sahaja memudahkan jabatan menyalurkan maklumat kepada pihak media tetapi juga memudahkan wartawan mendapatkan maklumat yang tepat untuk disampaikan kepada kumpulan sasar.



*YBhg. Dato' Mohd Rosli Ramli [ TKP ( D & P ) BHEUU ], bersiaran langsung di Kelantan FM*





*YB Dato' Seri Nazri Abd. Aziz ketika sidang media Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Malaysia dan Asean-African Legal Consultative Organization (AALCO) di Hotel Hilton Kuala Lumpur*



*YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab soalan wartawan semasa sidang media Sambutan Hari Raya BHEUU*



*Wartawan mendapatkan maklumat terperinci daripada Ketua Komunikasi Korporat BHEUU*

### 3. PENERBITAN DAN DOKUMENTASI AKTIVITI

Penerbitan Laporan Tahunan BHEUU dan Buletin BHEUU merupakan medium utama untuk menyampaikan maklumat mengenai BHEUU. Kedua-dua penerbitan ini diedarkan kepada pelbagai agensi Kerajaan. Disamping itu, Portal BHEUU, e-mel dan media sosial seperti *Facebook* turut digunakan sebagai medium menyebarkan maklumat. Selain daripada itu, rakaman video dan foto bagi aktiviti BHEUU turut didokumentasikan untuk dijadikan bahan rujukan.



*Koleksi Buku Laporan Tahunan dan Buletin BHEUU*



*Laman Facebook BHEUU yang boleh dilayari di:  
<https://www.facebook.com/pages/Bahagian-Hal-Ehwal-Undang-Undang-JPM>*



*Rakaman video sedang dilakukan*



#### 4. PENGURUSAN MAJLIS



*YBhg. Dato' Haji Ismail brahim (Ketua Pengarah BHEUU) memberi taklimat kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri*



*YB Puan Hajah Nancy Shukri menghadiri majlis sambutan Hari Raya BHEUU 2013*



*Majlis serah tugas YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abd. Aziz kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri*



*Majlis Perhimpunan Bulanan BHEUU*



*Pertandingan Berbalas Pantun sempena Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat BHEUU*

## 5. KEURUSETIAAN

Unit Komunikasi Korporat turut menjadi urusetia kepada beberapa Mesyuarat antaranya ialah :

- (i) Mesyuarat Kajian Kepuasan Pelanggan
- (ii) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam
- (iii) Mesyuarat Pengurusan Pelanggan
- (iv) Mesyuarat Penerbitan Laporan Tahunan BHEUU
- (v) Mesyuarat Pelan Komunikasi Krisis BHEUU
- (vi) Mesyuarat Moderator Facebook BHEUU
- (vii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Protokol
- (viii) Mesyuarat Jawatankuasa Bulan Bahasa Kebangsaan 2013

Unit Komunikasi Korporat menjadi penyelaras kepada BHEUU bagi menguruskan sumbangan dan bantuan kepada mangsa banjir di Pahang. Bantuan tersebut dihantar melalui Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri.



*Unit Komunikasi Korporat turut menjadi urusetia kepada Pertandingan Berbalas Pantun sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat BHEUU*



*Warga BHEUU menghulurkan sumbangan kepada Tabung Wira Lahad Datu, Sabah*



*Unit Komunikasi Korporat menjadi penyelaras kepada BHEUU bagi menguruskan sumbangan dan bantuan kepada mangsa banjir di Pahang*





## KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK)

Pada tahun 2013, KSK BHEUU meneruskan tradisi untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik dalam menjaga kebajikan Ahli KSK BHEUU keseluruhannya. Berkat kepimpinan YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim (Pengerusi KSK) serta sokongan daripada semua ahli, KSK BHEUU telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang lebih menarik dan berfaedah. Aktiviti ini dilaksanakan melalui 9 Biro iaitu :-

- |                      |                                  |
|----------------------|----------------------------------|
| 1. Biro Keurusetiaan | 6. Biro Ekonomi                  |
| 2. Biro Kewangan     | 7. Biro Sosial dan Rekreasi      |
| 3. Biro Sukan        | 8. Biro Pembangunan Diri         |
| 4. Biro Kebajikan    | 9. Biro Penerbitan dan Publisiti |
| 5. Biro Agama        |                                  |

### Program dan Aktiviti KSK BHEUU 2013

AKTIVITI	TARIKH
Perarakan Maulidul Rasul Peringkat Kebangsaan	24 Jan 2013
Mesyuarat Khas Undang-Undang KSK	25 Jan 2013
Majlis Bacaan Yasin setiap Jumaat Minggu Pertama	8 Feb 2013
Pertandingan Futsal Kelab Bukit Perdana	17 Feb 2013
Jualan Jumaat BHEUU (JJB)	1 Mac 2013
Mesyuarat Agung Tahunan KSK BHEUU Ke-25	27 Mac 2013
Pertandingan Bola Jaring Kelab Bukit Perdana	6 April 2013
Program Rekreasi di Taman Negara Kuala Tahan	26 – 28 April 2013
Pertandingan <i>Paintball</i>	18 - 19 Mei 2013
Lawatan ke Industri Kecil dan Sederhana (Jamirah Food Industries)	30 Mei 2013
Jualan Baju Korporat BHEUU	25 Jun 2013
Kempen Derma Darah	8 Julai 2013
Jamuan Hari Raya JPM anjuran bersama KSK BHEUU dan BHEUU	21 Ogos 2013
Jamuan Hari Raya BHEUU anjuran bersama BHEUU	22 Ogos 2013
Pertanding Bola Sepak 9 Sebelah Kelab Bukit Perdana	28 Sept 2013
Pertandingan <i>Bowling</i> Kelab Bukit Perdana	5 Okt 2013
Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah MAKSWIP di Perlis	13 – 15 Dis 2013

Galeri Gambar KSK BHEUU



*Maulidur Rasul*



*Mesyuarat Agung KSK BHEUU Ke-25*



*Pertandingan Bola Jaring Bukit Perdana*



*Jamuan Hari Raya BHEUU*



*Kempen Derma Darah*



*Lawatan ke Jamirah Food Industries*



## PUSPANITA CAWANGAN KECIL BHEUU

Aktiviti PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU bagi tahun 2013 telah dimulakan dengan Mesyuarat Agung Kali Ke-3 pada 13 Februari 2013. Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU yang baharu telah dilantik adalah seperti berikut:

### AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	YBhg. Datin Hajah Che Kamariah Abdullah
Naib Pengerusi I	:	Puan Hajah Rugayah Ismail
Naib Pengerusi II	:	YBhg. Datin Asmahan Zainol
Timbalan Pengerusi I	:	Cik Akhzailina Md Akhir
Timbalan Pengerusi II	:	Cik Selvakumari Selvadasan
Setiausaha	:	Puan Marietta Rachel Lukie
Penolong Setiausaha	:	Puan Raden Lailani Raden Othman
Bendahari	:	Puan Farah Nadilla Rahmat
Penolong Bendahari	:	Puan Siti Azura Ismail
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Siti Suhaila Surati
		Puan Rosmawati Salehuddin
		Cik Salmiah Abdul Wahab
		Puan Isnaniwati Ginulis@Imran
		Puan Nur Suhaila Sazali
		Cik Norliza M Jamil
		Cik Siti Shafarazat Mohd Shaharin
		Cik Nur Izzati Abdullah

### SENARAI AKTIVITI

Tarikh

Aktiviti

12 Februari 2013	:	Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah BHEUU Bersama Ahli PUSPANITA BHEUU
	:	Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU
29 April 2013	:	Lawatan ke Muzium Coklat Kota Damansara
23 – 26 Mei 2013	:	Lawatan ke Krabi + Phi Phi Island + Hatyai
5 Jun 2013	:	Seminar “Rumahku Syurgaku”
14 Jun 2013	:	Kelas Membuat Mi Kuning dan Roti
27 Jun 2013	:	Lawatan Ke Kompleks Kraf Jalan Conlay
15 – 31 Julai 2013	:	Jualan Kurma S empena Ramadan
26 Julai 2013	:	Kelas Asas Solekan daripada “SIMPLYSITI”
26 Julai 2013	:	Gerai Jualan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan BHEUU
2 Ogos 2013	:	Program Menderma Sambil Beramal Sempena Aidilfitri
1 Oktober 2013	:	Kempen Kitar Semula Sisa Minyak Masak



- 4 Oktober 2013 : Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat
- 18 Oktober 2013 : Kelas Kesihatan Kulit Wajah Bersama Mary Kay
- 25 Oktober 2013 : Kempen Derma Darah PUSPANITA
- 26 September 2013 : Penyertaan Seminar Pemerkasaan Pengguna Anjuran PUSPANITA Kebangsaan
- 11 Disember 2013 : Majlis Hi-Tea “Sanjungan Budi Lambaian Kasih”
- 19 Disember 2013 : Lawatan Ke Karang Kraf, Shah Alam
- Setiap hari : Jualan di Kiosk PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU
- Setiap minggu : Latihan Badminton



*Lawatan ke Kompleks Karang Kraf*



*Kempen Derma Darah*



*Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak*





*Lawatan ke Muzium Coklat, Kota Damansara*



*Kedai Serbaneka Puspanita Bheuu*



*Choco Dedication*

# JABATAN BANTUAN GUAMAN



<http://www.jbg.gov.my>

# kandungan

Pengurusan tertinggi JBG	:: 63
Ketua Bahagian JBG	:: 64
Ketua Cawangan JBG	:: 65
<b>A. Pengenalan JBG</b>	<b>:: 68</b>
• Visi	
• Misi	
• Objektif	
• Piagam Pelanggan JBG	
• Carta Organisasi JBG 2013	
<b>B. Laporan Aktiviti Utama JBG 2013</b>	<b>:: 69</b>
I. Bahagian Litigasi dan Nasihat Civil	:: 69
II. Bahagian Litigasi dan Nasihat Syariah	:: 72
III. Permohonan Kes Pengecualian Menteri Dan Kelulusan Ketua Pengarah Bagi Tahun 2013	:: 74
IV. Pengantaraan	:: 76
V. Program Kesedaran Masyarakat 2013	:: 78
• Program kesedaran masyarakat Ibu Pejabat	
• Program kesedaran masyarakat oleh Cawangan JBG	
• Ceramah undang-undang	
• Media massa	
VI. Bahagian Penyelidikan dan Dasar	:: 87
• Mengadakan kajian penyelidikan undang-undang ke pada Akta Bantuan Guaman 1071	
• Penyediaan arahan Ketua Pengarah	
• Jawatankuasa analisa statistis Jabatan Bantuan Guaman	
• Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri	
• Penyediaan maklum balas dan kertas kerja berkaitan dengan dasar dan perundangan Jabatan	
VII. Bahagian Peguam Panel	:: 90
• Penyerahan kes kepada peguam panel	
• Penyelesaian kes oleh peguam panel	
<b>C. Bahagian Khidmat Pengurusan</b>	<b>:: 92</b>
• Peruntukan kewangan	
• Pembangunan modal insan	
<b>D. Laporan Aduan Jabatan Bantuan Guaman</b>	<b>:: 106</b>
<b>E. Laporan Unit Teknologi Maklumat</b>	<b>:: 114</b>
• Penarafan 5 bintang portal JBG	
• Sistem Maklum balas JBG4U	
<b>Album JBG</b>	<b>:: 116</b>
<b>Keratan Akhbar JBG</b>	<b>:: 124</b>



# Pengurusan Tertinggi

## JABATAN BANTUAN GUAMAN



**PUAN SITI ZAWAHIR MOHAMED**  
KETUA PENGARAH JBG



**ENCIK WAN JEFFRY BIN KASSIM**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH SIVIL  
*(Sehingga 1 November 2013)*



**ENCIK ABDUL RASID SUDIN**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH SIVIL  
*(Mulai 1 November 2013)*



**ENCIK MOHD NADZRI ABD RAHMAN**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH SYARIAH  
*(Sehingga 28 Februari 2013)*



**PUAN HAJAH NOOR HADINA AHMAD ZABIDI**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH SYARIAH  
*(Mulai 1 Mac 2013)*

# Ketua Bahagian

## JABATAN BANTUAN GUAMAN



**PUAN ISMA JULIANA ISHAK**  
*Pengarah Penyelidikan dan Dasar*



**ENCIK SHAHRONI SANUSI**  
*Pengarah Pengantaraan (Sivil)*



**PUAN FARIZA MILAQURSHIAH MAHMUD**  
*Pengarah Peguam Panel*



**PUAN WAN AIZAA WAN ABDULLAH**  
*Pengarah Pengantaraan Syariah*



**PUAN SOFIAN AHMAD**  
*Pengarah Litigasi dan Nasihat (Syariah)*



**PUAN AIDA FATIMA DATO' ABD. JABAR**  
*Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil)*



**PUAN MINI PANGGI**  
*Penolong Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan*

# Ketua Cawangan

## JABATAN BANTUAN GUAMAN



**PUAN NOOR SAKINAH HAROON ARASHID**  
*Pengarah JBG Selangor*



**PUAN SAYANI MOHD NOR**  
*Pengarah JBG Wilayah Persekutuan*



**ENCIK MAZDI ABDUL HAMID**  
*Pengarah JBG Kedah*



**ENCIK JAILANI RAHMAN**  
*Pengarah JBG Johor*



**ENCIK MOHAMED FAIZAL MOHAMED FEDDER**  
*Pengarah JBG Kelantan*



**ENCIK AZIZAN ABDULLAH**  
*Pengarah JBG Pahang*



**ENCIK MAH YUT CHOY**  
*Pengarah JBG Perak*

15

16



# Ketua Cawangan

## JABATAN BANTUAN GUAMAN



**PUAN ZABIDAH AHMAD**  
*Pengarah JBG Pulau Pinang*



**PUAN JUNARIAH DATU DERIN**  
*Pengarah JBG Sabah*



**ENCIK ADAM MOHAMED@MAMAT**  
*Pengarah JBG Terengganu*



**PUAN RONIE ENTILI**  
*Pengarah JBG Sarawak*



**PUAN YUSLIZA AWAL**  
*Pengarah JBG Melaka*



**CIK AZA FYREEN ABD AZIZ**  
*Pengarah JBG Perlis*



**ENCIK MOHD SYAHZAN RUSNI**  
*Pengarah JBG Negeri Sembilan*

# Ketua Cawangan JABATAN BANTUAN GUAMAN



**ENCIK WAN HAFIZUDDIN OSMAN**  
*Penolong Pengarah JBG Muar*



**CIK RAMATH NISA SEGU ALAVUDIN**  
*Penolong Pengarah JBG Taiping*



**CIK NOORHANI MUHMMED AYUB**  
*Penolong Pengarah JBG Raub*



**CIK YONG SUK HUI**  
*Penolong Pengarah JBG Miri*



**ENCIK SABI RAMLEE**  
*Penolong Pengarah JBG Wilayah Persekutuan  
Labuan*



**PUAN SAFIAH HASHIM**  
*Penolong Pengarah JBG Gua Musang*



**ENCIK NOR KAMAL KASSIM**  
*Penolong Pengarah JBG Sibul*



**ENCIK YUSMAN ABD RASJID**  
*Penolong Pengarah JBG Langkawi*



## PENGENALAN, VISI, MISI, OBJEKTIF & PIAGAM PELANGGAN

### Pengenalan

Setelah 43 tahun Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman (BBG) menyumbangkan jasanya kepada masyarakat di Malaysia dengan memberi bantuan dan nasihat guaman, kini ia mampu berbangga dengan kejayaannya apabila bermula dengan sebuah pejabat kecil di Jalan Tuanku Abdul Rahman, kini ia sudah berkembang dengan 22 cawangan di seluruh negara dan beribu pejabat di Putrajaya. Bermula dengan 8 orang pegawai dan kakitangan, kini JBG telah mempunyai 482 orang pegawai dan kakitangan di seluruh negara.

JBG ditubuhkan pada September 1970 di bawah Ordinan No. 39 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 dan objektif awal penubuhannya adalah untuk memberi bantuan dan nasihat guaman kepada orang yang kurang berkemampuan bagi membolehkan kos bantuan atau nasihat guaman ditanggung keseluruhannya atau sebahagiannya daripada wang awam.

Selaras dengan perkembangan Jabatan dan penambahan pegawai, JBG telah memikul tanggungjawab untuk membantu memberi bantuan dan nasihat guaman kepada masyarakat dan pada masa yang sama menggalas harapan Kerajaan untuk memberi kesedaran undang-undang kepada masyarakat. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2013 agar Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk perkhidmatan teras JBG berjaya mencapai sasaran.

### Visi

Untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran dan keadilan.

### Misi

Memberikan perkhidmatan bantuan guaman dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan.

### Objektif

Memberi bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkelayakan dengan cekap, tepat dan berkesan.

### Piagam Pelanggan

- Memastikan semua urusan di kaunter diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi lima belas (15) minit;
- Memastikan nasihat undang-undang diberi dengan cepat, tepat dan berkesan;
- Memastikan khidmat pengantaraan diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh persetujuan kedua-dua pihak untuk mendapatkan khidmat pengantaraan;
- Memastikan pemfailan kes-kes ke Mahkamah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu selepas penerimaan dokumen-dokumen yang lengkap;
- Memastikan perintah bersih diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh satu (1) minggu selepas diterima dari Mahkamah; dan
- Memastikan nasihat undang-undang dan bantuan guaman diberi secara efisien dan berkesan selaras dengan keperluan dan berasaskan prinsip kesamarataan di sisi undang-undang.




## B. LAPORAN AKTIVITI UTAMA JBG 2013

Tahun 2013 menunjukkan pencapaian JBG dalam melaksanakan fungsi yang ditetapkan bagi setiap perkhidmatan teras seperti yang berikut:

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN 2012	PENCAPAIAN 2013
1.	Kes yang didaftarkan (kes Syariah, sivil dan jenayah)	17,288	15,905
2.	Khidmat nasihat	37,144	36,956
3.	Pengantaraan	3,733 kes	5,257 kes
4.	Program kesedaran undang-undang	2,062	1,575


### I. BAHAGIAN LITIGASI DAN NASIHAT SIVIL

Rajah 1 : Statistik Perbandingan Khidmat Nasihat Kes Sivil Bagi Tahun 2012 Dan 2013




Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes sivil bagi 2013 adalah sebanyak 13,064 berbanding 12,424 bagi tempoh yang sama pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 640 khidmat nasihat. Berdasarkan Rajah 1, peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 364 khidmat nasihat, diikuti oleh Pulau Pinang 326 khidmat nasihat dan Muar dengan 251 khidmat nasihat. Penurunan khidmat nasihat dicatatkan oleh JBG Selangor dengan penurunan 637 khidmat nasihat, Sabah sebanyak 383 khidmat nasihat dan Kedah dengan penurunan 94 khidmat nasihat. Cawangan yang mencatatkan jumlah khidmat nasihat sivil tertinggi bagi tahun 2013 ialah JBG Johor dengan jumlah 1760 khidmat nasihat dan Cawangan yang paling sedikit bilangan khidmat nasihat sivil ialah Wilayah Persekutuan Labuan dengan jumlah 91 khidmat nasihat.

Rajah 2 : Statistik Perbandingan Jumlah Pendaftaran Kes Sivil Bagi Tahun 2012 Dan 2013




Secara keseluruhannya, statistik pendaftaran kes sivil bagi 2013 ialah 4577 kes dengan mengalami sedikit penurunan sebanyak 31 kes berbanding 4608 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2012. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan peningkatan sebanyak 195 kes, Cawangan Muar sebanyak 76 kes, Negeri Sembilan sebanyak 60 kes, Taiping sebanyak 47 kes, Pulau Pinang sebanyak 38 kes, Raub sebanyak 35 kes dan Melaka sebanyak 29 kes berbanding 2012. Cawangan yang menunjukkan penurunan tertinggi dicatatkan oleh JBG Sarawak dengan penurunan sebanyak 201 kes, Johor dengan 117 kes, Sabah dengan 62 kes diikuti oleh Perak sebanyak 40 kes, Perlis sebanyak 35 kes, dan Selangor sebanyak 34 kes berbanding 2012. Cawangan yang mencatatkan pendaftaran kes tertinggi bagi tahun 2013 ialah JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah 739 kes dan Cawangan yang paling sedikit jumlah pendaftaran kes ialah Gua Musang dengan 6 kes didaftarkan.

Rajah 3 : Statistik Perbandingan Khidmat Nasihat Kes Jenayah Bagi Tahun 2012 Dan 2013



Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes jenayah bagi 2013 adalah sebanyak 3209 berbanding 2363 bagi tempoh yang sama pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 846 khidmat nasihat. Berdasarkan Rajah 3, peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Taiping 580 khidmat nasihat, diikuti oleh Kelantan 314 khidmat nasihat dan Pulau Pinang dengan 154 khidmat nasihat. Penurunan khidmat nasihat dicatatkan oleh JBG Selangor dengan penurunan 137 khidmat nasihat, Sabah dengan 161 khidmat nasihat dan Kedah dengan penurunan 138 khidmat nasihat. Cawangan yang mencatatkan jumlah khidmat nasihat jenayah tertinggi bagi tahun 2013 ialah Cawangan Taiping dengan jumlah 603 khidmat nasihat dan Cawangan yang paling sedikit bilangan khidmat nasihat jenayah ialah Miri dengan jumlah 14 khidmat nasihat.

Rajah 4 : Statistik Perbandingan Jumlah Pendaftaran Kes Jenayah Bagi Tahun 2012 Dan 2013




Secara keseluruhannya, statistik pendaftaran kes jenayah bagi 2013 ialah 2600 kes mengalami peningkatan sebanyak 384 kes berbanding 2216 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2012. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Pulau Pinang dengan peningkatan sebanyak 133 kes, Kelantan sebanyak 83 kes, Cawangan Langkawi sebanyak 73 kes, Johor sebanyak 33 kes, Perlis sebanyak 26 kes dan Melaka juga sebanyak 26 kes berbanding 2012. Cawangan yang menunjukkan penurunan tertinggi dicatatkan oleh JBG Selangor dan Pahang, keduanya dengan penurunan sebanyak 49 kes, Muar sebanyak 8 kes, Kedah sebanyak 62 kes dan Sibu sebanyak 1 kes berbanding 2012. Cawangan yang mencatatkan jumlah pendaftaran kes tertinggi bagi tahun 2013 ialah JBG Kedah dengan 628 kes dan Cawangan yang paling sedikit jumlah pendaftaran kes jenayah ialah Wilayah Persekutuan Labuan dengan 3 kes didaftarkan.




## II. BAHAGIAN LITIGASI DAN NASIHAT SYARIAH

Rajah 5 : Statistik Perbandingan Khidmat Nasihat Syariah Bagi Tahun 2012 dan 2013




Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes Syariah JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2013 adalah sebanyak 20,247 berbanding 19,667 bagi tempoh yang sama pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 2.9% (580). Berdasarkan rajah di atas, didapati 14 cawangan dan Ibu Pejabat mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2012 manakala 8 cawangan iaitu Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Sabah dan Miri mencatatkan penurunan. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Muar 307 khidmat nasihat, diikuti Melaka 218 khidmat nasihat dan Kuala Lumpur dengan 181 khidmat nasihat. Penurunan terbanyak dicatatkan oleh JBG Pahang dengan penurunan 236 khidmat nasihat, Sabah 212 khidmat nasihat dan Selangor dengan penurunan 188 khidmat nasihat. Cawangan yang mencatatkan jumlah khidmat nasihat Syariah tertinggi bagi tahun 2013 ialah Cawangan Johor Bahru dengan jumlah 2096 khidmat nasihat dan Cawangan yang paling sedikit bilangan khidmat nasihat Syariah ialah Miri dengan jumlah 227 khidmat nasihat.

Rajah 6 : Statistik Khidmat Nasihat Kes Syariah Bagi Tahun 2013 Mengikut Jenis Kes (Dalam Bidang Kuasa)




Peratusan khidmat nasihat kes Syariah JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2013 mengikut jenis kes (dalam bidang kuasa) menunjukkan kes cerai mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 58.9% (11,587 kes) diikuti kes nafkah sebanyak 14.6% (2,857 kes), kes jagaan sebanyak 11.9% (2,327 kes), kes harta sepencarian sebanyak 6.8% (1,350 kes), kes mutaah sebanyak 3% (576 kes), kes kuatkuasa perintah nafkah sebanyak 1.8% (358 kes), dan kes ubah perintah nafkah sebanyak 1.3% (254 kes), dan kes selebihnya sebanyak 1.7% (327 kes).

Rajah 7 : Statistik Khidmat Nasihat Syariah Mengikut Jenis Kes (Luar Bidang Kuasa)




Khidmat nasihat bagi kes Syariah luar bidang kuasa JBG bagi tahun 2013 mencatatkan jumlah sebanyak 648 khidmat nasihat. Berdasarkan Rajah 7, kes lain-lain mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 52% (336 khidmat nasihat) meliputi masalah keluarga secara umum, diikuti oleh faraid sebanyak 14% (89 khidmat nasihat), 11% khidmat nasihat berkaitan dengan kes nusyuz (69), khidmat nasihat pengesahan nikah sebanyak 9% (61 khidmat nasihat), poligami 8% (52 khidmat nasihat), Jenayah Syariah 5% (31 khidmat nasihat) dan faraq sebanyak 1% (9 khidmat nasihat).

Rajah 8 : Statistik Perbandingan Jumlah Pendaftaran Kes Syariah Bagi Tahun 2012 Dan 2013



Secara keseluruhannya, statistik pendaftaran kes Syariah bagi tahun 2013 ialah 8,728 kes. Terdapat penurunan sebanyak 872 kes berbanding 9,600 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2012. Peningkatan pendaftaran kes tertinggi dicatatkan oleh JBG Kedah dengan peningkatan sebanyak 95 kes, Sabah sebanyak 75 kes, dan Kelantan sebanyak 62 kes berbanding 2012. Cawangan yang menunjukkan penurunan pendaftaran kes tertinggi dicatatkan oleh JBG Pulau Pinang sebanyak 208 kes, Pahang dengan 185 kes, dan Johor 139 kes berbanding 2012. Cawangan yang mencatatkan jumlah pendaftaran kes Syariah tertinggi bagi tahun 2013 ialah JBG Kelantan dengan jumlah 809 kes dan Cawangan yang paling sedikit jumlah pendaftaran kes Syariah ialah Labuan dengan 51 kes didaftarkan.


Rajah 9 : Statistik Perbandingan Jumlah Pendaftaran Kes Syariah Bagi Tahun 2013 Mengikut Jenis Kes



Peratusan pendaftaran kes Syariah di JBG bagi tahun 2013 mengikut jenis kes menunjukkan kes cerai mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 53% (4,608 kes) diikuti oleh kes nafkah sebanyak 18% (1,593 kes), kes jagaan sebanyak 12% (1,071 kes), kes mutaah sebanyak 6% (519 kes), kes harta sepencarian sebanyak 4% (352 kes), kes kuat kuasa perintah nafkah sebanyak 3% (223 kes), kes ubah perintah nafkah sebanyak 2% (172 kes) dan kes selebihnya sebanyak 2% (190 kes).

### III. PERMOHONAN KES PENGECCUALIAN MENTERI DAN KELULUSAN KETUA PENGARAH BAGI TAHUN 2013

Rajah 10: Statistik Perbandingan Permohonan Kes Pengeccualian Menteri Di Bawah Subseksyen 10(2A) Dan 12(3) Akta Bantuan Guaman [Akta 26] Bagi Kes Syariah, Sivill Dan Jenayah Pada Tahun 2012 Dan 2013






Permohonan untuk kes pengecualian Menteri adalah terbahagi kepada tiga iaitu seperti yang berikut:

- (a) kes di luar bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman (JBG);
- (b) pemohon yang mempunyai sumber kewangan melebihi RM30,000 setahun; dan
- (c) kes di luar bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan pemohon tersebut mempunyai sumber kewangan melebihi RM30,000 setahun.

Pada 2013, sebanyak 171 permohonan telah dibuat kepada Ibu Pejabat JBG bagi kes sivil, jenayah dan Syariah dan daripada jumlah tersebut, 73 kes merupakan kes sivil, 92 kes Syariah dan 6 kes jenayah. Daripada 171 jumlah permohonan yang dibuat, 28 permohonan telah ditolak kerana pelbagai alasan seperti kes pemohon tidak bermerit kerana ketiadaan saksi dan dokumen sokongan dan juga jumlah sumber kewangan pemohon terlalu tinggi. Secara keseluruhannya, jumlah permohonan untuk kes pengecualian menteri menunjukkan peningkatan pada tahun 2013 berbanding 2012 yang menerima 151 permohonan iaitu peningkatan sebanyak 11.6%. Sebanyak 61 permohonan diterima merupakan kes di luar bidang kuasa berbanding 62 pada tahun 2012, 108 kes sumber kewangan melebihi RM30,000 berbanding 89 pada tahun 2012 dan 2 permohonan melibatkan kes di luar bidang kuasa dan pendapatan melebihi RM30,000 pada tahun 2013. Sebanyak 143 permohonan telah diangkat untuk pertimbangan YB Menteri pada tahun 2013 berbanding 134 pada tahun 2012.

Rajah 11 : Statistik Perbandingan Permohonan Kebenaran Ketua Pengarah



Permohonan untuk kelulusan Ketua Pengarah adalah terbahagi kepada tiga iaitu seperti yang berikut:


- (a) permohonan oleh bukan warganegara berdasarkan Arahan Ketua Pengarah (Perundangan) bil. 1 Tahun 2009;
- (b) permohonan untuk kes pengesahan lafaz cerai berdasarkan Arahan Ketua Pengarah (Perundangan) bil. 2 Tahun 2011; dan
- (c) permohonan untuk merayu berdasarkan seksyen 27 Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26].

Secara keseluruhannya, terdapat sedikit peningkatan kepada jumlah permohonan untuk kelulusan Ketua Pengarah bagi tahun 2013 iaitu sebanyak 31 permohonan berbanding 26 pada tahun 2012. Permohonan daripada pemohon bukan warganegara telah meningkat kepada 15 kes berbanding tahun 2012 yang menerima 7 permohonan, iaitu peningkatan sebanyak 8 kes. Permohonan untuk kes pengesahan lafaz cerai pula menunjukkan penurunan iaitu 9 pada 2012 dan hanya 6 pada 2013. Bagi permohonan kebenaran untuk merayu, jumlah permohonan yang diterima adalah sama pada 2012 dan 2013 iaitu masing-masing menerima 10 permohonan. Rayuan untuk kes Syariah mencatatkan 7 kes berbanding 5 kes pada 2012 dan rayuan kes sivil mencatatkan 3 kes berbanding 5 kes pada tahun 2012.

#### IV. PENGANTARAAN


Secara keseluruhannya semenjak pengantaraan diperkenalkan di JBG pada September 2006, kes yang didaftarkan untuk pengantaraan telah meningkat dari setahun ke setahun iaitu pada tahun 2006, jumlah kes pengantaraan hanya 639 kes sahaja tetapi telah meningkat kepada 4701 kes pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, peningkatan ini dilihat agak sekata dari tahun 2009 hingga 2011 apabila jumlah peningkatan adalah antara 379 hingga 431 kes sahaja, sementara 2012 dilihat agak melonjak iaitu peningkatan sebanyak 854 kes. Pendaftaran kes pengantaraan di JBG terus meningkat apabila tahun 2013 mencatatkan jumlah pendaftaran pengantaraan sebanyak 5260 kes. Peningkatan ini memberi petunjuk positif bahawa masyarakat mulai sedar akan faedah dan kebaikan pengantaraan yang dijalankan oleh JBG berbanding meneruskan percabaran kes di mahkamah. Jumlah pendaftaran kes pengantaraan dari tahun 2006 sehingga 2013 ditunjukkan oleh Rajah 12 di bawah—

Rajah 12 : Jumlah Pendaftaran Kes Pengantaraan JBG Dari Tahun 2006 Hingga 2012




Tahun 2013 mencatatkan cawangan JBG yang paling tinggi pendaftaran kes pengantaraan ialah JBG Perak (500 kes), JBG Selangor (493 kes) dan JBG Johor (468 kes) manakala cawangan yang paling rendah kes pengantaraan ialah JBG Labuan diikuti dengan JBG Putrajaya dan JBG Langkawi. Perbandingan jumlah pendaftaran kes pengantaraan tahun 2013 bagi setiap cawangan dapat dilihat daripada Rajah 13 di bawah—

Rajah 13 : Jumlah Pendaftaran Kes Pengantaraan JBG Bagi Tahun 2013



Daripada 5260 kes pengantaraan yang didaftarkan di JBG pada tahun 2013, 66% ialah kes kekeluargaan Syariah, 33% kes kekeluargaan sivil dan 1% kes sivil pelbagai. Jumlah pendaftaran dan peratusan pecahan pengantaraan mengikut kategori kes kekeluargaan Syariah, kekeluargaan sivil dan sivil pelbagai adalah seperti dalam Rajah 14 di bawah:

Rajah 14 : Peratusan Pendaftaran Kes Pengantaraan Mengikut Kategori Kes Kekeluargaan Syariah, Kekeluargaan Sivil Dan Sivil Pelbagai JBG Tahun 2013




Bagi tahun 2013, terdapat peningkatan kadar penyelesaian sidang pengantaraan sebanyak 15.6% daripada tahun 2012 iaitu daripada 2,186 kes kepada 2,532 kes. Penyelesaian kes pengantaraan diambil kira daripada tiga aspek iaitu:

- i. selesai melalui perjanjian,
- ii. selesai tanpa perjanjian, dan
- iii. selesai tanpa kehadiran pihak-pihak dan belum selesai.

Peratusan kes yang berjaya diselesaikan melalui perjanjian merekodkan statistik tertinggi iaitu sebanyak 2532 kes (45%) diikuti oleh ketidakhadiran pihak-pihak sebanyak 2261 kes (40%) dan selesai tanpa perjanjian sebanyak 516 kes (9%). Pecahan penyelesaian pengantaraan secara keseluruhan bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Rajah 15 di bawah:


Rajah 15 : Peratusan Penyelesaian Kes Pengantaraan JBG Tahun 2013





Bagi tahun 2013, kejayaan penyelesaian kes pengantaraan dapat dilihat apabila ia melepasi KPI penyelesaian pengantaraan melalui perjanjian yang ditetapkan oleh JBG iaitu sebanyak 70% daripada kehadiran pihak-pihak apabila 83% daripada pengendalian sidang pengantaraan dengan kehadiran pihak-pihak 2532 daripadanya berjaya diselesaikan melalui perjanjian, hanya 17% sahaja gagal disebabkan pihak-pihak gagal mencapai persetujuan dan ingin meneruskan perbicaraan di mahkamah. Rajah 16 di bawah menunjukkan peratusan penyelesaian dengan perjanjian dan tanpa perjanjian kes pengantaraan dengan kehadiran pihak-pihak bagi tahun 2013.

Rajah 16 : Peratusan Penyelesaian Kes Pengantaraan JBG Dengan Kehadiran Pihak-Pihak Tahun 2013




## V. PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT 2013

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah menganjurkan sejumlah 1,575 Program Kesedaran Masyarakat pada tahun 2013 yang bertujuan untuk memberi kesedaran undang-undang secara menyeluruh yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia. Program ini telah diadakan di tempat-tempat awam seperti pusat membeli-belah dan karnival, di penjara dan asrama akhlak kanak-kanak dan di pejabat-pejabat Kerajaan seperti Pejabat Agama Islam, Mahkamah dan Pejabat Daerah.

Program Kesedaran Masyarakat JBG terbahagi kepada 4 kategori program iaitu Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia, Ceramah/Penerangan Undang-Undang, Klinik Bantuan Guaman Ke Penjara/Asrama Akhlak Kanak-Kanak dan Pusat Khidmat Setempat.


### STATISTIK PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT 2013

Rajah 17 : Program Kesedaran Masyarakat Mengikut Cawangan Bagi Tahun 2013



Berdasarkan statistik program kesedaran masyarakat mengikut cawangan bagi tahun 2013, JBG Kedah telah mencatatkan jumlah program kesedaran masyarakat tertinggi iaitu 245 program. Jumlah program kedua tertinggi telah dicatatkan oleh JBG Pulau Pinang iaitu 221 program dan diikuti oleh JBG Johor yang telah mencatatkan jumlah program ketiga tertinggi iaitu 159 program. Walau bagaimanapun, JBG Perlis telah mencatatkan jumlah program paling sedikit iaitu sebanyak 9 program pada tahun 2013.

Rajah 18 : Perbandingan Jumlah Program Kesedaran Masyarakat Bagi Tahun 2012 Dan 2013 Mengikut Cawangan Bagi Tahun 2012 dan 2013




Jumlah program kesedaran masyarakat pada tahun 2013 telah mencatatkan penurunan sebanyak 389 program berbanding tahun 2012 iaitu 1,575 pada tahun 2013 dan 1,964 pada tahun 2012. Sebanyak 13 Cawangan telah mencatatkan jumlah penurunan program kesedaran masyarakat pada tahun 2013 berbanding 2012. Walau bagaimanapun, Ibu Pejabat dan 9 Cawangan lain telah mencatatkan kenaikan bilangan program itu.

JBG Melaka telah mencatatkan peratusan kenaikan tertinggi iaitu 4 program pada 2012 berbanding 57 program pada 2013. JBG Cawangan Miri telah mencatatkan peratusan kenaikan kedua tertinggi iaitu 4 program pada 2012 berbanding 23 program pada 2013. JBG Cawangan Muar pula telah mencatatkan peratusan kenaikan ketiga tertinggi iaitu 10 program pada 2012 berbanding 49 program pada 2013.

Bagi peratusan penurunan pula, JBG Perlis telah mencatatkan peratusan penurunan tertinggi iaitu 59 program pada 2012 berbanding 9 pada 2013. JBG Kuala Lumpur telah mencatatkan peratusan penurunan kedua tertinggi iaitu 315 program pada 2012 berbanding 136 pada 2013 dan diikuti oleh JBG Terengganu yang telah mencatatkan peratusan penurunan ketiga tertinggi iaitu 86 program pada 2012 berbanding 42 program pada 2013.

Rajah 19 : Program Kesedaran Masyarakat Jbg Mengikut Kategori Bagi 2013



Berdasarkan statistik program kesedaran masyarakat mengikut kategori, Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia telah mencatatkan jumlah program tertinggi iaitu sebanyak 1,031 program (65%). Klinik Bantuan Guaman Ke Penjara/Asrama Akhlak Kanak-Kanak telah mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu sebanyak 302 program (19%) manakala Ceramah/Penerangan Undang-Undang telah mencatatkan jumlah ketiga tertinggi iaitu sebanyak 169 (11%). Pusat Khidmat Setempat telah mencatatkan jumlah program paling sedikit iaitu sebanyak 73 program (5%) bagi tahun 2013.

**PERBANDINGAN ANTARA JUMLAH PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT DENGAN JUMLAH PENGUNJUNG, KHIDMAT NASIHAT DAN BUKA FAIL BAGI TAHUN 2013**

Bil	Cawangan	Jumlah Pengunjung	Jumlah Khidmat Nasihat	Jumlah Buka Fail	Jumlah Program Kesedaran Masyarakat
1	IBU PEJABAT	830	80	5	63
2	W.P. KUALA LUMPUR	751	557	36	136
3	SELANGOR	596	363	78	24
4	NEGERI SEMBILAN	309	116		21
5	MELAKA	1,129	78		57
6	JOHOR	1,450	875	166	159
7	MUAR	254	134	44	49
8	PAHANG	458	433	231	33
9	RAUB	254	169	166	13
10	TERENGGANU	456	316	215	42
11	KELANTAN	1,901	527	207	85
12	GUA MUSANG	1,208	102	6	47

13	PERLIS	72	38		9
14	KEDAH	1,981	1,145	644	245
15	LANGKAWI	508	63		43
16	PERAK	1,741	935	303	80
17	TAIPING	226	176	50	25
18	PULAU PINANG	1,321	841	471	221
19	SABAH	582	332	184	104
20	W.P. LABUAN	343	86		25
21	SARAWAK	918	32	3	35
22	MIRI	569	65	9	23
23	SIBU	1,158	10		36
	<b>JUMLAH</b>	19,002	7,473	2,818	1,575

Pada tahun 2013, jumlah pengunjung bagi semua program kesedaran masyarakat yang telah dijalankan di seluruh Malaysia mencatatkan seramai 19,002 orang pengunjung. Sebanyak 7,473 khidmat nasihat telah dicatatkan manakala 2,818 bilangan fail dibuka telah direkodkan. JBG Kedah telah mencatatkan jumlah pengunjung tertinggi iaitu seramai 1,981 orang pengunjung bagi 245 program kesedaran masyarakat yang telah diadakan. JBG Kedah juga telah mencatatkan bilangan khidmat nasihat tertinggi iaitu sebanyak 1,145 serta bilangan fail dibuka tertinggi iaitu sebanyak 644.

Antara program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah seperti yang berikut:

#### i. Program Kesedaran Masyarakat Ibu Pejabat

Bahagian Syariah telah turut terlibat bersama-sama dengan Bahagian Sivil JBG dalam memberikan kesedaran undang-undang kepada masyarakat awam melalui pelbagai program kesedaran masyarakat antaranya ialah:

##### (a) Program Jelajah Informasi Mesra JKSM

Program ini merupakan kerjasama antara JKSM dan JBG apabila setiap program yang dianjurkan oleh JKSM akan disertai oleh wakil JBG sebagai penceramah. Pada tahun 2013 sebanyak 4 program ini telah dilaksanakan di seluruh negara. Senarai terperinci program ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Tarikh	Tempat	Penceramah
1.	19 April 2013	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.	Puan Sofian binti Haji Ahmad
2.	21 September 2013	Masjid Kampung Londah, Gemas, Negeri Sembilan	Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi
3.	15 November 2013	Universiti Tun Hussein Onn, Johor	Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi
4.	19 Disember 2013	Hospital Selayang	Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi



## (b) Klinik Bantuan Guaman

Senarai klinik bantuan guaman yang telah disertai oleh JBG Ibu Pejabat ialah-

Bil.	Tarikh	Program	Tempat	Penganjur
1.	11 Mei 2013	Karnival Wanita 1Wilayah	Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
2.	23-26 Mei 2013	Festival Belia Putrajaya 2013	Putrajaya	Kementerian Belia Dan Sukan Dan Majlis Belia Malaysia
3.	19 Jun 2013	Seminar Respek Wanita	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM), Putrajaya	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
4.	4-5 Disember 2013	Persidangan Kebangsaan Intervensi Kaunseling Krisis Dan Trauma 2013	Management Science University, Shah Alam	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
5.	12 Disember 2013	Seminar Literasi Undang-undang Dan Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia	The Aston Hotel, Nilai	Jabatan Bantuan Guaman



*Pegawai bertugas bersama Ketua Pengarah JBG dan Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) di Festival Belia Putrajaya 2013*



*Karnival Wanita 1Wilayah di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya pada 11 Mei 2013*



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia sempena Festival Belia 2013 di Putrajaya pada 23 hingga 26 Mei 2013*



*Pegawai JBG menerima kunjungan orang awam di Lokasi pameran JBG semasa festival Belia Putrajaya 2013 pada 23-26 Mei di Putrajaya*





*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia di Management Science University (MSU), Shah Alam pada 4 hingga 5 Disember 2013.*

**ii. Program Kesedaran Masyarakat oleh Cawangan JBG**



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Kelantan di Mini Stadium, Pasir Mas pada 17 Februari 2013*



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Negeri Sembilan di Giant Superstore di Nilai, Negeri Sembilan pada 27 Februari 2013*



*Ceramah undang-undang oleh JBG Negeri Sembilan di Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Sembilan pada 27 Februari 2013*



*Kakitangan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Sembilan sedang mendengar ceramah yang disampaikan oleh Pengarah Negeri JBG Negeri Sembilan*



*Ceramah undang-undang oleh JBG Johor di Dewan Jubli Intan, Mersing pada 22 Februari 2013*



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Langkawi di Kompleks Pekan Rabu pada 28 Februari 2013*



*Pengarah dan pegawai Syariah JBG Johor bersiaran di Johor FM pada 4 Mac 2013*



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Terengganu di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun pada 7 Mac 2013*



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Johor pada 9 Mac 2013 di INTAN Selatan (IKHWAS)*



*JBG Johor bersiaran di Johor Fm pada 18 Mac 2013*





*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Sarawak di Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Samarahan pada 28 Mac 2013*



*Ceramah Kesedaran Undang-Undang oleh JBG Langkawi di Pengkalan TLDM, Bukit Malut Langkawi pada 29 Ogos 2013*



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Negeri Sembilan di Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan pada 22 Oktober 2013*



*Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Sibu pada 5 hingga 7 April 2013.*

### iii. Penerangan Undang-Undang melalui media massa dan Ceramah Undang-Undang

Bahagian Syariah Ibu Pejabat telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab oleh Ketua Pengarah JBG untuk menguruskan program kerjasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) untuk bersiaran secara langsung di radio nasional pada setiap hari Jumaat pada pukul 11.30 pagi-12.00 tengah hari mulai 6 September 2013 bagi memberi kesedaran undang-undang kepada masyarakat. Yang berikut ialah butiran topik yang telah ke udara di radio nasional fm:

BIL.	TARIKH	PEGAWAI BERTUGAS	TAJUK
1.	6 September 2013	Puan Sofian Ahmad dan Encik Shahroni Sanusi	Pengenalan bidang kuasa sivil dan Syariah di JBG
2.	13 September 2013	Puan Sofian Ahmad	Cerai Syariah
3.	20 September 2013	En cikShahroni Sanusi	Cerai sivil
4.	27 September 2013	Puan Sofian Ahmad	Cerai fasakh
5.	4 Oktober 2013	Puan Wan Aizaa Wan Abdullah	Cerai taklik
6.	11 Oktober 2013	Puan Wan Aizaa Wan Abdullah	Sambungan cerai taklik
7.	18 Oktober 2013	Puan Sofian Ahmad	Hibah
8.	1 November 2013	Puan Wan Aizaa Wan Abdullah	Wasiat
9.	8 November 2013	Puan Sofian Ahmad	Hak wanita selepas perceraian nafkah idah, mutaah dan harta sepencarian
10.	15 November 2013	Puan Wan Aizaa Wan Abdullah	Hadanah
11.	22 November 2013	Cik Aida Fatimah Abdul Jabar	Cerai berasingan (sivil)
12.	29 November 2013	Puan Sofian Ahmad	Nafkah anak dan tunggakan nafkah
13.	6 Disember 2013	Cik Aida Fatimah Abdul Jabar	Cerai bersama (sivil)
14.	13 Disember 2013	Puan Sofian Ahmad	Nafkah isteri, dan nafkah isteri tertunggak
15.	20 Disember 2013	Puan Aishah Mohd Nor	Harta sepencarian
16.	27 Disember 2013	Puan Wan Aizaa Wan Abdullah	Ganti rugi pertunangan/hutang perkahwinan

## VI. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR

### a. Mengadakan Kajian Penyelidikan Undang-Undang Kepada Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] dan Peraturan-Peraturan Bantuan Dan Nasihat Guaman 1970

Pada 28 Oktober hingga 1 November 2013, Timbalan Ketua Pengarah (Syariah), Pengarah Penyelidikan dan Dasar dan Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil) telah mengadakan Lawatan Kajian Penyelidikan Undang-Undang ke Legal Aid Department (LAD), The Resources Centre for Unrepresented Litigants dan the Mediation Information Office, Hong Kong bagi membuat kajian perbandingan mengenai skim bantuan guaman yang disediakan oleh LAD Hong Kong dengan Jabatan Bantuan Guaman, Malaysia (JBG). Tujuan lawatan kajian ini juga untuk membolehkan JBG menyediakan pelan tindakan penambahbaikan dan penstrukturan semula kepada perkhidmatan sedia ada bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan JBG kepada golongan sasaran. Lawatan ini turut memfokus kepada penambahbaikan ujian kemampuan, sumbangan oleh anak guam, kos oleh anak guam, peguam panel JBG dan bidang kuasa JBG bagi tujuan transformasi Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26].

Lawatan Kajian Penyelidikan Undang-Undang ke Hong Kong ini merupakan kesinambungan daripada program transformasi perundangan JBG dalam mengadakan kajian penyelidikan undang-undang dengan membuat perbandingan dengan negara serantau. Lawatan Kajian yang sama telah diadakan ke Legal Aid Bureau, Singapura pada 2012.

Selain itu, JBG turut mengadakan lawatan ke Resource Centre for the Unrepresented Litigants dan Mediation Information Office yang bertempat di Mahkamah Tinggi Hong Kong bagi memahami fungsi kedua-dua agensi ini dalam usaha menambah baik sistem penyampaian JBG.



*Bersama Pegawai Legal Aid Department, Hong Kong.*



*Bersama Pegawai Resource Centre for the Unrepresented Litigants dan  
Mediation Information Office*

## **b. Penyediaan Arahan Ketua Pengarah**

Bagi menambah baik pengumpulan maklumat pelanggan berkaitan dengan cara pelanggan mengetahui tentang JBG, Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah meminda Borang Maklum Balas Pelanggan dengan memperincikan lagi maklumat tersebut bagi memudahkan kajian tentang program kesedaran masyarakat Jabatan. Selain itu, Bahagian Penyelidikan dan Dasar juga telah membantu Bahagian Litigasi dan Nasihat (Syariah) menyediakan Arahan Ketua Pengarah berhubung dengan pengemaskinian alamat anak guam yang berbangkit daripada aduan pelanggan. Kedua-dua Arahan yang terbabit adalah seperti yang berikut:

- (a) Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil. 4 Tahun 2013 Pindaan Kepada Borang Maklum Balas Pelanggan Jabatan Bantuan Guaman; dan
- (b) Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil. 6 Tahun 2013 Pengemaskinian Alamat Anak Guam.

## **c. Jawatankuasa Analisis Statistik Jabatan Bantuan Guaman**

Pada 2013, Jawatankuasa Analisis Statistik JBG telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi menyediakan Laporan Analisis Statistik JBG Bagi tahun 2012 dan Laporan Analisis Statistik JBG Bagi Setengah Tahun (Januari hingga Jun) 2013. Laporan Analisis Statistik JBG Bagi tahun 2012 telah dikongsi bersama Timbalan Peguam Cara III dan Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara yang telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 2/2013 di Hotel Lexis, Port Dickson pada 4 Julai 2013. Penubuhan Jawatankuasa ini yang telah dilaksanakan pada 2012 bertujuan untuk memastikan bahawa prestasi pencapaian JBG dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan secara berkala bagi memudahkan pemantauan dan cadangan penambahbaikan. Selain itu, Bahagian yang bertanggungjawab tentang sesuatu bidang tugas akan menyediakan laporan bagi memudahkan pemantauan dan penilaian dibuat oleh Ibu Pejabat terhadap prestasi Cawangan.

## **d. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri**

Pada Julai 2013, JBG telah diminta untuk menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada YB Hajah Nancy bin Shukri Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Setelah perbincangan diadakan dengan Unit PEMANDU dan dengan persetujuan pihak pengurusan atasan JBG, Program Kesedaran Masyarakat JBG dijadikan sebagai KPI Menteri dan ukuran dibuat berdasarkan jumlah pengunjung program yang telah mendapat faedah setelah menghadiri program kesedaran undang-undang tersebut. Berdasarkan statistik yang direkodkan, pada 2013 JBG telah mengadakan 1,575 Program Kesedaran Masyarakat yang meliputi Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia, Klinik Bantuan Guaman di Penjara, Pusat Khidmat Setempat dan program penerangan undang-undang dengan jumlah pengunjung seramai 19,002 orang iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan 15,000 orang.

## **f. Penyediaan Maklum Balas dan Kertas Kerja Berkaitan Dengan Dasar Dan Perundangan Jabatan**

Pada 2013, Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah menyediakan dan menyelaras beberapa maklum balas dan laporan seperti yang berikut:

- Laporan Kajian Audit Pengurusan Pengendalian Kes Kekeluargaan Syariah di JBG;
- Senarai Semak Berkaitan Dengan Pengendalian Kes Syariah di JBG;
- Kajian Mengenai Pekeliling/Garis Panduan Yang Dikeluarkan Oleh Jabatan Perdana Menteri;



- Arahan untuk Penyediaan Laporan Harian Pegawai Syariah, Penolong Pegawai Syariah dan Penolong Pegawai Undang-Undang Jabatan Bantuan Guaman;
- Special Rapporteur on the independence of judges and lawyers berhubung dengan bantuan guaman;
- Nota Serah Tugas YB Menteri Dato' Seri Mohd. Nazri Tan Sri Abdul Aziz berhubung dengan Jabatan Bantuan Guaman;
- Maklum balas kepada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa (BHEA), Jabatan Peguam Negara berhubung dengan bantuan guaman kepada bukan warganegara dalam perkara jenayah; dan
- Senarai Agensi Untuk Dimasukkan Di Dalam Tawaran Akses Pasaran Bagi Bab Perolehan Kerajaan Di Bawah Rundingan Trans-Pacific Partnership Agreement (TPP).

## VII. BAHAGIAN PEGUAM PANEL

Berdasarkan prinsip keadilan, JBG tidak boleh mewakili atau mengendalikan kes bagi kedua-dua pihak yang bertikai ialah anak guam JBG. Demi keadilan kepada kedua-dua pihak yang bertikai, JBG akan menyerahkan kes sedemikian kepada Peguam Panel yang dilantik oleh Jabatan.

### (a) Penyerahan Kes Kepada Peguam Panel


Sepanjang tahun 2013, Bahagian Peguam Panel telah mengendalikan sebanyak 35 kes secara keseluruhannya berbanding 83 fail pada tahun 2012 yang menunjukkan perbezaan sebanyak 48 fail. Daripada jumlah tersebut, 34 kes merupakan kes Syariah manakala 1 kes lagi merupakan kes sivil. Salah satu penurunan yang ketara ini adalah disebabkan arahan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat supaya cawangan hanya membuka fail setelah sidang pengantaraan gagal dilaksanakan dan bagi kes yang bermerit sahaja. Langkah yang diambil ini memberi kesan yang positif kepada Jabatan apabila kes pengantaraan di seluruh cawangan telah meningkat dan ia juga dapat mendidik pihak-pihak yang terlibat supaya menyelesaikan kes di luar mahkamah iaitu melalui proses pengantaraan yang menjimatkan masa dan kos.

Cawangan yang paling tinggi jumlah penyerahan kes kepada Peguam panel bagi tahun 2013 ialah JBG Terengganu iaitu sebanyak 11 fail, diikuti oleh JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 10 fail, JBG Selangor 7 Fail, JBG Perlis 4 fail, JBG Melaka 2 fail dan JBG Perak 1 fail. Hampir keseluruhan kes yang dikendalikan oleh Peguam Panel merupakan kes kekeluargaan Syariah iaitu 10 kes harta sepencarian, 5 kes nafkah anak, 7 kes nafkah idah, 8 kes mutaah, 4 kes cerai fasakh dan 1 kes penguatkuasaan perintah nafkah isteri. Jadual di bawah menunjukkan jumlah pengendalian kes mengikut kategori bagi tahun 2012 – 2013.

### Statistik Penyerahan Kes Kepada Peguam Panel Bagi Tahun 2012 Dan 2013

KATEGORI	2012	2013
Sivil	2	1
Syariah	81	34
Jumlah	83	35

Rajah 20 : Jumlah Penyerahan Kes Kepada Peguam Panel  
Bagi Tahun 2012 Dan 2013




**(b) Penyelesaian Kes Oleh Peguam Panel**

Pada tahun 2013, sebanyak 110 kes telah dapat diselesaikan yang melibatkan bayaran berjumlah RM166,564.00. Sebanyak 109 fail Syariah yang telah diselesaikan melibatkan bayaran RM165,050.00 dan 1 fail sivil RM1,514.00. Jumlah penyelesaian kes pada tahun 2013 menurun pada kadar 68.1% berbanding tahun 2012. Pencapaian prestasi penyelesaian kes yang dikendalikan oleh Peguam Panel JBG bagi tahun 2012 dan 2013 ditunjukkan dalam Jadual di bawah.

**Statistik penyelesaian kes oleh Peguam Panel bagi tahun 2012 dan 2013**

KATEGORI	PENYELESAIAN 2012	PENYELESAIAN 2013	PERBEZAAN	PENCAPAIAN (%)
Sivil	16	1	15	6.3
Syariah	148	109	39	73.6
Jumlah	164	110	54	67.1



### C. BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini merupakan salah satu daripada tujuh (7) Bahagian utama di Ibu Pejabat yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal perkhidmatan yang menyokong fungsi utama Jabatan. Ia merangkumi pengurusan hal ehwal perkhidmatan personel, pentadbiran, kewangan dan akaun, teknologi maklumat dan juga pengurusan sumber maklumat bagi Ibu Pejabat dan 22 Cawangan Jabatan ini di seluruh negara. Bahagian ini juga bertanggungjawab terhadap pengurusan 482 pegawai dan kakitangan JBG di seluruh Malaysia. Yang berikut ialah senarai pengisian dan kekosongan jawatan di JBG sehingga 31 Disember 2013.

BIL.	JAWATAN	JUMLAH JAWATAN	ISI	KOSONG
1	Pegawai Undang-Undang	47	42	5
2	Pegawai Syariah	35	31	4
3	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	1	1	-
4	Pegawai Teknologi Maklumat	1	1	-
5	Sokongan I (17-40)	332	327	5
6	Sokongan II (1-16)	68	64	4
<b>JUMLAH</b>		<b>484</b>	<b>466</b>	<b>18</b>

Senarai kakitangan JBG yang telah bersara pada tahun 2013

BIL.	NAMA	GRED JAWATAN	TARIKH BERSARA
1	Puan Hajah Rohani Ismail	S27	28.1.2013
2	Puan Rabiah Awang	N17	1.2.2013
3	Encik Rosdi Karim	L38	1.8.2013

#### i. PERUNTUKAN KEWANGAN

Pada tahun 2013 JBG telah diluluskan peruntukan belanjawan mengurus sebanyak RM20,522,200.00 dan agihan peruntukan kewangan telah dibuat kepada semua cawangan JBG berdasarkan peruntukan kewangan yang telah diluluskan. Perincian agihan peruntukan dan prestasi perbelanjaan yang dilaksanakan di JBG pada tahun 2013 adalah seperti di jadual:

Jadual Perbelanjaan Mengurus 2013

Kod dan jenis perbelanjaan	Peruntukan termasuk tambahan 2012	Perbelanjaan sebenar tahun 2013	Peruntukan asal tahun 2013
EMOLUMEN	17,513,640.00	17,589,823.69	17,001,100.00
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN ASET	3,965,700.03	3,965,575.83	3,520,100.00
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	6,000.00	6,598.35	1,000.00
PERBELANJAAN LAIN	10,799.97	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>21,496,140.00</b>	<b>21,561,997.87</b>	<b>20,522,200.00</b>

Ringkasan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna  
Bagi Tempoh 1 Januari 2013 Hingga 31 Disember 2013

Tempoh	Bilangan didaftarkan			Bilangan telah sempurna bayaran			
	Bilangan	Nilai (RM)	Hari	Bilangan	%	Nilai (RM)	%
1.1.2013- 31.12.2013	4715	3,360,908.49	≤ 7	4715	99.70	3,360,908.49	98.61
	14	47,354.88	8-14	14	0.30	47,354.88	1.39
	0	0	≥14	0	0	0	0

**Peruntukan Kewangan Untuk Kursus JBG 2013**

BIL	NAMA KURSUS / TEMPAT	TARIKH KURSUS	KOS (RM)	BIL. HADIR
1	KURSUS PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PEGAWAI SYARIAH JBG/ INSTITUT KWSP, BANGI	25-27 JUN	8,150.00	30
2	KURSUS KHAS PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PENOLONG PEGAWAI SYARIAH/ HOTEL BEST WESTERN WANA RIVERSIDE MELAKA	27-29 OGOS	15,420.00	34
3	KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGANTARAAN JBG/ILKAP	25-27 SEPTEMBER	3,310.00	23
4	KURSUS KHAS PEMBANTU TADBIR UNDANG-UNDANG L17, PEMBANTU TADBIR LS17 DAN PEMBANTU TADBIR (P/O) N17 JBG/ILIM	1-3 OKTOBER	5,019.80	30
5	BENGKEL ASAS PELAKSANAAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) JBG /ILKAP, BANDAR BARU BANGI	2-4 OKTOBER	4,133.00	44
6	KURSUS KHAS PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG JBG/ ILKAP, BANDAR BARU BANGI	13-15 NOVEMBER	4,956.00	33
7	TAKLIMAT PENGURUSAN ASET/ DEWAN HARMONI, BHEUU	19 DISEMBER	2,210.00	90
<b>JUMLAH KURSUS YANG DIANJURKAN</b>			<b>43,198.80</b>	<b>284</b>

Catatan : Bengkel Pengurusan Fail Dan Rekod JBG/ Hotel Quality Kuala Lumpur telah diadakan pada 8-10 Mei 2013 dengan perbelanjaan sebanyak RM10,175.38.

**Peruntukan Kewangan Untuk Kursus Anjuran Agensi Lain**

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	KOS (RM)
1	SEMINAR KIK OUTREACH 2013 ANJURAN INTAN (INTENGAH)	5 JUN	320.00
2	BENGKEL EDITING VIDEO (Software&Creativity) ANJURAN INFRA MINDA SDN BHD	26-28 JUN	700.00
3	KURSUS "BUKAN SEKADAR BOMOH: MENGENALI AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2012" ANJURAN JABATAN PEGUAM NEGARA	27-28 OGOS	1,200.00



4	BENGKEL PERSEDIAAN PERSARAAN DAN FAEDAH SKIM PENCEN ANJURAN INSAN HRD CONSULTANCY SDN BHD	24-26 SEPTEMBER	990.00
5	SEMINAR ISU-ISU DAN CABARAN-CABARAN SEMASA BERKENAAN UNDANG-UNDANG KEHARTAAAN DALAM ISLAM ANJURAN JABATAN PEGUAM NEGARA	22-23 OKTOBER	500.00
6	KURSUS EXERCISE OF DISCRETIONARY POWER BY PUBLIC AUTHORITY ANJURAN JABATAN PEGUAM NEGARA	12-13 NOVEMBER	2,400.00
7	SEMINAR "CONTRACT LAW REFORM IN MALAYSIA: A NECESSARY MOVE?" ANJURAN JABATAN PEGUAM NEGARA	29 NOVEMBER	350.00
8	SEMINAR UNDERSTANDING FAMILY LAW: A PRACTICAL OVERVIEW ANJURAN THE MALAYSIAN CURRENT LAW JOURNAL SDN BHD	10 MEI	1,050.00

## ii. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pada tahun 2013 JBG telah mencapai 98.48% bilangan anggota yang hadir kursus 7 hari. Prestasi pencapaian pegawai yang menghadiri kursus dapat dilihat dalam jadual di bawah-

Bil.	Gred / Kumpulan	Bilangan Anggota	Kursus / Latihan					
			Bilangan Anggota Yang Hadir $\geq$ 7 Hari		Bilangan Anggota Yang Hadir $<$ 7 Hari		Bilangan Anggota Yang Belum Lengkap Sehari Berkursus	
			Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1	JUSA B dan C	2	2	100.00%	0	0.00%		
2	Pengurusan dan Profesional Gred 54	1	1	100.00%	0	0.00%		
3	Pengurusan dan Profesional Gred 52	8	8	100.00%	0	0.00%		
4	Pengurusan dan Profesional Gred 48	10	10	100.00%	0	0.00%		
5	Pengurusan dan Profesional Gred 44	19	19	100.00%	0	0.00%		
6	Pengurusan dan Profesional Gred 41	33	33	100.00%	0	0.00%		
7	Sokongan 1	331	326	98.49%	5	1.51%		
8	Sokongan 2	58	56	96.55%	2	3.45%		
	JUMLAH	462	455	98.48%	7	1.52%	0	0

**(a) Bengkel Pengurusan Dan Pengendalian Kes Syariah Pegawai Undang-Undang Dan Pegawai Syariah**

Kursus ini telah diadakan pada 25-27 Jun 2013 di Institut Latihan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (ESSET) di Bangi, Selangor. Kursus ini disertai oleh 27 orang pegawai JBG yang terdiri daripada Pegawai Syariah dan Pegawai Undang-Undang. Objektif kursus ini ialah-

- Memberi pengetahuan dan pendedahan yang komprehensif kepada peserta mengenai tugas, tanggungjawab dan etika seorang peguam dalam Mahkamah;
- Meningkatkan kemahiran berguam terutamanya dalam konteks kes Syariah kepada peserta yang terlibat secara langsung dalam proses perbicaraan di Mahkamah Syariah dengan memberi fokus kepada Kes Hibah (bidang kuasa baru JBG); dan
- Membolehkan peserta bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai kemahiran berguam di Mahkamah.



*Peserta Bengkel Pengurusan Dan Pengendalian Kes Syariah Pegawai Undang-Undang Dan Pegawai Syariah mengadakan perbicaraan olok-olok sebagai latihan ke mahkamah.*

**(b) Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang Dan Penolong Pegawai Syariah**

Kursus ini telah diadakan pada 27-29 Ogos 2013 di Hotel Best Western Wana Riverside Melaka. Kursus ini disertai oleh 33 orang pegawai JBG yang terdiri daripada Penolong Pegawai Syariah dan Penolong Pegawai Undang-Undang. Objektif kursus ini ialah-

- Memberi pengetahuan dan pendedahan yang komprehensif kepada peserta mengenai tugas, tanggungjawab dan etika seorang peguam dalam Mahkamah.
- Meningkatkan kemahiran berguam terutamanya dalam konteks kes nafkah Syariah kepada peserta yang terlibat secara langsung dalam proses perbicaraan di Mahkamah.
- Membolehkan peserta bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai kemahiran berguam di Mahkamah.



*Peserta Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang Dan Penolong Pegawai Syariah mengadakan perbincangan sebelum memulakan perbincaraan olok-olok yang merupakan salah satu modul kursus ini.*



*Peserta Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang Dan Penolong Pegawai Syariah khusyuk mendengar ceramah.*

### (c) Kursus Peningkatan Kemahiran Pengantaraan

Kursus ini telah diadakan pada 25-27 September 2013 di Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) Bangi Selangor. Objektif kursus peningkatan kemahiran pengantaraan ialah seperti yang berikut :

- i. Memberi pendedahan kepada Pegawai Pengantara akan kemahiran berhubung dengan teknik menangani konflik pihak-pihak semasa sidang pengantaraan dijalankan.
- ii. Memberi pendedahan kepada Pegawai Pengantara dalam menguruskan pertikaian yang melibatkan kewangan.
- iii. Memberi pendedahan kepada Pegawai Pengantara amalan dan proses pengantaraan di Mahkamah Sivill.
- iv. Memberi pendedahan kepada Pegawai Pengantara amalan dan proses Sulh di Mahkamah Syariah.
- v. Membincangkan resolusi-resolusi yang hendak dilaksanakan bagi mempertingkatkan mutu khidmat pengantaraan di JBG sebagai alternatif kepada penyelesaian pertikaian.
- vi. Memberi pendedahan kepada Pegawai Pengantara kemahiran berunding cara agar boleh dimanfaatkan semasa pengendalian sidang pengantaraan.
- vii. Sebagai suatu platform perbincangan antara semua Pegawai Pengantara JBG berkenaan dengan isu dan masalah pengendalian khidmat pengantaraan di JBG.



*Kursus Peningkatan Kemahiran Pengantaraan, Jabatan Bantuan Guaman  
di Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (Ilkap)  
Pada 25 Hingga 27 September 2013*



**(d) Seminar Literasi Undang-Undang dan Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia**

Kursus ini telah diadakan pada 11-13 Disember 2013 di The Aston Hotel, Nilai, Negeri Sembilan. Kursus ini disertai oleh 33 orang pegawai JBG yang terdiri daripada Penolong Pegawai Syariah dan Penolong Pegawai Undang-Undang. Objektif seminar ini ialah-

- Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada peserta mengenai peruntukan dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia yang berkaitan dengan hak wanita sebelum dan selepas perceraian.
- Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada peserta mengenai bidang kuasa JBG dan perkhidmatan yang disediakan oleh JBG serta peranan JBG dalam membantu memberikan kesedaran undang-undang kepada masyarakat.
- Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada peserta mengenai undang-undang semasa yang berkaitan dengan kehidupan harian mereka.



**(e) Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang Jabatan Bantuan Guaman Pada 13 Hingga 15 November 2013 Di Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP)**

Seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada Penolong Pegawai Undang-Undang, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah menyertai kursus yang telah diadakan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) mulai 13 hingga 15 November 2013. Kursus khas ini bertujuan untuk—

- memberikan pengetahuan dan pendedahan yang komprehensif kepada peserta mengenai bidang kuasa JBG, tugas, tanggungjawab dan etika seorang peguam terutamanya dalam memberikan dan menyampaikan khidmat nasihat guaman selaras dengan peruntukan undang-undang;
- meningkatkan kemahiran kepeguaman terutamanya dalam konteks kes sivil kepada peserta dan memberi pendedahan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang baru; dan
- memberi peluang kepada peserta bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai khidmat nasihat guaman yang pernah diberikan.



*Peserta Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang Jabatan Bantuan Guaman  
Pada 13 Hingga 15 November 2013 Di Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP)  
khusyuk mendengar ceramah*

Bahagian ini juga telah menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2013 iaitu :

- (i) Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 1/2013 di Hotel Awana Genting Highlands, 20-22 Februari 2013**



*Ahli Mesyuarat Pengarah Negeri*





*Ahli Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 1/2013 Ahli Mesyuarat bersama Timbalan Peguam Cara Negara III dan Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang*



*Mesyuarat sedang berlangsung*

**(ii) Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 2/2013, Hotel Lexis, Port Dickson**



*Ahli Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 2/2013 bersama Timbalan Peguam Cara Negara III dan Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang*

Mesyuarat ini dihadiri oleh pengurusan atasan, semua Pengarah Bahagian di Ibu Pejabat, semua Pengarah Negeri dan Pegawai Syariah Negeri. Ia berperanan sebagai platform utama untuk membincangkan dan mengusulkan penyelesaian ke atas isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran Jabatan secara keseluruhan.



*Pelancaran disempurnakan oleh  
Ketua Pengarah JBG*



*Pemenang pertandingan mencipta logo 5S –  
Encik Mohd Shahidan bin Mokhtar*



*Pemenang mencipta moto 5S –  
Puan Norhayati binti Mahmud*



**(iii) Majlis Pelancaran Amalan 5S di Ibu Pejabat JBG**  
**(iv) Dokumen Pengurusan Strategik**

Dokumen Pengurusan Strategik adalah satu dokumen yang mendokumentasikan secara menyeluruh mengenai perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian strategik Jabatan. Ia merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan tadbir urus dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan bantuan guaman kepada masyarakat. Idea mewujudkan dokumen dimulakan sejak tahun 2010 yang melibatkan pihak Pengurusan Atasan JBG, Pengarah Bahagian di Ibu Pejabat Ketua-Ketua Cawangan, Pihak MAMPU dan juga pihak INTAN.

**Pengisian Dokumen**

- (a) Visi – Peneraju Bantuan Guaman Yang Terunggul di Malaysia Pada Tahun 2018
- (b) Misi – Menerajui Perkhidmatan Bantuan Guaman Secara Profesional Kepada Masyarakat Yang Berkelayakan Bagi Menjamin Akses Kepada Keadilan Melalui Proses Perundangan
- (c) Moto – JBG Sedia Membantu Anda
- (d) Nilai Bersama – Integriti, Profesional, Responsif, Kerja Berpasukan, Kreatif & Inovatif dan Berorientasikan Pelanggan

Dokumen ini mengandungi 6 teras strategik yang merangkumi aspek core business Jabatan termasuk pengurusan dan pentadbiran –

- (a) Memantapkan tadbir urus dan mengoptimumkan keupayaan kapasiti organisasi bagi memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan JBG;
- (b) Memantapkan khidmat nasihat guaman dalam semua perkara undang-undang untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ke arah meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan negara;
- (c) Meningkatkan kualiti pengantaraan yang berteraskan profesionalisme sebagai penyelesaian alternatif kepada proses litigasi di mahkamah;
- (d) Memperkasakan program kesedaran masyarakat bagi melahirkan masyarakat yang celik undang-undang dan memudahkan akses kepada perkhidmatan bantuan guaman ke arah kecemerlangan perkhidmatan yang berterusan; dan
- (e) Mempertingkatkan usaha dan hasil penyelidikan serta pembangunan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat yang lebih efisien dan berkualiti selaras dengan aspirasi Jabatan.
- (f) Bengkel Pelan Strategik JBG, Pusat Latihan Camar Laut, Bagan Lalang, Sepang, 5-7 Februari 2013.

Dokumen ini sangat penting dalam memandu arah Jabatan ke arah hala tuju yang hendak dicapai menjelang tahun 2018 selaras dengan fungsi Jabatan dan matlamat nasional.



*TKP (Sivil) sedang memberi penerangan kepada peserta*




*Para peserta yang terdiri daripada pengurusan atasan, semua Pengarah Bahagian dan Ketua Cawangan sedang berbincang dalam kumpulan*



*Tuan TKP (Sivil) menerima draf Dokumen Pengurusan Strategik daripada pegawai MAMPU*

**(v). Pewujudan dan Pelaksanaan Manual Klasifikasi Fail (MKF) dan Jadual Pelupusan Rekod (jpr) Fungsian di Jabatan Bantuan Guaman**

**Jadual Pelupusan Rekod Fungsian**



**Manual Klasifikasi Fail**



**(vi). Manual Klasifikasi Fail**

Rasional Pewujudan Manual Klasifikasi Fail JBG:

- Selaras dengan kehendak Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat;
- Sebagai persediaan ke arah pelaksanaan sistem pengurusan fail secara elektronik (Digital Document Management System) menjelang tahun 2015;
- Mengandungi 2 jenis rekod iaitu rekod urusan am (housekeeping) dan rekod urusan fungsian (undang-undang);
- Mewujudkan sistem pengurusan fail yang seragam dan sistematik; dan
- Memelihara rekod Kerajaan untuk rujukan pada masa akan datang.

Pewujudan Dokumen

- Bengkel Pengurusan Rekod dan Penyediaan Sistem Fail pada 12-15 April 2011 di Melaka yang melibatkan Pengurusan Atasan, Pengarah Bahagian, semua 22 Ketua Cawangan dan Pegawai Arkib.
- Hasil bengkel telah dimurnikan di peringkat Ibu Pejabat dan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan dengan pihak Arkib telah dilaksanakan.
- Dokumen MKF dan JPR telah dimuktamadkan dengan suatu Memorandum Persefahaman ditandatangani oleh Ketua Pengarah JBG dan Ketua Pengarah Arkib Negara pada 28 Februari 2013. Pemakaian kedua-dua dokumen berkuat kuasa mulai 15 November 2013 di seluruh negara.
- Sehingga kini, JBG merupakan antara Jabatan terawal di JPM yang berjaya mewujudkan kedua-dua dokumen tersebut selain daripada MAMPU dan PEMANDU;
- Sejak dikuatkuasakan pemakaiannya mulai 15 November 2013, pengurusan fail di Jabatan ini didapati lebih sistematik dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

Bengkel Pengurusan Fail dan Rekod JBG  
Hotel Quality, Kuala Lumpur pada 8-10 Mei 2013



Bengkel ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Arkib Negara bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada peserta mengenai pengurusan fail dan rekod yang betul. Peserta adalah terdiri daripada wakil semua 22 Cawangan JBG.

**(vii). Majlis Hari Raya Ibu Pejabat JBG 2013 – 30 Ogos 2013**



*Pelbagai juadah istimewa disediakan oleh warga Jabatan*



*Pertandingan makan satay terpentas*



*Pertandingan memotong lemang terpentas*





*Gambar bersama Ketua Pengarah JBG*

- (h) Pewujudan dan Pemakaian Baju Korporat Ibu Pejabat JBG



Ibu Pejabat JBG telah mereka cipta baju korporat yang melambangkan identiti JBG. Baju wanita adalah berlengan panjang manakala untuk lelaki adalah berlengan pendek. Pemakaiannya telah ditetapkan pada setiap hari Rabu dan pemakaian pertama adalah pada 4 Disember 2013.

Melalui pelbagai aktiviti di atas, Bahagian Khidmat Pengurusan akan terus komited dalam melaksanakan tanggungjawabnya ke arah meneruskan dan memantapkan kecemerlangan pengurusan dan pentadbiran Jabatan pada masa-masa akan datang.

#### **D. LAPORAN ADUAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) BAGI 2013**

Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2013, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah menerima sebanyak 27 aduan yang diterima daripada orang ramai berkaitan dengan perkhidmatan nasihat dan bantuan guaman. Bilangan aduan yang diterima mengikut sumber penerimaan aduan sehingga 31 Disember 2013 dapat dilihat dalam Jadual.

## JADUAL

### Sumber Penerimaan Aduan

Sumber	Jumlah Aduan	Peratusan Aduan (%)
E-mel	4	14.8
Surat /Faks	6	22.2
SMS	1	3.7
Telefon	1	3.7
Biro Pengaduan Awam	8	29.7
i-SPAAA	3	11.1
JKSM	1	3.7
KPWKM	1	3.7
Surat khabar	-	-
IMOCC	1	3.7
Jabatan Peguam Negara	1	3.7
Jumlah	27	100

### ADUAN MENGIKUT KATEGORI KES

Sepanjang 2013 didapati bahawa 7 aduan yang diterima melibatkan kes sivil, manakala 19 lagi aduan membabitkan kes Syariah dan 1 aduan dikategorikan sebagai lain-lain. Kes Syariah merekodkan aduan yang lebih tinggi berkemungkinan besar kerana JBG sentiasa mendaftarkan jumlah pendaftaran kes dan khidmat nasihat Syariah yang lebih tinggi berbanding dengan kes sivil sejak khidmat bantuan guaman Syariah diperkenalkan. Selain itu, bantuan guaman Syariah yang melibatkan kes mal memerlukan permohonan difailkan secara berasingan walaupun terbit daripada kausa tindakan yang sama berbanding dengan prosedur kes sivil yang lebih ringkas. Sebagai contoh, permohonan untuk relief selepas perceraian di mahkamah Syariah seperti hadanah, nafkah anak, nafkah idah, mutaah dan harta sepencarian perlu difailkan secara berasingan di Mahkamah Syariah yang telah ditetapkan bidang kuasanya, manakala bagi permohonan perceraian seorang bukan Islam boleh difailkan di Mahkamah Tinggi sahaja dengan memasukkan semua relief selepas perceraian dalam permohonan tersebut. Jadual di bawah yang menunjukkan bahawa JBG Perak dan Selangor menerima aduan yang tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 5 aduan, diikuti oleh JBG Johor sebanyak 4 aduan, WP Kuala Lumpur sebanyak 3 aduan, Kelantan dan Cawangan Taiping masing-masing sebanyak 2 aduan, Pulau Pinang, Kedah, Negeri Sembilan, Terengganu, Sarawak dan Muar masing-masing 1 aduan. Aduan mengikut mengikut negeri dan kategori kes sivil dan Syariah boleh dilihat seperti dalam Jadual berikut :

**JADUAL**  
**Aduan Mengikut Kategori Kes**

NEGERI/CAWANGAN	KATEGORI KES			JUMLAH
	SIVIL	SYARIAH	LAIN-LAIN	
WP PUTRAJAYA				
PERLIS				
PULAU PINANG	1			1
KEDAH		1		1
PERAK	2	3		5
SELANGOR	2	3		5
WP KUALA LUMPUR	1	2		3
NEGERI SEMBILAN		1		1
MELAKA				
JOHOR		3	1	4
TERENGGANU		1		1
KELANTAN		2		2
PAHANG				
SABAH				
SARAWAK		1		1
TAIPING		2		2
MUAR	1			1
RAUB				
MIRI				
LANGKAWI				
GUA MUSANG				
WP LABUAN				
SIBU				
JUMLAH	7	19	1	27

**KATEGORI ADUAN**

Aduan mengikut kategori sepanjang 2013 dapat dilihat dalam Jadual di bawah. Dua (2) aduan melibatkan prosedur mendapatkan bantuan guaman, dua puluh empat (24) aduan pula membabitkan pengendalian kes oleh pegawai JBG yang sebahagian besarnya melibatkan ketidakpuasan hati terhadap layanan dan tindakan pegawai yang mengendalikan kes / memberi khidmat nasihat dan kelewatan oleh JBG dan satu (1) aduan lain membabitkan ketidakpuasan hati dengan prasarana Cawangan JBG.

**JADUAL**  
**Aduan Mengikut Kategori**

KATEGORI ADUAN	BIL ADUAN YANG DITERIMA
PROSEDUR MENDAPATKAN BANTUAN GUAMAN	
Ketidakpuasan hati terhadap had kelayakan mendapatkan bantuan guaman	
Ketidakpuasan hati terhadap bidang kuasa JBG sebagaimana peruntukan Akta Bantuan Guaman 1971	

Ketidakpuasan hati terhadap nasihat / penolakan kes	
Ketidakpuasan hati terhadap proses kerja / layanan telefon	2
Jumlah	2
<b>PENGENDALIAN KES OLEH PEGAWAI JBG</b>	
Kelewatan/tiada tindakan	9
Pegawai tidak hadir ke Mahkamah	1
Pegawai menangguhkan kes tanpa alasan munasabah	
Layanan Pegawai yang mengendalikan kes/khidmat nasihat yang tidak memuaskan	5
Tindakan Pegawai yang tidak memuaskan	7
Layanan Pegawai kaunter yang tidak memuaskan	2
Jumlah	24
<b>PENGENDALIAN KES OLEH PEGUAM PANEL</b>	
Kelewatan/tiada tindakan	
Peguam tidak hadir ke Mahkamah	
Peguam menangguhkan kes tanpa alasan munasabah	
Layanan Peguam yang tidak memuaskan	
Jumlah	
<b>KES PENGECUALIAN MENTERI</b>	
Tiada tindakan/maklum balas	
Lewat mengambil tindakan	
Ketidakpuasan hati terhadap prosedur permohonan	
Jumlah	
<b>PENGANTARAAN</b>	
Tiada tindakan/maklum balas	
Lewat mengambil tindakan	
Layanan Pegawai yang tidak memuaskan	
Jumlah	
<b>LAIN-LAIN</b>	
Aduan Kelakuan Pegawai	
Pejabat JBG tidak memuaskan	1
Kes tidak berasas/tiada kaitan	
Kes di luar bidang kuasa JBG	
Kes berulang	
Jumlah	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>27</b>

### **KATEGORI PENGADU**

Sepanjang 2013, didapati bahawa kategori pengadu terdiri daripada anak guam, defendan, pemohon bantuan dan khidmat nasihat serta pihak ketiga. Bilangan aduan yang diterima daripada anak guam atau bekas anak guam adalah sebanyak 17 aduan, 2 aduan daripada defendan, 4 aduan daripada pemohon bantuan guaman dan khidmat nasihat dan 4 aduan daripada pihak ketiga.

### **TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN**

JBG telah mengambil tindakan sewajarnya mengikut tempoh masa yang ditetapkan terhadap aduan yang diterima. Tempoh penyelesaian aduan dapat dilihat dalam Jadual berikut :



**JADUAL**  
**Tempoh Penyelesaian Aduan**  
**Jan – Dis 2013**

Tempoh Selesai	Jumlah Selesai	Peratusan Jumlah Selesai (%)
<b>1 hari</b>	-	-
<b>2-5 hari</b>	13	48.2
<b>6-10 hari</b>	7	25.9
<b>11-15 hari</b>	7	25.9
<b>16-20 hari</b>	-	-
<b>21-30 hari</b>	-	-
<b>31-60 hari</b>	-	-
<b>&gt;60 hari</b>	-	-
<b>Jumlah</b>	27	100%

**TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN / PENCEGAHAN**

Jumlah aduan terhadap JBG sepanjang 2013 adalah lebih rendah berbanding pada tahun 2012. Kategori aduan menunjukkan bahawa pengendalian kes oleh pegawai JBG menerima bilangan aduan tertinggi yang turut menunjukkan bahawa cara pegawai berkomunikasi dengan pelanggan JBG perlu ditambah baik dan proses kerja di Cawangan JBG juga memerlukan pemantauan secara berterusan oleh Pengarah Negeri / Penolong Pengarah Cawangan. Isu yang dibangkitkan berkaitan dengan aduan pengendalian kes perlu penyelesaian segera melalui perancangan jangka pendek di peringkat Cawangan, manakala pihak Ibu Pejabat akan membuat perancangan berbentuk jangka panjang. JBG Perak dan Selangor telah mencatatkan jumlah aduan tertinggi yang memerlukan perhatian segera daripada Cawangan terbabit. Langkah-langkah pembetulan seperti menegur pegawai dan kakitangan yang diadu bagi mengelakkan aduan berulang, memberi ingatan yang berterusan supaya pegawai dan kakitangan perlu mesra pelanggan dan langkah-langkah pencegahan seperti mengadakan kawalan dalaman untuk memantau fail di Cawangan dengan sistematik dan lebih kerap bagi meminimumkan kelewatan tanpa sebab dan komunikasi yang baik dengan pelanggan perlu dipertingkatkan bagi memastikan tiada lagi aduan berulang di seluruh Cawangan JBG.

**MAKLUM BALAS TAHAP KEPUASAN PELANGGAN BAGI TAHUN 2013**



Maklum balas tahap kepuasan pelanggan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) bagi tahun 2013 dijalankan bagi tujuan seperti yang berikut:

- i. mengukur dan menilai tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan hadapan (service counter) dan perkhidmatan teras di seluruh Cawangan termasuk di Ibu Pejabat JBG;
- ii. mengetahui persepsi pelanggan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh JBG; dan
- iii. menilai pandangan dan tahap kepuasan pelanggan serta cadangan penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan Jabatan.

**Laporan Maklum Balas Tahap Kepuasan Pelanggan**  
**MAKLUM BALAS TAHAP KEPUASAN PELANGGAN**  
**JANUARI HINGGA DISEMBER 2013**

CAWANGAN	TAHAP KEPUASAN PELANGGAN				
	CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	LEMAH	JUMLAH
PUTRAJAYA	166	66	1	1	234
KUALA LUMPUR	178	184	0	0	362
SELANGOR	406	29	0	0	435
NEGERI SEMBILAN	177	225	0	0	402
MELAKA	174	142	0	0	316
JOHOR	176	278	4	0	458
MUAR	59	50	0	0	109
PAHANG	102	116		0	221
RAUB	77	56	0	0	133
TERENGGANU	177	182	1	0	360
KELANTAN	154	132	0	0	286
GUA MUSANG	380	31	0	0	411
PERAK	137	143	3	0	283
TAIPING	135	130	1	0	266
PULAU PINANG	277	201	2	0	480
KEDAH	386	164	0	0	550
LANGKAWI	181	277	0	0	458
PERLIS	321	252	0	0	573
SARAWAK	136	123	0	0	259
SIBU	303	102	0	0	405
MIRI	479	276	1	0	756
SABAH	84	87	0	0	171
LABUAN	153	120	0	0	273
JUMLAH	4818	3366	16	1	8201


MAKLUM BALAS TAHAP KEPUASAN PELANGGAN  
JANUARI HINGGA DISEMBER 2013



Jumlah borang maklum balas yang dikumpulkan oleh JBG pada 2013 adalah sebanyak 8,201 borang. Bilangan maklum balas pelanggan pada tahap kepuasan cemerlang adalah sebanyak 4,818, manakala pada tahap kepuasan baik sebanyak 3,366, sederhana sebanyak 16 dan lemah adalah 1. JBG Miri telah mencatatkan statistik maklum balas tertinggi iaitu sebanyak 756 diikuti JBG Perlis iaitu sebanyak 573 dan JBG Kedah sebanyak 550. Manakala JBG Cawangan Muar mencatatkan statistik terendah iaitu sebanyak 133 seperti yang boleh dilihat dalam carta di atas.

Bagi tahap kepuasan pelanggan berdasarkan jantina pula, didapati bahawa sebanyak 2,398 yang telah mengisi borang tahap kepuasan pelanggan adalah pelanggan lelaki dan 5,803 adalah pelanggan perempuan. Jumlah keseluruhan tahap kepuasan pelanggan berdasarkan jantina ialah sebanyak 8201. Ringkasan boleh dilihat dalam carta di bawah :

Jumlah Tahap Kepuasan Pelanggan Berdasarkan Jantina  
Dari Januari Hingga Disember 2013




Maklum Balas Tahap Kepuasan Pelanggan  
Julai Hingga Disember 2013

CAWANGAN	CARA MENGETAHUI MENGENAI JBG										JUMLAH
	PORTAL JBG	RAKAN-RAKAN	MAHKAMAH	PDRM	TRIBUNAL	PROMOSI	MEDIA MASSA	JAB. KERAJAAN	BDN. BKN. KERAJAAN	LAIN-LAIN	
PUTRAJAYA	27	41	34	1	4	0	5	17	1	1	131
KUALA LUMPUR	30	51	55	2	10	4	6	20	1	4	183
SELANGOR	21	29	73	1	17	1	1	42	9	1	195
NEGERI SEMBILAN	5	62	33	4	4	9	6	25	2	7	157
MELAKA	3	29	55	4	11	3	2	25	1	3	136
JOHOR	29	106	71	7	10	3	8	83	0	31	348
MUAR	10	21	8	0	4	0	4	8	2	2	59
PAHANG	12	73	67	1	6	5	9	34	2	4	213
RAUB	4	20	39	0	0	0	0	5	0	0	68
TERENGGANU	0	54	63	0	2	13	6	10	3	0	148
KELANTAN	14	48	38	3	4	6	3	15	0	8	142
GUA MUSANG	0	75	21	6	0	62	2	5	0	10	181
PERAK	14	101	17	0	3	22	16	11	1	36	220
TAIPING	6	48	50	2	2	6	2	3	2	1	121
PULAU PINANG	14	122	69	5	10	9	4	39	0	4	278
KEDAH	4	121	85	9	0	49	0	31	0	0	299
LANGKAWI	15	44	113	6	0	45	0	3	0	0	226
PERLIS	10	126	86	12	2	13	15	19	0	4	287
SARAWAK	8	59	58	1	3	6	1	28	0	13	177
SIBU	9	98	54	1	11	3	3	36	0	10	225
MIRI	5	220	43	13	23	8	13	71	11	10	417
SABAH	10	34	21	1	4	3	1	7	1	7	89
LABUAN	1	54	36	2	2	15	0	13	2	0	125
JUMLAH	251	1636	1189	81	132	285	107	550	38	156	4425



Pada Julai 2013, JBG telah menambah baik borang maklum balas pelanggan dengan memasukkan cara mengetahui mengenai JBG. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari Julai hingga Disember 2013 4,425 data telah dikumpul iaitu 1,636 mengetahui tentang JBG melalui rakan-rakan, 1189 melalui mahkamah, 550 melalui jabatan Kerajaan, 285 melalui promosi JBG, 251 melalui portal JBG, 155 melalui sumber lain, 132 melalui tribunal, 107 melalui media massa, 81 melalui PDRM dan 38 melalui badan bukan kerajaan. Ringkasan boleh dilihat dalam carta di bawah :

Jumlah Cara Mengetahui Mengenai Jbg Dari Julai Hingga Disember 2013



Secara keseluruhannya didapati bahawa maklum balas kepuasan pelanggan pada tahap cemerlang merupakan maklum balas yang tertinggi dan secara tidak langsung menunjukkan berlaku penambahbaikan dalam mutu kerja warga JBG kepada pelanggan. Bagi cawangan yang mengumpulkan maklum balas tahap kepuasan pelanggan yang rendah seperti JBG Cawangan Muar dicadangkan supaya Cawangan meningkatkan usaha untuk menambahkan jumlah maklum balas tahap kepuasan pelanggan. Penambahbaikan yang dilaksanakan secara berterusan dapat meningkatkan kepuasan pelanggan dan jika pelanggan berpuas hati ia dapat memberi imej yang baik kepada JBG.

## E. LAPORAN UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

### (i). Penarafan 5 Bintang Bagi Portal JBG

JBG berjaya mengekalkan penarafan lima bintang untuk Portal JBG dalam Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2013. Portal JBG telah berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang selama 3 (tiga) tahun berturut-turut iaitu 2011, 2012 dan 2013.



(ii). **Sistem Maklum Balas JBG4U**

Bermula 1 April 2013, orang awam boleh menghantar maklum balas secara atas talian kepada JBG dengan menggunakan kemudahan ini yang disediakan melalui portal Jabatan. Orang awam juga boleh menyemak status maklum balas yang dihantar. Sebanyak 38 maklum balas diterima dan 82 semakan maklum balas telah direkodkan untuk sepanjang tahun 2013.

Antara muka bagi maklum balas baru –



**Sistem JBG4U - Borang Maklum Balas**

Sistem ini adalah bertujuan bagi memudahkan pengguna Portal Rasmi Jabatan Bantuan Guaman dalam membuat pertanyaan/ cadangan penambahbaikan/ penghargaan/ aduan dan komen kepada Jabatan.

Nama: \*

E-mel: \*

No. Telefon:

Kategori: \*  ▼

Perkara: \*

Keterangan: \*

Antara muka bagi semakan maklum balas –



**JBG4U - Semakan Status Maklum Balas**

E-mel: \*

No. Rujukan: \*

Bilangan Transaksi : 82



Sesi taklimat oleh Ketua Pengarah JBG Puan Siti Zawahir Mohamed kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri pada 4 Jun 2013 di Bilik Mesyuarat Perdana BHEUU



Taklimat pelaksanaan 5S di Ibu Pejabat JBG oleh Encik Suhailli Hj. Yusoff, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap Negara, Kuala Lumpur pada 4 Jun 2013



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun di Ibu Pejabat JBG pada 9 April 2013



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan JBG Bil 1 2013 pada 9 April 2013





Lawatan Pelajar  
Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia  
ke Ibu Pejabat JBG  
pada 10 April 2013



Timbalan Ketua Pengarah Sivil  
Tuan Abdul Rasid bin Sudin sedang  
memberi ceramah kepada Peserta  
Kursus Khas Penolong Pegawai  
Undang-Undang Jabatan Bantuan  
Guaman Pada 13 Hingga 15 November  
2013 Di Institut Latihan Kehakiman  
Dan Perundangan (ILKAP)



Seminar Literasi Undang-Undang di Hotel Aston,  
Negeri Sembilan



Klinik Guaman di UiTM Machang



Pegawai JBG  
bersama rancangan  
Tanyalah Pakar  
siaran JOHORfm





Lawatan Ketua Pengarah JBG ke Pejabat baharu JBG Johor yang masih dalam pengubahsuaian



Klinik Guaman JBG Sibul



Klinik guaman sempena sambutan Maal Hijrah anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Pahang



Lawatan Jawatankuasa 5S Ibu Pejabat JBG ke Ibu Pejabat Bahagian Perumahan Putrajaya



Ceramah berhubung dengan amalan 5S oleh Encik Muhammad Firdaus Zariza bin Abd. Aziz



Pegawai JBG WPKL Sedang Menyampaikan Ceramah/ Penerangan Undang-Undang Berhubung Fungsi Dan Peranan JBG Sempena Lawatan Wanita MCA



Klinik Bantuan Guaman JBG Wilayah Persekutuan Labuan



Program Klinik Guaman 1Malaysia Anjuran JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pegawai JBG WPKL memberi penerangan Fungsi Dan Bidang Kuasa JBG di Klinik Guaman 1Malaysia Di PPR Hiliran Ampang Pada 6 Julai 2013



Ceramah Undang-Undang Disampaikan Oleh Encik Mohd Yazid Sairi Pegawai JBG WPKL bertempat di LHDN Kuala Lumpur pada 29 September 2013



**MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN  
MENARA PERSEKUTUAN MELAKA  
OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA  
9 MAC 2013**

Majlis Perasmian Bangunan Menara Persekutuan Melaka oleh YAB Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada 9 Mac 2013. Bangunan Menara Persekutuan yang terletak di Jalan Persekutuan MITC Melaka menempatkan pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan termasuklah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Melaka yang beroperasi di Tingkat 6. Puan Siti Zawahir Mohamed, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Malaysia turut hadir dalam majlis tersebut.



JBG Melaka mengadakan pameran sempena perasmian Menara Persekutuan Melaka oleh YAB Perdana Menteri



Ketua Pengarah JBG bersama sebahagian kakitangan JBG Melaka



Klinik Guaman JBG Melaka

Pegawai JBG Melaka memberi penerangan Undang-undang di Seminar Literasi Undang-Undang yang dianjurkan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Melaka pada 4 Jun 2013

**LAWATAN KETUA-KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERSEKUTUAN KE PEJABAT JABATAN BANTUAN GUAMAN MELAKA DI UTC MELAKA PADA 10 SEPTEMBER 2013**

Jabatan Bantuan Guaman Melaka yang beroperasi di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka pada setiap hari Jumaat dikunjungi tetamu VVIP sempena Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Perkhidmatan Negeri Melaka yang diadakan di UTC Melaka pada 10 September 2013. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).



Dato' Seri Dr. Haji Ismail Haji Ahmad, Ketua Setiausaha MINDEF dan Dato' Ahmad Husni Hussain, Ketua Pengarah UKAS bersama Pengarah JBG Melaka



Dato' Adenan AB Rahman, Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri bersama Pengarah Negeri JBG Melaka



Pasukan Naziran Ibu Pejabat bersama warga JBG Raub





Program Kesedaran Undang-Undang di Felda Krau 1, Raub Pahang dengan kerjasama pihak pengurusan Felda Krau 1.



Lawatan KP BHEUU Ke Jabatan Bantuan Guaman Kedah Pada 1 Julai 2013



Klinik Guaman JBG Kelantan



Klinik Guaman JBG Johor



Lawatan YB Hajah Nancy Hj Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke JBG Sabah pada 25 Julai 2013



## Tuntut RM12,000, hak penjagaan

**Kuala Lumpur:** Seorang pembantu akauntan membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi Syariah, di sini, semalam, terhadap bekas suaminya setelah mendakwa lelaki itu gagal menunaikan tanggungjawab selepas mereka berpisah tahun lalu.

Tuntutan dibuat Siti Nora Mahat, 25, selaku plaintif yang merangkumi nafkah anak berjumlah RM600 sebulan, bayaran edah RM1,800 dan mutaah RM10,000, selain hak penjagaan anak perempuan mereka yang berusia dua tahun tiga bulan.

Ketika sesi soal balas oleh peguamnya dari Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Siti Nora memberitahu mahkamah, dia berpisah dengan Mohd Faizal Ngah, 32, selepas lelaki itu melafazkan talak ke atasnya di mahkamah November tahun lalu.

Dia berkata, mereka bercerai selepas seorang wanita mengaku mempunyai hubungan dengan suaminya.

Pasangan itu berkahwin pada Julai 2010 dan plaintif kini tinggal bersama ibunya di Gombak Setia, di sini.

### Wang belanja tak mencukupi

Katanya, sejak berpisah, bekas suaminya hanya melawat anak mereka dua kali dalam tempoh empat bulan, dengan kali terakhir kira-kira seminggu sebelum Aidilfitri lalu.

## Khidmat nasihat catat rekod tinggi

11-P-2013

**Putrajaya:** Jabatan Bantuan Guaman merekodkan sebanyak 3,007 khidmat nasihat diuruskan kepada orang ramai sepanjang Jun lalu, sekali gus menjadi kes paling tinggi dikendalikan jabatan itu pada bulan berkenaan.

Berdasarkan statistik kes dikeluarkan laman web jabatan itu, kes kedua tertinggi dikendalikan membabitkan keluarga syariah iaitu sebanyak 693 kes, diikuti perantaraan iaitu 466 kes.

"Kemudian diikuti kes keluarga sivil dikendalikan jabatan ini sebanyak 327 kes, kes jenayah 151 kes dan kes sivil 49 kes," katanya.

Pada masa sama, statistik kes dikendalikan jabatan berkenaan pada Mei menunjukkan, khidmat nasihat yang tertinggi iaitu sebanyak 2,936 kes.

"Ia diikuti kes keluarga syariah 771 kes, kes keluarga sivil 432 kes dan perantaraan 365 kes.

"Sepanjang Mei lalu juga jabatan ini mengendalikan sebanyak 175 kes jenayah, manakala 26 kes sivil," katanya.

Sementara itu, statistik kes direkodkan sepanjang April lalu mendapati, sebanyak 3,640 khidmat nasihat dikendalikan kepada orang ramai pada bulan itu.

Selain itu, sebanyak 908 kes keluarga syariah dikendalikan jabatan itu bagi tempoh berkenaan, diikuti perantaraan iaitu 551 kes serta kes keluarga sivil iaitu 438 kes.

"Bagi kes jenayah, sebanyak 264 kes dikendalikan jabatan ini, diikuti kes sivil iaitu 38 kes," katanya.



Masih ramai isteri jadi mangsa kepada suami tidak bertanggungjawab

# 50% wanita kita tak tahu hak

Oleh FARHANA JONI

Perwakilan Puteri Sarawak

16 Dis 11 09:25

**KUCHING** 15 Dis. - Lebih 50 peratus wanita di negara ini masih tidak mengetahui hak mereka adalah dijamin oleh undang-undang sehingga menyebabkan ada yang ditindas oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri berkata, kesan akibat kurangnya pengetahuan tentang hak itu dapat dilihat apabila masih ramai golongan isteri di negara ini menjadi mangsa kepada suami tidak bertanggungjawab yang meninggalkan mereka ibarat 'gantung tidak bertali'.

Beliau berkata, lebih menyedihkan apabila terdapat segelintir wanita yang mengetahui tentang hak mereka tetapi tidak mengetahui cara dan prosedur untuk menggunakan sepenuhnya kelebihan tersebut.

"Hakikatnya, setiap wanita di negara ini memiliki hak dalam rumah tangga dan di tempat kerja.

"Sebenarnya, mereka boleh mengambil tindakan undang-undang jika berhadapan dengan sebarang masalah atau gangguan," katanya kepada pembicara ketika diarah dalam Majlis Perasmian Forum Literasi Undang-Undang anjuran Persatuan Wanita India Sarawak di sini hari ini. Yang turut hadir Pengarah Biro

Wanita negeri, Norjanah Razali dan Presiden Persatuan Wanita India Sarawak, Kapitan Lucy Lingam.

Pengantunan program tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada golongan wanita khususnya kaum India yang merupakan golongan minoriti di negeri ini mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menangani segala bentuk keganasan.

Sementara itu, Nancy berkata, bagi menjamin hak wanita terus dihormati, Jabatan Bantuan Guaman memainkan peranan memberi nasihat kepada golongan itu meliputi empat bidang kuasa iaitu kekebalan syariah, kekebalan sivil, perkara sivil dan kes jenayah.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan turut merancang untuk menggunakan pendekatan baharu bagi mendedahkan golongan wanita di negara ini mengenai hak dan sistem perundangan yang melindungi mereka.

"Saya menasihatkan golongan wanita supaya tidak membiarkan diri dan anak-anak menjadi mangsa penindasan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Pendekatan memendam dan menyimpan setiap masalah yang berlaku atas atasan malu atau mengajur maruah keluarga bukan lagi penyelesaiannya kerana tindakan itu boleh menyebabkan mereka terus menjadi mangsa," katanya.



NANCY Shukri (tiga dari kiri) menyatakan kutu rihlikku sebagai simbolik perasmian Forum Literasi Undang-Undang anjuran Persatuan Wanita India Sarawak di Kuching, semalam. UTUSAN/MOHAMMAD GUSTIE NOORABMA

## JBG Sabah hasrat buka cawangan di S'kan

Oleh BALQIS JAL MAJLUDIN  
balqis@newsabah.com.my

**KOTA KINABALU** - Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Sabah berhasrat membuka sebuah cawangan di Sandakan bagi membantu keperluan Majlis Keselamatan Keluarga (MKK) yang menguruskan kes-kes gangguan terhadap wanita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri, ketika berucap di Majlis Perasmian JBG Sabah di sini hari ini berkata, JBG Sabah berhasrat membuka sebuah cawangan di Sandakan bagi membantu keperluan Majlis Keselamatan Keluarga (MKK) yang menguruskan kes-kes gangguan terhadap wanita.

"Dengan adanya sebuah cawangan di Sandakan di kawasan yang bersempadan dengan Kalimantan, Sabah dan Kalimantan, kita dapat membantu kes-kes gangguan terhadap wanita yang berlaku di kawasan tersebut," katanya.

Nancy berkata, JBG Sabah berhasrat membuka sebuah cawangan di Sandakan bagi membantu keperluan Majlis Keselamatan Keluarga (MKK) yang menguruskan kes-kes gangguan terhadap wanita.

Sementara itu, Nancy menyatakan hasratnya ke pejabat JBG di Sandakan untuk membantu kes-kes gangguan terhadap wanita yang berlaku di kawasan tersebut.

"Sementara itu, Nancy menyatakan hasratnya ke pejabat JBG di Sandakan untuk membantu kes-kes gangguan terhadap wanita yang berlaku di kawasan tersebut."

"Sementara itu, Nancy menyatakan hasratnya ke pejabat JBG di Sandakan untuk membantu kes-kes gangguan terhadap wanita yang berlaku di kawasan tersebut."



BERSAMA MAJLISAN JBG - Nancy Shukri (tiga dari kiri) berucap semasa perasmian pembukaan pejabat JBG di Sandakan, Sabah, semalam.

Berdasarkan rekod, pada tahun 2012 sebanyak 209 kes sivil, 252 kes syariah dan 41 kes jenayah telah dikendalikan oleh JBG berbanding hanya 281 kes sivil, 260 kes syariah dan 32 kes jenayah pada tahun 2011, katanya.

"Selain itu, sebanyak 212 kes sivil, 250 kes syariah dan 113 kes jenayah dikendalikan oleh JBG Sabah pada tahun 2010 manakala sebanyak 146 kes sivil, 240 kes syariah dan 75 kes jenayah pada tahun 2009," katanya.

Sekitar ini sebanyak 50 kes yang dilaporkan pada tahun semasa berjaya diselesaikan dengan kaedah hantar 26 pegawai dan kakitangan serantau hanya empat orang pegawai undang-undang yang turut membicarakan kes di Mahkamah di seluruh Sabah, katanya.

Katanya, kebanyakan kes yang dirujuk merupakan kes kekejaman sivil dan syariah iaitu lebih kurang 70 peratus kes yang ditamatkan di JBG Sabah.

Sementara itu, JBG Sabah berhasrat memberi nasihat undang-undang kepada semua warganegara Malaysia dalam semua perkara undang-undang Malaysia, katanya.

Terdapat dua kategori bagi pelanggan yang layak didaftarkan ke dalam program kepada mereka yang mempunyai pendapatan tidak melebihi RM25,000 setahun yang





# JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA



<http://www.insolvency.gov.my>



**LAPORAN TAHUNAN**  
**JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA**

**2013**

# kandungan

## **PENGENALAN**

**:: 130**

### **TERAS STRATEGIK JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl) TAHUN 2013**

Memperkukuhkan pentadbiran hal ehwal insolvensi melalui pentadbiran kes penggugungan syarikat yang efektif

**:: 132**

Perekrayaan berterusan pentadbiran hal ehwal kebangkrapan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan

**:: 139**

Memperkukuhkan aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan untuk meningkatkan tahap pematuhan di kalangan pemiutang dan penghutang

**:: 145**

Membangunkan sistem insolvensi yang efektif melalui kajian perundangan yang berterusan

**:: 150**

Menyediakan perkhidmatan sokongan yang cemerlang dan komprehensif bagi memastikan kelestarian dan penambahbaikan berterusan dalam jabatan

**:: 150**

Penambahbaikan berterusan terhadap imej korporat jabatan melalui inisiatif penjenamaan strategik dan inovasi

**:: 160**

# PENGURUSAN TERTINGGI



**PUAN ROHANA ABD MALEK**  
KETUA PENGARAH INSOLVENSI



**PUAN HAINI HASSAN**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI



**YBHG. DATO' MAT ARON DERAMAN**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN





## PENGENALAN, VISI, MISI & OBJEKTIF STRATEGIK

### Pengenalan Mdl

Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) merupakan sebuah agensi kerajaan yang diberi peranan untuk mentadbir hal ehwal kes-kes kebangkrutan serta hal ehwal seseorang bankrap. Mdl juga mentadbir syarikat yang telah digulungkan dan pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya. Aktiviti teras Mdl melibatkan penzahiran dan penghasilan harta si bankrap, menentusahkan tuntutan yang difailkan oleh pemiutang dan seterusnya mengagihkan hasil yang diperoleh kepada pemiutang.

### Visi

Untuk menjadi peneraju pengurusan insolvency melalui pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan yang efisien dan dinamik.

### Misi

Menguruskan hal ehwal insolvency dengan integriti, saksama dan professional untuk menjaga dan mengimbangi kepentingan pelanggan bagi meminimakan impak kegagalan pengurusan kewangan.

### Objektif Strategik

- (a) Memperkukuhkan pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan pengurusan insolvency;
- (b) Memperkukuhkan pelaksanaan dan pematuhan undang-undang insolvency;
- (c) Memperkukuhkan keupayaan dan kemampuan Mdl; dan
- (d) Memperkukuhkan kerjasama dan perkongsian strategik.

## PENGENALAN

Pada tahun 2013 Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) telah mengorak langkah dengan lebih proaktif. Berlandaskan tema kecemerlangan operasi, kepuasan pelanggan menjadi matlamat utama jabatan. Oleh itu, beberapa proses kerja telah ditambah baik bagi mempercepatkan urusan, menjimatkan masa dan seterusnya melahirkan rasa gembira di kalangan pelanggan. Bukan sahaja kepuasan pelanggan yang menjadi keutamaan, malah keseronokan bekerja di kalangan penjawat awam Mdl turut diambil kira dan dititikberatkan.

Antara tindakan yang telah diambil bagi mengetahui apa yang terjadi di peringkat akar umbi ialah melalui pendekatan turun padang ke pejabat negeri dan cawangan Mdl bagi bertemu sendiri dengan penjawat awam di pejabat negeri serta cawangan. Ini kerana hubungan pihak Pengurusan dan golongan pelaksana merupakan satu perkara yang penting bagi memastikan pihak Pengurusan tahu apa yang berlaku di peringkat pelaksanaan dan membantu mempermudah proses kerja di mana yang perlu. Hasil lawatan turun padang, didapati banyak penambahbaikan perlu dibuat terutama dari segi kemudahan tempat bekerja. Suasana kerja yang kondusif membantu meningkatkan produktiviti seseorang pekerja. Pihak pengurusan sedang mengambil tindakan sewajarnya dan melaksanakan secara berperingkat bagi menambah baik ruang pejabat Mdl di pejabat negeri dan cawangan.

Bagi memastikan semua warga Mdl boleh menyuarakan pandangan dan harapan terhadap pengurusan Mdl satu saluran telah diwujudkan iaitu melalui emel '*What do you expect from your KPI*'. Sebanyak 22 cadangan atau pandangan telah terima dan diteliti oleh pihak Pengurusan dengan mengambil kira pelbagai aspek berkaitan serta tindakan yang sewajarnya dilaksanakan. Dari segi meningkatkan prestasi dan proses kerja kepada para pelanggan, Mdl telah membuat perubahan besar dengan menurunkan kuasa Ibu pejabat kepada pejabat negeri dan cawangan. Kuasa untuk memberi kelulusan dan meletakkan syarat di bawah semua permohonan Seksyen 38 Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] diberi kepada Pengarah Insolvency Negeri dan Ketua Cawangan. Melalui pelaksanaan ini, proses kerja dapat dipercepatkan dan menerima impak positif daripada orang awam serta beberapa isu birokrasi dapat dikurangkan.

Pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem pengurusan teknologi maklumat sentiasa diberi keutamaan. Contohnya pembangunan Sistem Insolvency Bersepadu (INSIST) kini berada pada tahap melebihi 95 peratus. Melalui sistem ini, pengurusan kes akan menjadi lebih mudah dan sistematik. Apabila sistem ini dapat digunakan kelak, lebih banyak perkhidmatan dapat ditawarkan kepada orang ramai. Sistem maklumat juga ditambah baik dengan perkhidmatan maklumat kebenaran bankrap keluar negara secara atas talian kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui sistem MyIMMs.

Selain itu, satu sistem baru yang dikenali sebagai *Insolvency Notification System (INS)* telah dibangunkan. Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan kaedah manual notis maklumat kepada pihak bank yang dihantar melalui surat. Melalui sistem ini, pihak bank hanya perlu daftar masuk portal Mdl dan maklumat yang diperlukan boleh diperolehi secara terus dan atas

talian. Pelaksanaan sistem ini dijangka boleh mengelakkan kejadian surat tidak diterima oleh pihak bank dan sebagainya. Selain itu, maklumat dan pindahan baki akaun dan aset milik bankrap akan menjadi lebih cepat.

Penambahbaikan yang sangat ketara dalam proses kerja yang telah dibuat ialah perbincangan dengan Mahkamah telah dimuktamadkan yang mana Pegawai Insolvency tidak lagi perlu hadir ke Mahkamah bagi pendengaran petisyen kebangkrutan atau penggugungan syarikat mulai 1 Ogos 2013. Dengan ini masa Pegawai Insolvency boleh difokuskan kepada tugas-tugas hakiki di pejabat iaitu pentadbiran kes kebangkrutan dan penggugungan syarikat. Penambahbaikan Unit Pendaftaran dengan lebih sistematik telah dilakukan. Pembaharuan ini membolehkan pentadbiran yang teratur agar Pegawai Insolvency dapat memberi fokus kepada bankrap yang datang dan memberi kerjasama serta boleh meningkatkan tindakan penguatkuasaan ke atas bankrap yang tidak hadir.

Pewujudan Unit Pematuhan dan Integriti di Ibu Pejabat juga dibuat dan ini sangat membantu Cawangan bagi mematuhi semua peraturan yang telah dibuat dan mengelakkan teguran audit. Unit ini berjaya mencapai matlamat dan objektif penubuhannya kerana setiap kali Cawangan menghadapi audit, Unit Pematuhan akan memberi garis panduan dan membantu Cawangan dari segi tindakan yang perlu diambil. Bagi mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang maju dan berdaya saing, Mdl memerlukan corak pemikiran dan strategi yang baru. Transformasi bukan perkara yang mudah dan ia juga bukan sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan. Kerjasama semua individu dalam Mdl amat penting bagi memastikan semua sasaran jabatan dapat dicapai.


## MEMPERKUKUHKAN PENTADBIRAN HAL EHWAL INSOLVENSII MELALUI PENTADBIRAN KES PENGGULUNGAN SYARIKAT YANG EFEKTIF

Dalam mengendalikan pentadbiran kes penggulungan syarikat, Ketua Pengarah Insolvency (KPI) menjalankan tugas sebagai Pegawai Penerima (PP). Tugas utama PP ialah untuk mentadbir kes penggulungan syarikat sekiranya dilantik sebagai pelikuidasi dan juga mengawal selia Pelikuidasi Yang Diluluskan (PYD). PYD merupakan pelikuidasi swasta yang dilantik dengan kebenaran Mahkamah untuk mentadbir kes penggulungan syarikat.

Di Malaysia, penggulungan syarikat dilaksanakan melalui dua cara iaitu secara terpaksa melalui Mahkamah atas permohonan pemiutang dan secara sukarela melalui resolusi pemegang saham atau pemiutang. PP hanya mentadbir kes penggulungan syarikat secara terpaksa sahaja manakala kes penggulungan syarikat secara sukarela ditadbir oleh pelikuidasi swasta.


Bagi tahun 2013 sebanyak 2,223 jumlah petisyen penggulungan syarikat secara terpaksa telah difailkan ke Mahkamah. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus daripada tahun 2012 iaitu hanya sebanyak 2,207 jumlah petisyen sahaja difailkan pada tahun tersebut. Maklumat lanjut mengenai jumlah petisyen yang difailkan ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Jumlah Petisyen Penggulungan Syarikat Secara Terpaksa Yang Difailkan Bagi Tahun 2012 Dan 2013



Daripada 2,223 jumlah petisyen yang diterima oleh Mdl pada tahun 2013, sebanyak 1,526 petisyen telah menerima perintah Mahkamah manakala 697 petisyen telah ditarik balik atau dibatalkan. Perbandingan jumlah petisyen yang mendapat perintah Mahkamah dan ditarik balik atau dibatalkan ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah.

Rajah 2: Jumlah Petisyen Yang Mendapat Perintah Mahkamah Dan Yang Ditarik Balik/ Dibatalkan Bagi Tahun 2012 Dan 2013




### Perbandingan Penggulungan Syarikat Secara Terpaksa dengan Sukarela

Bagi tahun 2013, kes penggulungan syarikat secara terpaksa telah meningkat daripada 1,550 kes kepada 1,563 kes pada kadar 0.8 peratus manakala penggulungan syarikat secara sukarela telah menurun daripada 1,145 kes kepada 631 kes iaitu penurunan pada kadar 44.9 peratus.

Perbandingan kes penggulungan syarikat secara terpaksa dan penggulungan sukarela bagi tahun 2013 ditunjukkan dalam Rajah 3 seperti di bawah:

Rajah 3: Perbandingan Kes Penggulungan Syarikat Secara Terpaksa Dengan Penggulungan Sukarela Yang Didaftarkan Pada Tahun 2013




### Syarikat Yang Digulungan Mengikut Sektor

Daripada jumlah 1,563 kes penggulungan syarikat secara terpaksa yang didaftarkan didapati sektor perdagangan, borong dan runcit mencatatkan jumlah kes penggulungan tertinggi sebanyak 360 kes iaitu 23 peratus diikuti dengan sektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta, pelaburan dan perniagaan sebanyak 359 kes iaitu 22.9 peratus. Bagaimanapun tiada statistik bagi sektor syarikat yang digulungan secara sukarela.



Jumlah kes penggulungan syarikat secara terpaksa mengikut sektor perniagaan ditunjukkan dalam Rajah 4 di bawah:

Rajah 4: Sektor Perniagaan Syarikat Yang Digulungkan Bagi Tahun 2013



#### Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja Yang Telah Dibatalkan Pendaftarannya

Selain mentadbir kes penggulungan syarikat Mdl juga mengendalikan kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya. Pada tahun 2013 sebanyak 1,010 kes pertubuhan dan 8 kes kesatuan sekerja telah dibatalkan pendaftarannya. Maklumat terperinci bilangan kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya bagi tahun 2013 ditunjukkan dalam Rajah 5 di bawah.


Rajah 5: Bilangan Kes Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya Bagi Tahun 2013



## Bilangan Penyata Hal Ehwal (PHE) Yang Difailkan Bagi Kes Penggulungan Syarikat Secara Terpaksa

Dalam kes penggulungan syarikat secara terpaksa pemfailan PHE merupakan proses permulaan di mana pengarah syarikat, setiausaha syarikat atau pegawai syarikat yang digulungkan harus memfailkan PHE di bawah peruntukan Seksyen 234 Akta Syarikat 1965 [Akta 125] kepada PP untuk mengisytiharkan aset dan liabiliti syarikat. Bagi tahun 2013 terdapat peningkatan sebanyak 15.8 peratus bagi bilangan PHE yang difailkan iaitu daripada 449 kes pada tahun 2012 kepada 520 kes. Peningkatan ini menunjukkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat atau pegawai syarikat yang digulungkan mula menyedari tanggungjawab mereka untuk hadir ke Mdl. Perbandingan jumlah PHE bagi tahun 2012 dan 2013 ditunjukkan dalam Rajah 6 di bawah.


Rajah 6: Perbandingan Pemfailan PHE Bagi Tahun 2012 Dan 2013



## Penghasilan Aset Penggulungan Syarikat

Antara aktiviti teras PP dalam mentadbir kes penggulungan syarikat ialah menghasilkan aset syarikat dengan tujuan pembayaran dividen kepada pemiutang. Pada tahun 2013, penghasilan aset penggulungan syarikat memperoleh kutipan sebanyak RM98,401,440.76. Terdapat peningkatan sebanyak 35.14 peratus penghasilan aset bagi tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012 seperti ditunjukkan dalam Rajah 7 di bawah:

Rajah 7: Perbandingan Penghasilan Aset Penggulungan Syarikat Pada Tahun 2012 Dengan 2013



## Pengisytiharan Dividen

Bagi tahun 2013 sebanyak 270 kes telah diisytiharkan dividen dengan bayaran berjumlah RM4.2 juta. Jumlah pengisytiharan dan pembayaran dividen bagi tahun 2012 dan 2013 ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.


Jadual 1: Pengisytiharan Dan Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2012 Dan 2013

LIKUIDASI	2012	2013
Bilangan Pengisytiharan Dividen	398	270
Bilangan Pembayaran Dividen	901	421

## Jumlah Kes Yang Dibubarkan


Kes penggulungan syarikat secara terpaksa boleh dibubarkan menurut Seksyen 239 Akta 125 selepas pentadbiran penggulungan tersebut selesai. Pada tahun 2013, sebanyak 1,460 kes penggulungan syarikat secara terpaksa telah dibubarkan. Pembubaran kes penggulungan syarikat ini meningkat sebanyak 665 kes atau 83.6 peratus daripada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan oleh inisiatif Bahagian Likuidasi Ibu Pejabat yang mengadakan *Task Force Section 239* bagi cawangan Selangor dan Kuala Lumpur. Maklumat berkenaan jumlah pendaftaran dan pembubaran penggulungan syarikat terpaksa bagi tahun 2012 dengan 2013 ditunjukkan dalam Rajah 8 di bawah.

Rajah 8: Jumlah Pendaftaran dan Pembubaran Penggulungan Syarikat Terpaksa bagi Tahun 2012 dengan 2013




Bagi kes pembatalan pertubuhan, sebanyak 357 kes telah ditutup pada tahun 2013. Penutupan kes pembatalan pertubuhan ini meningkat sebanyak 72 kes atau 25.2 peratus daripada tahun 2012. Jumlah kes daftar dan tutup pembatalan pertubuhan bagi tahun 2012 dan 2013 ditunjukkan dalam Rajah 9 di bawah.

Rajah 9: Jumlah Kes Daftar Dan Tutup Penggulangan Pertubuhan Bagi Tahun 2012 Dan 2013



Pada tahun 2013, sebanyak 6 kes telah ditutup untuk kes pembatalan kesatuan sekerja. Penutupan kes kesatuan sekerja ini menurun sebanyak 2 kes atau 25 peratus daripada tahun 2012. Jumlah kes daftar dan tutup pembatalan kesatuan sekerja bagi tahun 2012 dan 2013 ditunjukkan dalam Rajah 10 di bawah.

Rajah 10: Jumlah Kes Daftar Dan Tutup Penggulangan Kesatuan Sekerja Bagi Tahun 2012 Dan 2013





## Kes Penggulangan Syarikat Secara Terpaksa Yang Dikendalikan Oleh PP Di Mahkamah Bagi Tahun 2013

Antara kes penting yang dikendalikan oleh PP di Mahkamah bagi tahun 2013 adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2:  
Kes Yang Dikendalikan Oleh PP Di Mahkamah Bagi Tahun 2013

Bil.	Perkara	Keputusan
1.	<p><i>MTKL (D7) D5-25IP-11-2007 antara Pirelli &amp; C.S.P.A dan UTMC Tires Industries Sdn Bhd</i></p> <p>Isu utama adalah sama ada cap dagangan "Farelli" yang didaftarkan atas nama UTMC Tires Industries Sdn Bhd ("UTMC") melanggar hak harta intelek milik Pirelli &amp; C.S.P.A ("Pirelli") dan sama ada tawaran sebanyak RM5,000.00 oleh Pirelli wajar diterima atau tidak oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi sebagai penghasilan.</p>	<p>Mahkamah membenarkan permohonan Pirelli untuk menarik balik kes tanpa perintah terhadap kos. Penghakiman Persetujuan direkodkan berdasarkan <i>Deed of Assignment</i> yang telah ditandatangani di antara pihak-pihak dan bayaran RM 5,000.00 sebagai penyelesaian telah dibuat kepada Pegawai Penerima.</p>
2.	<p><i>MTSA No. 24-362-03/2012 antara Pegawai Penerima dan Gabriel Teo Chun</i></p> <p>Isu adalah sama ada perintah ex-parte bertarikh 30.3.2012 yang telah membenarkan Responden meneruskan tindakan sebagai Pelikuidasi untuk 24 buah syarikat yang telah digulungkan adalah tidak sah kerana dibuat tidak mengikut peruntukan undang-undang.</p>	<p>Mahkamah membenarkan permohonan Pegawai Penerima untuk mengenyahkan perintah ex-parte terhadap Pelikuidasi yang dilantik dibenarkan dengan kos di dalam kausa.</p>
3.	<p><i>MSKL antara Pendakwa Raya dan Noradz Travel &amp; Services Sdn Bhd &amp; 3 lagi</i></p> <p>Isu utama adalah sama ada PP selaku Pelikuidasi dan KPI perlu memohon sebagai pihak ketiga untuk mendapatkan aset milik Noradz Travel &amp; Services Sdn. Bhd. dan bekas pengarah yang telah dibankrapkan yang telah dibekukan oleh Bank Negara Malaysia atas 166 pertuduhan pengubahan wang haram (AMLA) dan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA).</p>	<p>KPI dan PP berpendirian untuk tidak memohon untuk menjadi pihak dalam prosiding berkenaan memandangkan sabitan telah dibuat oleh Mahkamah dan aset yang disita merupakan hasil daripada aktiviti jenayah perlu diserahkan kepada kerajaan demi kepentingan awam.</p>

## PEREKAYASAAN BERTERUSAN PENTADBIRAN HAL EHWAL KEBANKRAPAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN

Tindakan kebangkrapan bermula apabila seseorang penghutang gagal menyelesaikan tuntutan pemiutang melalui notis kebangkrapan yang dikemukakan kepadanya. Selanjutnya, pemiutang akan memfailkan petisyen kebangkrapan (Petisyen Pemiutang) di Mahkamah terhadap penghutang supaya penghutang tersebut menjelaskan tuntutan pemiutang. Sekiranya penghutang masih gagal untuk menjelaskan jumlah tuntutan, Mahkamah akan mengeluarkan Perintah kebangkrapan iaitu Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (PP&PP) terhadap Penghutang tersebut.

Selain daripada petisyen yang dikemukakan oleh pemiutang, penghutang sendiri boleh memohon kepada Mahkamah melalui petisyen penghutang untuk mengisytiharkan dirinya bankrap. Sebanyak 35,407 petisyen telah difailkan ke Mahkamah bagi tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35,364 petisyen telah difailkan oleh pemiutang manakala 43 petisyen oleh penghutang. Maklumat perbandingan bagi jumlah petisyen penghutang dan petisyen pemiutang yang difailkan serta jumlah PP&PP yang dibuat oleh Mahkamah berdasarkan petisyen yang difailkan dalam tempoh Januari hingga Disember 2013 ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Perbandingan Bagi Jumlah Petisyen Penghutang Dan Petisyen Pemiutang Yang Difailkan serta Jumlah PP&PP Yang Dibuat Oleh Mahkamah Berdasarkan Petisyen yang Difailkan Dalam Tempoh Januari Hingga Disember 2013

Bulan	Bil. Petisyen			Bil. PP&PP
	Petisyen Penghutang	Petisyen Pemiutang	Jumlah	
Januari	6	2,233	2,239	1,743
Februari	2	2,801	2,803	1,628
Mac	4	3,410	3,414	1,543
April	8	4,066	4,074	1,981
Mei	6	3,968	3,974	1,780
Jun	1	2,362	2,363	1,750
Julai	4	3,095	3,099	2,350
Ogos	4	1,849	1,853	1,119
September	4	3,109	3,113	2,139
Oktober	2	2,788	2,790	1,815
November	2	3,051	3,053	1,850
Disember	0	2,632	2,632	1,875
Jumlah	43	35,364	35,407	21,573


### Statistik Kebankrapan Berdasarkan Umur dan Jantina

Jumlah keseluruhan kes kebangkrapan yang didaftarkan dalam tahun 2013 ialah sebanyak 18,179 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 34 peratus terdiri daripada golongan umur 35-44 tahun. Ini diikuti dengan bankrap daripada golongan umur 45-54 tahun dengan peratusan sebanyak 27 peratus. Golongan yang berumur di bawah 25 tahun hanya mewakili 1 peratus sahaja. Rekod juga menunjukkan terdapat juga bankrap yang tidak dapat dikenal pasti umurnya memandangkan kes yang difailkan adalah berdasarkan nombor kad pengenalan tentera, polis dan juga bankrap yang bukan warganegara Malaysia.


Bagi kategori jantina, majoriti individu yang diisytiharkan bankrap ialah golongan lelaki dengan peratusan sebanyak 69 peratus atau 15,097 kes. Manakala peratusan golongan perempuan yang bankrap hanya berjumlah 31 peratus atau 6,890 kes sahaja.

Golongan Melayu merupakan golongan yang tertinggi diisytiharkan bankrap iaitu sebanyak 11,498 kes yang mewakili 52 peratus pada tahun 2013 manakala selebihnya iaitu 29 peratus berbangsa Cina, 14 peratus berbangsa India dan lain-lain bangsa hanya mencatatkan kadar sebanyak 4 peratus sahaja. Statistik terperinci mengikut golongan umur, jantina dan bangsa dapat dilihat dalam Rajah 11, Rajah 12 dan Rajah 13 seperti di bawah.


Rajah 11: Pecahan Umur Bankrap Bagi Kes Yang Didaftarkan Bagi Tahun 2013



Rajah 12: Pecahan Umur Yang Didaftarkan Mengikut Jantina Didaftarkan Bagi Tahun 2013



Rajah 13: Pecahan Bangsa Bankrap Yang Didaftarkan Bagi Tahun 2013



#### Statistik Kebankrapan Mengikut Sebab Keberhutangan

Daripada jumlah kebangkrapan yang didaftarkan pada tahun 2013, statistik menunjukkan peratusan tertinggi mengikut sebab keberhutangan ialah bagi kategori pinjaman sewa beli kenderaan iaitu sebanyak 6,468 kes atau 29.4 peratus. Sebab kebangkrapan berikutnya merupakan kegagalan menjelaskan pinjaman perumahan iaitu 5,396 kes atau 24.5 peratus. Sebilangan kecil individu diisytiharkan bankrap akibat gagal menjelaskan hutang cukai pendapatan dan biasiswa atau pinjaman pelajaran masing-masing dengan peratusan sebanyak 0.7 peratus dan 0.1 peratus sahaja. Maklumat lanjut mengenai sebab kebangkrapan ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Bilangan PP&PP Mengikut Sebab Keberhutangan Bagi Tahun 2013

Sebab keberhutangan	Bilangan	%
Sewa beli Kenderaan	6,468	29.42%
Pinjaman Perumahan	5,396	24.54%
Pinjaman Peribadi	4,174	18.98%
Pinjaman Perniagaan	2,800	12.73%
Penjamin Sosial	995	4.53%
Penjamin Korporat	567	2.58%
Hutang Kad Kredit	1,016	4.62%
Hutang Cukai Pendapatan	163	0.74%
Biasiswa / Pinjaman Pelajaran	32	0.15%
Keberhutangan Yang Lain	376	1.71%
<b>JUMLAH</b>	<b>21,987</b>	<b>100%</b>



## Sesi Temu Kenal

Sesi temu kenal merupakan proses permulaan yang mana bankrap perlu hadir di Mdl dan memberi kerjasama dalam pentadbiran kes kebankrapannya. Pentadbiran kes kebankrapan menjadi lebih mudah dan berkesan dengan mengadakan temu kenal. Melalui sesi temu kenal ini, Mdl mendapat maklumat yang penting mengenai latar belakang bankrap dan dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga dalam mengesan bankrap serta membuat penemuan ke atas harta bankrap. Dengan maklumat yang diberikan oleh bankrap, kes kebankrapannya dapat dijalankan dengan lebih berkesan supaya beliau dapat dikeluarkan daripada kebankrapan seawal mungkin.

Jumlah kes kebankrapan yang didaftarkan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 ialah sebanyak 60,729 kes. Daripada jumlah kes ini sebanyak 45.7 peratus atau 27,673 kes bankrap telah menghadirkan diri di Cawangan Mdl untuk sesi temu kenal. Antara 21 Cawangan di Mdl, Cawangan Selangor telah menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 30.4 peratus bankrap telah menghadirkan diri untuk sesi temu kenal bagi kes kebankrapan yang didaftarkan dalam tempoh tahun 2012 hingga 2013, diikuti dengan Cawangan Johor Bahru dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya terdapat peningkatan terhadap kehadiran bankrap di Mdl pada tahun 2012 berbanding 2013 iaitu sebanyak 11.1 peratus. Maklumat mengenai jumlah bankrap yang hadir ke sesi temu kenal mengikut cawangan ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.


Jadual 5: Jumlah Bankrap Yang Hadir Di Mdl Untuk Sesi Temu Kenal Mengikut Cawangan Bagi Tahun 2012 dan 2013

Cawangan	Tahun		
	2012	2013	Jumlah
Wilayah Persekutuan	825	983	2,469
Selangor	2529	3548	8,412
Johor Bahru	1484	1364	3,463
Ipoh	433	539	1,361
Pulau Pinang	818	803	2,415
Kedah	486	425	1,273
Muar	442	375	1,337
Kota Kinabalu	134	71	304
Kelantan	221	216	654
Melaka	241	151	526
Negeri Sembilan	334	318	1,046
Temerloh	158	168	436
Kuantan	274	218	732
Kuching	322	440	1,017
Terengganu	177	267	554
Miri	108	140	406
Taiping	146	129	388
Sibu	100	90	330
Tawau	70	80	226
Sandakan	40	43	139
Perlis	52	72	185
<b>JUMLAH</b>	<b>9,394</b>	<b>10,440</b>	<b>27,673</b>

### Bilangan Pemfailan PHE Oleh Bankrap

Pada tahun 2013, sebanyak 13,617 bilangan PHE bagi kes kebangkrutan telah diakui terima oleh Mdl berbanding sebanyak 11,486 pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,131 atau 15.64 peratus seperti dalam Rajah 14 di bawah:


Rajah 14: Perbandingan Bilangan Pemfailan PHE Bagi Tahun 2012 Dengan Tahun 2013



### Penghasilan Aset

Penghasilan Aset Kebankrapan bagi tahun 2013 ialah sebanyak RM434,802,266 berbanding pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM317,787,842. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM117,014,424 atau 27 peratus. Maklumat terperinci ditunjukkan dalam Rajah 15 di bawah.

Rajah 15: Perbandingan Penghasilan Aset Kebankrapan bagi Tahun 2012 dan 2013



## Pengisytiharan Dividen

Bagi tahun 2013 sebanyak 19,492 kes telah diisytiharkan dividen dengan bayaran berjumlah RM6.4 juta. Jumlah pengisytiharan dan pembayaran dividen bagi tahun 2012 dan 2013 ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Pengisytiharan Dan Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2012 dan 2013

KEBANKRAPAN	2012	2013
Bilangan Pengisytiharan Dividen	15,010	19,492
Bilangan Pembayaran Dividen	9,428	6,480

## Pelepasan Kebankrapan

Bankrap boleh mengeluarkan diri daripada kebangkrapan melalui tiga cara iaitu melalui Pembatalan oleh Mahkamah di bawah Seksyen 105 Akta 360, Pelepasan Melalui Mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360 atau Pelepasan Melalui Sijil Pelepasan KPI di bawah Seksyen 33A Akta 360.

Pada tahun 2013, sebanyak 19,330 kes kebangkrapan telah dikeluarkan daripada kebangkrapan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12.5 peratus berbanding pelepasan pada tahun 2012 iaitu sebanyak 17,175 kes sahaja. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,678 kes telah dibatalkan oleh Mahkamah di bawah Seksyen 105 Akta 360 manakala sebanyak 258 kes pula telah dilepaskan melalui Mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360. Selanjutnya, sebanyak 16,394 kes telah dilepaskan melalui Sijil Pelepasan KPI. Maklumat terperinci mengenai jumlah kes yang dilepaskan ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Jumlah kes yang keluar bagi tahun 2012 dan 2013 Mengikut Kategori

Kategori	2012	2013	Jumlah
Pembatalan Mahkamah (S105)	2,279	2,678	4,957
Pelepasan Melalui Mahkamah (S33)	360	258	618
Pelepasan Melalui Sijil Pelepasan KPI(S33A)	14,536	16,394	30,930
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>17,175</b>	<b>19,330</b>	<b>36,505</b>

Mdl telah mensasarkan untuk melepaskan 15,000 bankrap melalui Sijil Pelepasan KPI dalam tahun 2013 bagi tujuan memberi peluang kedua kepada bankrap. Secara keseluruhan, sebanyak 16,394 kes atau 109.3 peratus telah berjaya dilepaskan setakat 2013 dan ini telah melebihi sasaran 100 peratus yang telah ditetapkan.

Mdl juga berusaha untuk membantu dan memberi peluang kedua kepada penjamin sosial dengan mensasarkan pelepasan seramai 2,000 orang bankrap melalui Sijil Pelepasan KPI pada tahun 2013. Secara keseluruhan, sebanyak 2,184 kes atau 109.2 peratus telah berjaya dilepaskan setakat 2013.

## Kes Kebankrapan Yang Dikendalikan Oleh KPI Di Mahkamah Bagi Tahun 2013

Antara kes penting yang dikendalikan oleh KPI di Mahkamah bagi tahun 2013 adalah seperti Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Kes yang dikendalikan oleh KPI di Mahkamah bagi tahun 2013

Bil.	Perkara	
1.	<i>MSKT No. A51-3-05 Tahun 2013 antara Mohamad bin Abd Rahman dan KPI &amp; 1 lagi</i>  Isu adalah sama ada maklumat status kebangkrapan tidak dikemaskini.	Mahkamah menolak tuntutan Plaintif kerana tuntutan tersebut adalah kausa tindakan yang tidak munasabah dengan kos yang akan diputuskan kemudian.
2.	<i>MSKL No. A51-13-03/2013 antara Salibah binti Arshad dan KPI &amp; 1 lagi</i>  Isu adalah sama ada KPI perlu membayar kesemua bahagian Plaintif berhubung suatu penjualan hartanah.	Mahkamah menolak tuntutan Plaintif kerana tuntutan tersebut adalah kausa tindakan yang tidak munasabah dengan kos sebanyak RM 1,000.00.
3.	<i>MTKL No.: D5-29-410-2000 antara Chow Ming Kong dan KPI</i>  Isu utama adalah sama ada Timbalan Pendaftar telah terkhilaf apabila memutuskan Perayu (bankrap) dikomitkan ke penjara untuk 3 bulan atas kesalahan menjadi pengarah syarikat semasa masih dihukum bankrap tanpa kebenaran KPI terlebih dahulu selaras dengan seksyen 38(1)(d) Akta Kebankrapan 1967.	Mahkamah memutuskan permohonan Bankrap dibatalkan dan memerintahkan bahawa kos ditetapkan sebanyak RM 15,000.00 kepada KPI.

## MEMPERKUKUKAN AKTIVITI PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN UNTUK MENINGKATKAN TAHAP PEMATUHAN DI KALANGAN PEMIUTANG DAN PENGHUTANG

### Pengenalan

Bagi aktiviti Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Mdl bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan seperti berikut:

- (a) Mengumpul dan mendapatkan keterangan yang relevan;
- (b) Mengenalpasti saksi-saksi di dalam sesuatu kes;
- (c) Mendapatkan keterangan dokumentari;
- (d) Membuat syor pertuduhan kepada KPI;
- (e) Menjalankan penyiasatan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang (Akta 360, Kaedah Kebankrapan 1969, Akta 125, Kaedah Penggulangan Syarikat 1972, Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan 1984, Akta Kesatuan Sekerja dan Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 dan Kanun Keseksaan) yang menyentuh hal ehwal, harta dan perlakuan bankrap, syarikat yang telah digulungkan dan kesatuan dan pertubuhan yang dibatalkan untuk faedah pemiutang-pemiutang serta pihak-pihak yang berkaitan; dan
- (f) Melaksanakan penguatkuasaan perintah-perintah Mahkamah ke atas bankrap, syarikat yang digulungkan dan kesatuan sekerja dan pertubuhan yang dibatalkan.



Pada tahun 2013, Mdl telah melaksanakan dan memantau 3 aktiviti utama bagi memantapkan proses penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang insolvensi. Aktiviti yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (a) Penyiasatan yang efektif dan strategik;
- (b) Penzahiran aset yang berkesan; dan
- (c) Peningkatan pengetahuan dan kepakaran pegawai insolvensi.

### Penyiasatan Yang Efektif Dan Strategik

Di bawah aktiviti penyiasatan yang efektif dan strategik, penumpuan diberikan kepada perkara berikut:

- (a) Penyelesaian Kertas Siasatan Bankrap Tegar (*Non-compliance Bankrupt*);
- (b) Penyelesaian Kertas Siasatan *Fraudulent Bankrupt*; dan
- (c) Penyelesaian Kertas Siasatan *Prominent Bankrupt*.

### Penyelesaian Kertas Siasatan Bankrap Tegar (*Non-compliance Bankrupt*)

Bagi penyelesaian Kertas Siasatan Bankrap Tegar (*Non-Compliance Bankrupt*), Mdl telah mengenalpasti jumlah kes dan jenis kesalahan yang melibatkan ketidakpatuhan bankrap dan perlu diselesaikan pada tahun 2013 iaitu sebanyak 523 kes. Pemantauan sepanjang masa oleh Mdl telah dilaksanakan dan arahan telah dikeluarkan oleh Pegawai Pemantau Zon untuk memantau aktiviti penyiasatan sehingga Kertas Siasatan Bankrap Tegar dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebanyak 290 Kertas Siasatan Bankrap Tegar telah disasarkan dan disiasat. Bagaimanapun Mdl telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 180 peratus iaitu dengan menyelesaikan kesemua kes yang telah dikenal pasti iaitu sebanyak 523 kes.

Pecahan mengikut bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat dan selesai di bawah Kertas Siasatan Bankrap Tegar (*Non Compliance Bankrupt*) bagi tahun 2013 ditunjukkan dalam Jadual 9 di bawah.

Jadual 9: Bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat dan selesai Kertas Siasatan Bankrap Tegar (*Non Compliance Bankrupt*) bagi tahun 2013

Bil	Seksyen	Butir-butir kesalahan	2013	
			Sasaran kertas siasatan	Penyelesaian kertas siasatan
1	S.16 Akta 360	Gagal Fail Penyata Hal Ehwal (PHE)	50	341
2	S.38 Akta 360	Komital	29	55
3	S.91(2) Akta 360	Tunggakan Ansuran Bulanan	211	136
<b>JUMLAH</b>			<b>290</b>	<b>523</b>

### Penyelesaian Kertas Siasatan *Fraudulent Bankrupt*

Kertas Siasatan *Fraudulent Bankrupt* merujuk kepada kategori kesalahan fraud di bawah Akta 360. Pemantauan ke atas kes fraud yang telah dikenalpasti dijalankan sepanjang tahun 2013 sehingga kertas siasatan ini diselesaikan dalam tahun 2013.

Sebanyak 7 kertas siasatan kes fraud telah disasarkan untuk diselesaikan merujuk kepada pecahan seksyen kesalahan seperti berikut:

- (a) 4 Kertas Siasatan kesalahan di bawah seksyen 109(1)(f) Akta 360;
- (b) 1 Kertas Siasatan kesalahan di bawah seksyen 109(1)(e) Akta 360;
- (c) 1 Kertas Siasatan kesalahan di bawah seksyen 109(1)(b) Akta 360; dan
- (d) 1 Kertas Siasatan kesalahan di bawah seksyen 109(1)(m)(i) Akta 360.

Daripada 7 kertas siasatan yang telah disasarkan sebanyak 4 kertas siasatan telah diselesaikan. Peratus pencapaian sebenar bagi projek ini ialah sebanyak 57.14 peratus. Pecahan mengikut bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat dan selesai Kertas Siasatan berkenaan *Fraudulent Bankrupt* pada tahun 2013 ditunjukkan dalam Jadual 10 di bawah.

Jadual 10: Bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat dan selesai Kertas Siasatan berkenaan *Fraudulent Bankrupt* pada tahun 2013

Bil	Seksyen	Butir-butir kesalahan	2013	
			IP Buka	IP Selesai
1.	S. 109(1)(b) Akta 360	Gagal menyerahkan kesemua hartanya kepada KPI	1	
2.	S. 109(1)(e) Akta 360	Secara fraud mengalihkan harta selepas atau dalam tempoh 12 bulan sebelum penyerahan petisyen	1	1
3.	S. 109(1)(f) Akta 360	Peninggalan material dalam mana-mana pernyataan berhubung dengan hal-ehwalnya	4	3
4.	S. 109(1)(m)(i) Akta 360	Mendapatkan hutang RM1,000.00 atau lebih tanpa memaklumkan beliau adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan.	1	
<b>JUMLAH</b>			<b>7</b>	<b>4</b>

### Penyelesaian Kertas Siasatan *Prominent Bankrupt*

Kes *Prominent Bankrupt* yang disiasat merujuk kepada bankrap yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat seperti mempunyai darjat kebesaran, tokoh politik veteran, selebriti, ahli sukan dan lain-lain. Kertas siasatan dibuka untuk kategori bankrap ini kerana ia melibatkan persepsi dan mempunyai impak kepada masyarakat.

Bagi penyelesaian Kertas Siasatan *Prominent Bankrupt* sebanyak 33 kes telah dikenalpasti untuk disiasat oleh Mdl. Kertas siasatan ini merangkumi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 16(3), 91(2), 38 dan 109 Akta 360. Sebanyak 18 kertas siasatan telah berjaya diselesaikan yang melibatkan kategori ketidakpatuhan atau kesalahan di bawah seksyen 16(3), 91(2) dan 109(1) Akta 360. Sebanyak 15 kertas siasatan masih memerlukan siasatan lanjut serta pengumpulan bukti dan akan diselesaikan. Pencapaian sebenar ialah sebanyak 18 kertas siasatan dengan peratusan sebanyak 55.5 peratus. Pecahan mengikut bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat dan selesai bagi Kertas Siasatan *Prominent Bankrupt* pada tahun 2013 ditunjukkan dalam Jadual 11 di bawah.

Jadual 11: Bilangan Kes Dan Jenis Kesalahan Yang Disiasat Dan Selesai Berkenaan *Prominent Bankrupt* Bagi Tahun 2013


Bil	Seksyen	Butir-butir kesalahan	2013	
			Sasaran kertas siasatan	Penyelesaian kertas siasatan
1	S.16 Akta 360	Gagal Fail PHE	3	3
2	S.38 Akta 360	Komital	9	7
3	S.91 (2) Akta 360	Tunggakan Ansuran Bulanan	14	6
4	S.109 Akta 360	Fraud	7	2
JUMLAH			33	18

### Kes Komital Yang Difailkan ke Mahkamah

Pada tahun 2013, sebanyak 292 kes komital telah difailkan ke Mahkamah di bawah Akta 360. Sebanyak 107 kes telah diperoleh keputusannya manakala 185 kes lagi dibawa ke tahun 2014 untuk diperoleh keputusannya. Rajah 16 di bawah menunjukkan bilangan kes komital yang difailkan ke Mahkamah pada tahun 2013.

Rajah 16: Bilangan Kes Komital Yang Difailkan Ke Mahkamah Bagi Tahun 2013

- Jumlah Kes Komital Keputusan Diperoleh
- Jumlah Kes Komital Ditangguh



Jenis kesalahan bagi kes komital yang telah difailkan ke Mahkamah ditunjukkan dalam Jadual 12 berikut:

Jadual 12: Bilangan Kes Dan Jenis Kesalahan Komital Yang Difailkan Ke Mahkamah Bagi Tahun 2013


Bil.	Seksyen	Jumlah
1.	S.16(3) Akta 360	31
2.	S.91(2) Akta 360	116
3.	S.38(1)9(b) Akta 360	110
4.	S.38(1)(a) Akta 360	16
5.	S.38(1)(b) Akta 360	13
6.	S.38(1)(c) Akta 360	2
7.	S.38(1)(d) Akta 360	3
8.	S.38(2) Akta 360	1
JUMLAH		292

### Aktiviti Rampasan dan Sitaan Sepanjang Tahun 2013

Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti rampasan, sitaan atau serbuan berhubung harta bankrap dan syarikat yang telah digulungkan atau pemeriksaan premis. Ini bagi memastikan tindakan penzahiran harta secara berkesan dapat dibuat berdasarkan undang-undang. Mdl telah menetapkan sasaran kerja yang merujuk kepada tatacara penghasilan aset rampasan, Akta 360, Akta 125 serta Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969.

Bagi tahun 2013 Ibu Pejabat Mdl telah membuat rampasan wang pelaburan milik bankrap berjumlah RM 21,749.21. Peratus pencapaian bagi aktiviti ini ialah sebanyak 168 peratus. Aktiviti rampasan oleh Mdl pada tahun 2013 mengikut Cawangan dapat dilihat dalam Rajah 17 di bawah.

Rajah 17: Aktiviti Rampasan Bagi Tahun 2013





## MEMBANGUNKAN SISTEM INSOLVENSİ YANG EFEKTIF MELALUI KAJIAN PERUNDANGAN YANG BERTERUSAN

Inisiatif pembaharuan undang-undang insolvensi telah diusahakan oleh Mdl bermula Mei 2009. Ini merupakan hasil daripada perancangan strategik Mdl sebagai salah satu projek utama dalam menutup jurang yang dikenal pasti. Perancangan strategik Mdl berkait secara langsung dengan salah satu pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dan Model Ekonomi Baru (MEB).

Kerajaan telah mensasarkan agar Mdl menjadi satu badan atau agensi yang dikorporatkan menjelang 2015. Sasaran ini telah dinyatakan dalam RMK-10. Sewaktu perancangan strategi tahunan, Mdl telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama bagi Rang Undang-Undang Akta Kebankrapan 360 dibentangkan di Parlimen sebelum akhir tahun 2014. Akta Kebankrapan 360 akan dipinda dengan memasukkan peruntukan mekanisma penyelamat dan polisi peluang kedua kepada golongan individu yang bankrap di negara ini.

Pembaharuan undang-undang merupakan satu proses yang perlu dikaji dengan teliti untuk mengimbangi kepentingan pihak-pihak berkepentingan dan juga individu yang bankrap. Sebagai agensi yang mentadbir hal ehwal insolvensi, Mdl perlu memastikan undang-undang insolvensi sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan trend ekonomi negara juga dunia. Pembaharuan undang-undang insolvensi ini juga akan dapat meningkatkan kedudukan negara dalam Laporan Bank Dunia bagi kategori Penutupan Perniagaan atau Penyelesaian Insolvensi.


Dalam tahun 2013, Mdl telah mengambil beberapa inisiatif dalam usaha penyediaan rang undang-undang insolvensi yang baru. Inisiatif ini bertujuan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan kajian yang meluas tentang amalan insolvensi bukan sahaja dalam negara tetapi juga di negara lain. Usaha-usaha yang telah diambil antara lain adalah seperti berikut:

- Mengadakan lawatan kerja ke *Insolvency Public Trustee Office (IPTO)*, *Supreme Court* dan *Insolvency Practitioner's Association*, Singapura bagi mendapatkan maklumat tentang keberkesanan mekanisma penyelamat;
- Menyediakan kertas makluman kepada YB Menteri tentang status perkembangan Rang Undang-Undang Kebankrapan;
- Mengadakan sesi rundingan bersama pihak Mahkamah; dan
- Membuat semakan dan pindaan draf rang undang-undang Kebankrapan berdasarkan ulasan dan pandangan Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara.

## MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SOKONGAN YANG CEMERLANG DAN KOMPREHENSIF BAGI MEMASTIKAN KELESTARIAN DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN DALAM JABATAN PRESTASI LATIHAN PENJAWAT MDI

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 telah menetapkan semua anggota dalam Perkhidmatan Awam perlu menghadiri sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kursus/latihan dalam setahun. Bagi tahun 2013, seramai 1,075 orang pegawai Mdl telah melengkapkan keperluan kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari. Maklumat lanjut mengenai perkara ini ditunjukkan dalam Rajah 18 di bawah.

Bagaimanapun terdapat seramai 37 penjawat awam Mdl yang tidak melengkapkan keperluan tujuh hari berkursus atas faktor-faktor berikut:



Rajah 18: Bilangan Penjawat Awam Mdl Yang Menghadiri Kursus

- (a) Pegawai mengalami masalah kesihatan;
- (b) Pegawai bercuti salin, tanpa gaji dan cuti belajar;
- (c) Sikap pegawai yang tidak bertanggungjawab, gagal menghadiri kursus/latihan walaupun dicalonkan;
- (d) Peruntukan jabatan yang terhad khususnya dalam peruntukan perjalanan;
- (e) Tawaran kursus/latihan yang terhad daripada agensi latihan khususnya kepada penyertaan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang (L); dan
- (f) Masalah gangguan teknikal dalam penggunaan EPSA.

Selain daripada mematuhi dasar kerajaan, Mdl juga memberi tumpuan kepada peningkatan tahap kompetensi para penjawatnya terutama dalam bidang spesifik iaitu pentadbiran insolvensi, pengurusan dan perakaunan. Bagi mencapai objektif tersebut, Mdl telah bekerjasama dengan pihak Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) bagi mengendalikan kursus-kursus khas yang bersesuaian dengan fungsi Mdl. Mdl juga bekerjasama dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertujuan untuk memantapkan lagi kompetensi para pegawai dalam bidang perakaunan. Dalam tahun 2013, Mdl telah manganjurkan beberapa kursus dan program latihan seperti berikut:

**(a) Kursus Mengesan Aset dan Aliran Wang**

Kursus Mengesan Aset dan Aliran Wang telah diadakan pada 9 hingga 12 Jun 2013 bertempat di Hotel Grand Kampar, Perak. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai insolvensi tentang kaedah bagi mengesan aset individu yang bankrap atau syarikat yang telah digulungkan secara lebih berkesan. Seramai 60 orang pegawai penyiasat Mdl telah mengikuti kursus ini.



### **(b) Bengkel Komunikasi Korporat**

Bengkel Komunikasi Korporat telah dianjurkan oleh Seksyen Komunikasi Korporat pada 27 hingga 29 Mei 2013 di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pegawai komunikasi korporat mengenai asas-asas komunikasi korporat pada masa kini dan memberi pendedahan mengenai perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat.

Seramai 28 orang pegawai komunikasi korporat Mdl dari semua cawangan termasuk Ibu Pejabat telah mengikuti bengkel ini.



### **(c) Bengkel Penyata Penyesuaian Amanah, Deposit dan Hasil**

Bengkel Penyata Penyesuaian Amanah, Deposit dan Hasil anjuran oleh Bahagian Perakaunan pada 3 hingga 5 Julai 2013 bertempat di Eagle Ranch Resort, Port Dickson. Objektif bengkel ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai perakaunan mengenai pentadbiran perakaunan insolvensi. Bengkel ini disertai oleh seramai 48 orang peserta.





**(d) Program Orientasi Penolong Pegawai Undang-Undang Mdl**

Mdl telah julung kalinya mengadakan Program Orientasi Penolong Pegawai Undang-Undang Bil. 1/2013 dari pertengahan Julai 2013 hingga bulan September 2013. Objektif program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas kepada pegawai-pegawai lantikan baru mengenai sistem pengurusan kerja dalam Mdl. Program ini mempunyai dua modul program, iaitu Modul Pengenalan & Operasi dan Modul Praktikal. Puan Rohana Abd Malek, Ketua Pengarah Insolvensi telah dijemput untuk merasmikan majlis penutup dan menyampaikan sijil kepada para peserta yang terlibat.



**(e) Kursus Pemantapan Pentadbiran Insolvensi Bil. 1/2013**

Mdl telah mengadakan Kursus Pemantapan Pentadbiran Insolvensi Bil. 1/2013 pada 6 hingga 8 November 2013 bertempat di Hotel Suria Beach Resort, Cherating. Kursus ini dihadiri oleh seramai 59 orang peserta termasuk pihak pengurusan tertinggi Mdl. Objektif kursus ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai Insolvensi mengenai pentadbiran Insolvensi. Para peserta yang terdiri daripada kalangan Penolong Pegawai Undang-Undang L29-L38 dari cawangan Kelantan, Terengganu, Kuantan dan Temerloh juga didedahkan dengan hala tuju dan aspirasi Jabatan.





#### **(f) Kursus Penetapan Strategi dan Sasaran Kerja Tahunan 2014**

Bagi tujuan menyempurnakan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik Jabatan (*Strategic Direction Plan 1- SDP1*) tahun 2010-2014, Kursus Penetapan Strategi dan Sasaran Kerja Tahunan 2014 telah diadakan. Kursus ini dilaksanakan pada 10 hingga 12 Disember 2013, bertempat di A' Famosa Resort, Melaka. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan kepada peserta dalam merancang SKT tahun 2014 bagi setiap bahagian dan cawangan serta mengenalpasti setiap permasalahan yang wujud di peringkat bahagian dan cawangan dan seterusnya merancang strategi yang bersesuaian.

#### **(g) Kursus Penulisan Minit Mesyuarat dan Laporan Rasmi**


Bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai Mdl mengenai format dan teknik penulisan minit mesyuarat dan laporan rasmi yang betul, Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Penulisan Minit Mesyuarat dan Laporan Rasmi. Kursus ini telah diadakan pada 27 Mac 2013, bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Kursus ini disertai oleh 44 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan.








### ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Usaha-usaha untuk meningkatkan pencapaian organisasi adalah suatu usaha yang berterusan. Ia bukan sahaja melibatkan pencapaian peluang yang berdaya saing, menambah nilai, dan sebagainya. Salah satu usaha meningkatkan prestasi pekerja adalah melalui penghargaan dan pengiktirafan kepada pekerja. Mdl memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada penjawat awam Mdl melalui penyampaian anugerah pekerja contoh setiap bulan seperti Jadual 13 berikut.

Jadual 13:  
Senarai Nama Penerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan Bagi Tahun 2013

BULAN	NAMA / JAWATAN	UNIT/SEKSYEN/ GRED	GAMBAR
Januari 2013	Puan Norhazira Ahmad Rosli PPUU L29	Mdl Johor Bahru	

Februari 2013	Puan Aklima Kamaruddin PPUU L32	Mdl Johor Bahru	
Mac 2012	Tiada Percalonan		
April 2013	Puan Zulfazlina Binti Daud PT (P/O) N17	Mdl Selangor	
Mei 2013	Puan Faridah Binti Sulaiman PTK W22	BKP Mdl Ibu Pejabat	
Jun 2013	Encik Thanabalan A/L Raju Penghantar Notis N3	Mdl Taiping	
Julai 2013	Puan Norasna Binti Bakar Pt (P/O) N17	Mdl Pulau Pinang	
Ogos 2013	Encik Mohd Shahrulnizam Johari PPUU L29	Bahagian Kebankrapan Ibu Pejabat	

September 2013	Encik Mohd Nasir Bin Yunos PT N22	Mdl Selangor	
Oktober 2013	Puan Nur Lailey Binti Sehan PPUU L32	Mdl Negeri Sembilan	
November 2013	Puan Hasnah Binti Abdul Hamid PPUU L32	Bahagian Mahkamah Ibu Pejabat	
Disember 2013	Encik Mohd Sabri Bin Ismail Pembantu Am Pejabat N1	Mdl Taiping	

### **MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN PERKHIDMATAN SECARA ATAS TALIAN**

Mdl menyediakan perkhidmatan carian status kebangkrapan dan penggulungan syarikat secara atas talian yang dinamakan Carian E-Insolvensi. Kemudahan perkhidmatan secara atas talian ini sentiasa dipertingkatkan seiring dengan pembangunan teknologi masa kini demi kepentingan pelanggan. Antara strategi yang telah dirancang bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

- (a) Memantapkan lagi promosi perkhidmatan carian E-Insolvensi;
- (b) Membangunkan Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) - satu sistem baru yang lebih efisien dan berteknologi tinggi serta memudahkan integrasi sistem dilaksanakan bersama agensi-agensi yang berkaitan; dan
- (c) Menyediakan produk baru untuk kemudahan pelanggan dan *stakeholders* Mdl.




## Perkhidmatan Carian Status Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat

Mdl menyediakan perkhidmatan semakan carian kebangkrutan dan penggulangan syarikat bagi menentukan sama ada seseorang individu itu telah diisytiharkan bankrap atau sesebuah syarikat telah digulungkan. Terdapat dua jenis perkhidmatan yang disediakan bagi tujuan tersebut iaitu E-Insolvensi dan carian kaunter. E-Insolvensi merupakan perkhidmatan kepada pelanggan untuk membuat carian secara atas talian. Carian kaunter disediakan untuk kemudahan pelanggan yang tidak menggunakan perkhidmatan E-Insolvensi. Pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan ini di Ibu Pejabat dan semua kaunter Cawangan Mdl di seluruh negara.

Berdasarkan statistik, perkhidmatan E-Insolvensi menjadi pilihan pelanggan dengan pencapaian melebihi 94 peratus tahap penggunaannya bagi tahun 2013 berbanding dengan perkhidmatan carian kaunter yang secara purata hanya 6 peratus. Ini kerana perkhidmatan atas talian lebih mudah dan menjimatkan masa serta kos. Perbandingan tahap perkhidmatan carian secara atas talian dan kaunter adalah amat baik jika dibandingkan dengan carian kaunter. Maklumat lanjut mengenai statistik carian E-Insolvensi berbanding carian kaunter ditunjukkan dalam Rajah 19 di bawah.

Rajah 19: Statistik Perbandingan Carian E-Insolvensi Berbanding Carian Kaunter Bagi Tahun 2013



## Pembangunan Sistem Insolvensi Bersepadu

Mdl telah membangunkan satu sistem yang dinamakan *Insolvency Notification System (INS)* atau Sistem Notifikasi Insolvensi. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan hubungan kerjasama antara Mdl dengan pihak perbankan dan institusi kewangan. Dengan adanya sistem ini, Mdl tidak lagi perlu mengeluarkan surat notifikasi awal secara manual kepada pihak perbankan dan institusi kewangan apabila seseorang individu mendapat perintah kebangkrutan atau sesebuah syarikat mendapat perintah penggulangan daripada Mahkamah.

Sistem ini juga dapat membantu proses pentadbiran kes dan penemuan aset individu yang bankrap atau syarikat yang digulungkan dibuat dengan lebih cepat.

## Pelaksanaan Sistem Notifikasi Insolvensi (INS)


Mdl telah membangunkan satu sistem yang dinamakan *Insolvency Notification System* (INS) atau Sistem Notifikasi Insolvensi. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan hubungan kerjasama antara Mdl dengan pihak perbankan dan institusi kewangan. Dengan adanya sistem ini, Mdl tidak lagi perlu mengeluarkan surat notifikasi awal secara manual kepada pihak perbankan dan institusi kewangan apabila seseorang individu mendapat perintah kebangkrutan atau sesebuah syarikat mendapat perintah penggulungan daripada Mahkamah.

Sistem ini juga dapat membantu proses pentadbiran kes dan penemuan aset individu yang bankrap atau syarikat yang digulungkan dibuat dengan lebih cepat.

## Penarafan 5 Bintang Portal oleh *The Malaysia Government portals and Websites Assessment (MGPWA)* bagi portal Mdl

*The Malaysia Government portals and Websites Assessment (MGPWA)* telah memberi penarafan 5 bintang kepada portal Mdl bagi tahun 2013 berbanding 4 bintang pada tahun sebelumnya. Penarafan ini menunjukkan kesungguhan Mdl dalam menambah baik kriteria dalam portal sedia ada mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh MGPWA.

Banyak maklumat serta informasi tentang maklumat jabatan, perkhidmatan kepada pelanggan, hal ehwal kebangkrutan dan likuidasi telah ditambah baik supaya lebih mesra pengguna. Pelanggan juga boleh mendapat maklumat dengan lebih mudah dan cepat.



Name & No.	No. of Assets	Status	Remarks
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	
ABDULLAH, ABU BAKAR	1	Bankrupt	



## Prestasi Hasil Mdl

Mdl telah berjaya memperoleh kutipan hasil sebanyak RM49.2 juta bagi tahun 2013 berbanding RM47.5 juta pada tahun 2012. Pencapaian kutipan hasil bagi tahun 2013 meningkat pada kadar 3.58 peratus jika dibandingkan dengan kutipan hasil pada tahun 2012. Pecahan kutipan hasil Mdl yang diperolehi bagi tahun 2012 berbanding tahun 2013 adalah seperti Jadual 14 berikut:

Jadual 14: Perbandingan Kutipan Hasil Mdl  
bagi Tahun 2012 dan 2013

JENIS HASIL	KUTIPAN	KUTIPAN	PERBEZAAN	PENCAPAIAN
	TAHUN 2012	TAHUN 2013 (RM)	(RM)	(%)
CARIAN	13,837,260	14,343,040	505,780	103.65
FI PENGHASILAN DAN FI PEMBAHAGIAN	31,577,155	33,022,848	1,445,693	104.57
BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN	2,095,874	1,847,864	(248,010)	88.16
JUMLAH (JUTA)	47,510,289	49,213,752	1,703,463	103.58

Hasil Carian Mdl pada tahun 2013 telah meningkat pada kadar 3.65 peratus berbanding tahun sebelumnya. Kenaikan ini berlaku disebabkan Pilihan Raya Malaysia yang berlangsung pada 5 Mei 2013. Daripada jumlah kutipan ini, carian E-Insolvensi telah menyumbang pada kadar 94 peratus berbanding carian melalui kaunter iaitu 6 peratus. Kutipan hasil Fi Penghasilan dan Pembahagian hanya meningkat pada kadar 4.57 peratus. Kutipan hasil bagi bayaran perkhidmatan yang lain pula menunjukkan penurunan yang agak besar berbanding tahun 2012 iaitu pada kadar 11.84 peratus.

#### **Meningkatkan Kedudukan Malaysia Bagi Kategori Penyelesaian Insolvensi Dalam Laporan Bank Dunia 2014**

Sebagai agensi yang mentadbir hal ehwal insolvensi Mdl perlu memastikan undang-undang Insolvensi sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan trend ekonomi negara dan juga dunia. Pembaharuan Undang-undang Insolvensi akan dapat meningkatkan kedudukan negara dalam Laporan Bank Dunia dalam kategori Penutupan Perniagaan/ Penyelesaian Insolvensi (*Resolving Insolvency*).

Usaha ini juga dapat meningkatkan produktiviti dan memudahkan tugas Mdl. Ia bukan sahaja memberi kesan di peringkat jabatan malah boleh menaikkan kedudukan negara. Laporan Bank Dunia dalam *Doing Business 2014* (DB2014), menunjukkan Malaysia telah mencatatkan kenaikan ke kedudukan 42 berbanding kedudukan 49 dalam laporan *Doing Business 2013* (DB2013) dalam kategori menyelesaikan insolvensi (*resolving insolvency*). Peningkatan ini merupakan salah satu hasil daripada kerjasama semua pihak berkepentingan terutama yang melibatkan insolvensi.

## **PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN TERHADAP IMEJ KORPORAT JABATAN MELALUI INISIATIF PENJENAMAAN STRATEGIK DAN INOVASI**

### **Kerjasama Dengan Pihak Berkepentingan, Program Promosi Dan Penjenamaan Semula Mdl**

Hubungan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan amat penting bagi memastikan isu berkaitan insolvensi dapat diselesaikan dengan cepat seterusnya meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. Selain itu, usaha berterusan dilaksanakan oleh Mdl bagi menyampaikan maklumat, memberi kesedaran serta pendidikan kepada masyarakat tentang insolvensi.

Dalam tahun 2013 Mdl telah melaksanakan sebanyak 212 program yang melibatkan pihak berkepentingan, promosi dan penjenamaan semula Mdl. Program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk meningkatkan imej Mdl dan memberi pendidikan kepada orang ramai amnya terutama sekali atas salah anggap

masyarakat tentang peranan dan fungsi Mdl sebagai pentadbir hal ehwal insolvensi. Empat kategori program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Perbincangan Interaktif;
- (b) Program Mendekati Rakyat (*Outreach Program*) melibatkan inisiatif berinovasi bagi perkhidmatan melepasi batasan kaunter;
- (c) Promosi Mdl melalui media elektronik; dan
- (d) Promosi Mdl melalui media cetak;


Sebanyak 31 sesi perbincangan interaktif telah diadakan antara Mdl dan pihak berkepentingan seperti institusi kewangan dan institusi perbankan, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan lain-lain organisasi yang berkaitan.

Mdl telah menjalankan 93 program outreach dan aktiviti melepasi batasan kaunter (*beyond counters*) sepanjang tahun 2013. Aktiviti ini merupakan usaha menyebarkan maklumat, mewujudkan kesedaran, memberi pendidikan seterusnya mendekati individu yang bankrap khususnya dan masyarakat keseluruhan amnya. Mdl peka mengenai kepentingan dalam memilih dan mengambil tindakan yang dapat memberikan kesejahteraan dan kepentingan kepada masyarakat. Jenis program yang dijalankan ialah siri jelajah, taklimat atau penerangan, penyertaan dalam pameran serta hari terbuka atau bersama pelanggan.

Selain itu promosi melalui media elektronik dan media cetak terus dijalankan. Sebanyak 81 artikel mengenai insolvensi telah dikeluarkan dalam media cetak pada tahun 2013 berbanding 39 artikel pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 108 peratus. Daripada jumlah tersebut sebanyak 26 artikel dikeluarkan oleh Mdl sendiri manakala selebihnya telah mendapat liputan oleh media melalui sumber-sumber lain. Ini menunjukkan isu insolvensi telah mendapat perhatian pelbagai pihak yang semakin menyedari tentang hal ehwal insolvensi di Malaysia. Bagi media elektronik pula, pada tahun 2013 sebanyak 7 program telah dijalankan.

Maklumat pelaksanaan aktiviti bersama pihak berkepentingan dan rebranding bagi tahun 2013 ditunjukkan dalam Rajah 20 di bawah.

Rajah 20: Aktiviti Promosi Dan Penjenamaan Semula Imej Mdl Bagi Tahun 2013





## MAJLIS UTAMA Mdl

### Pelancaran Logo Mdl

Logo Mdl telah dilancarkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy Haji Syukri pada 31 Oktober 2013. Logo Mdl ini ialah hasil rekaan warga Mdl sendiri melalui satu pertandingan mereka cipta logo yang telah dijalankan.

Rekaan Encik Muhamad Azhan Bin Zakaria, Penolong Pegawai Tadbir dari Mdl Selangor telah dipilih sebagai pemenang dan seterusnya diterima sebagai Logo rasmi Mdl.



Kombinasi 2 warna digunakan di dalam logo ini



### RASIONAL LOGO



### Majlis Penyampaian Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi

Mdl amat menghargai individu bankrap yang memberi kerjasama dalam pentadbiran kes mereka. Sekiranya seseorang individu yang bankrap memberi kerjasama yang baik dengan Mdl, mereka berpeluang untuk keluar daripada kebangkrapan dengan lebih cepat. Dalam hal ini, KPI mempunyai kuasa di bawah Akta 360 untuk memberi pertimbangan seterusnya melepaskan seseorang individu yang bankrap mengikut kriteria tertentu yang ditetapkan.

Pada 31 Oktober 2013, Mdl telah mengadakan majlis Penyampaian Sijil Pelepasan Kebankrapan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah Seksyen 33A Akta 360. Seramai 38 orang penerima sijil telah hadir dari seluruh Malaysia untuk menerima sijil tersebut daripada YB Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



### Dialog Insolvensi 2013

Kerjasama dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) amat penting bagi memastikan pentadbiran insolvensi dilaksanakan secara teratur, cepat dan cekap. Menyedari hakikat ini, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan satu program duduk-bincang antara Mdl dan semua pihak berkepentingan dalam urusan insolvensi. Dialog Insolvensi 2013 merupakan kesinambungan daripada program dialog yang telah diadakan sebelum ini. Program Dialog pertama iaitu *Insolvency Consultative Dialogue*.



(ICD) telah diadakan di Putrajaya pada tahun 2009, diikuti dengan Mdl *Interactive and Facilitative Dialogue* (MIFD) yang telah diadakan di Kota Kinabalu pada tahun 2010. Hasil daripada perbincangan melalui dialog berkenaan, banyak perkara dapat diselesaikan sama ada melibatkan agensi awam, swasta mahupun badan bukan kerajaan (NGO). Dialog Insolvensi 2013 diadakan pada 25 November 2013 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak. Dialog ini turut dihadiri oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy Binti Haji Syukri yang juga telah menyampaikan ucapan.



### Lawatan Ketua Pengarah Insolvensi Ke *Insolvency & Public Trustee's Office* dan *Supreme Court* Singapura



Mdl telah menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan badan insolvensi di peringkat antarabangsa. Hubungan dan kerjasama ini perlu diwujudkan bagi mendapatkan maklumat dan berkongsi pengalaman tentang pentadbiran insolvensi di luar negara yang boleh diguna pakai oleh Mdl. Pada tahun 2013, Mdl telah mengadakan satu lawatan rasmi ke *Insolvency & Public Trustee's Office* Singapura (IPTO) dan ke *Supreme Court* Singapura pada 21 hingga 24 Oktober 2013 bagi tujuan di atas.



### Hari Kenali Mdl

Maklumat tentang peranan dan tanggungjawab Mdl disampaikan kepada masyarakat melalui pelbagai cara. Antara inisiatif yang telah di ambil ialah dengan mengadakan Hari kenali Mdl. Pada tahun 2013, sebanyak 7 sesi Hari kenali Mdl telah diadakan dengan kerjasama *Giant Hypermarket* Sri Kembangan, Selangor. Perkhidmatan yang disediakan semasa hari Kenali Mdl ialah penyebaran maklumat, khidmat kaunseling dan nasihat tentang pentadbiran insolvensi, pameran insolvensi dan carian status kebangkrapan serta penggulungan syarikat.





### Taklimat Eksekutif Mdl 2013

Taklimat Eksekutif merupakan salah satu program pembelajaran yang dijalankan oleh Mdl sekali setiap tahun bertujuan untuk berkongsi pengetahuan mengenai isu-su semasa dan penting. Taklimat ini juga merupakan salah satu medium ke arah menyediakan Mdl sebagai organisasi pembelajaran (*learned organization*) bagi seluruh warga jabatan ini. Para penceramah yang dijemput merupakan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing.

Taklimat Eksekutif Mdl 2013 telah diadakan pada 25 Jun 2013 bertempat di Dewan Harmoni, Bangunan Hal Ehwal Undang-undang dengan tajuk Akauntabiliti dan Integriti dalam Perkhidmatan Awam. Penceramah jemputan ialah YBhg. Tan Sri Musa Hassan, Mantan Ketua Polis Negara. Selain daripada warga Mdl, taklimat ini turut dihadiri oleh warga Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Hasil daripada perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman YBhg. Tan Sri, dapat memberikan panduan kepada seluruh warga Mdl, BHEUU dan JBG bagi memahami dan menangani isu akauntabiliti dan integriti sebagai penjawat awam.





### Impak Pelaksanaan Program Promosi Dan Penjenamaan Semula Mdl

Hasil daripada inisiatif program promosi dan penjenamaan semula Mdl yang telah diadakan menampakkan beberapa impak positif. Antara impak tersebut ialah peningkatan ketara dari segi jumlah kehadiran di Mdl untuk bekerjasama dalam pentadbiran kes kebangkrutan mereka. Impak juga dapat dilihat dari segi peningkatan kadar pematuhan pemfailan Penyata Hal Ehwal (PHE) dan pembayaran ansuran bulanan oleh bankrap. Impak keseluruhan bagi pelaksanaan program promosi dan penjenamaan semula Mdl dalam tahun 2013 berbanding 2012 ditunjukkan dalam Jadual 15 seperti di bawah.

Jadual 15: Impak Pelaksanaan Aktiviti Promosi & Penjenamaan Semula Imej Mdl Bagi Tahun 2012 Dan 2013

BIL	IMPAK KEPADA	2012	2013	PENINGKATAN/ PENURUNAN (%)
1.	Bilangan Kehadiran Individu bankrap di Mdl	37,265	50,912	37%
2.	Bilangan Individu bankrap yang memfailkan Penyata Hal Ehwal (PHE)	11,486	13,617	16%
3.	Bilangan individu bankrap yang membayar ansuran bulanan	160,878	162,571	1.1%

## PENGURUSAN PERTANYAAN DAN ADUAN INSOLVENSII


### Pengurusan Aduan

Unit Aduan telah ditubuhkan pada bulan 30 April 2009 bertujuan untuk membolehkan aduan diuruskan secara cekap dan berpusat. Ia juga bertujuan untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan, memperbaiki imej Jabatan dan disusuli dengan tindakan efektif daripada setiap bahagian di Mdl dalam menangani aduan dan pertanyaan yang diterima. Terdapat lima saluran untuk orang awam membuat aduan dan pertanyaan kepada Mdl iaitu:

- (a) Surat/ Faks;
- (b) Emel;
- (c) Panggilan;
- (d) Facebook;
- (e) E-Aduan; dan
- (f) Kaunter

Pada tahun 2013, Mdl telah menerima sebanyak 330 aduan berbanding 391 aduan pada tahun 2012 iaitu penurunan sebanyak 17 peratus. Bagi kategori pertanyaan pula Mdl telah menerima sebanyak 8,027 pertanyaan berbanding 4,611 pertanyaan bagi tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 17 peratus. Peningkatan ini menampakkan kesedaran masyarakat yang semakin tinggi terhadap fungsi dan tanggungjawab Mdl selain daripada keberkesanan program mendekati rakyat yang telah dilaksanakan. Maklumat lanjut ditunjukkan dalam rajah 21 di bawah.

Rajah 21: Statistik Aduan Dan Pertanyaan Yang Diterima Pada Tahun 2012 Dan 2013 Ditunjukkan Dalam Rajah Di Bawah.



Terdapat tiga kategori aduan yang diterima oleh Mdl iaitu aduan pengurusan, aduan kebangkrapan dan aduan likuidasi. Aduan kebangkrapan merupakan kategori aduan yang tertinggi diterima oleh Mdl. Secara spesifiknya, permohonan ke luar negara telah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 38 kes. Maklumat lanjut mengenai kategori aduan yang diterima bagi tahun 2013 berbanding 2012 ditunjukkan dalam Jadual 16 di bawah.

Jadual 16: Kategori Aduan Yang Diterima Oleh Mdl Bagi Tahun 2013

KATEGORI ADUAN	2012	2013
<b>PENGURUSAN</b>		
Kelewatan/tiada tindakan/tidak memuaskan	57	55
Panggilan tidak berjawab/tiada layanan	53	66
<b>KEBANKRAPAN</b>		
Ketidakpuasan hati terhadap undang-undang kebangkrapan	22	13
Status kes kebangkrapan	38	24
Carian rasmi	39	7
Pelepasan kebangkrapan	21	14
Pelepasan melalui Sijil Pelepasan KPI (Seksyen 33A Akta Kebankrapan 1967)	12	14
Permohonan ke luar Negara (Sek 38(1)(c) Akta Kebankrapan 1967)	37	38
Pembayaran ansuran bulanan	10	6
Pembayaran dividen & hutang kebangkrapan	18	10
Kos dan fi KPI	2	4
Aset	27	13
Kesalahan dilakukan bankrap	18	14
Deposit	6	4
MyBayar		7
Pengeluaran Baki Wang ASB		1
Akaun Bank		3
KWSP		5
Baki Lebihan		1
Pindah Fail		1
Lain-lain (nyatakan kategori)	10	9
<b>LIKUIDASI</b>		
Tindakan terhadap pelikuidasi luar	1	5
Perundangan berkaitan syarikat		4
Carian Syarikat/status	7	
Triti Persendirian/pindah harta	4	6
Aset	4	1
Lain-lain	5	3
<b>JUMLAH</b>	<b>391</b>	<b>330</b>

Mdl sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pelanggan dan sentiasa memberi perhatian kepada ketepatan masa dalam menjawab aduan dan pertanyaan yang diterima. Piagam Pelanggan Mdl menetapkan semua aduan hendaklah diberi akuan terima dalam tempoh 3 hari selepas tarikh penerimaan.

Sebanyak 391 aduan yang telah diterima dalam tahun 2013. Daripada jumlah tersebut hanya 12 aduan sahaja yang dijawab melebihi 3 hari bekerja manakala selebihnya dijawab mengikut piagam pelanggan. 12 aduan ini merupakan aduan kompleks yang diklasifikasikan sebagai aduan yang memerlukan penelitian, penyelidikan undang-undang, siasatan lanjut dan juga pertimbangan daripada KPI. Maklumat lanjut mengenai prestasi pematuhan masa oleh Mdl dalam memperakukan aduan yang diterima ditunjukkan dalam Jadual 17 di bawah.

Jadual 17: Prestasi Pematuhan Masa Mdl Dalam Memperakukan Aduan Yang Diterima Pada Tahun 2012 Dan 2013.

Kategori	Bilangan Selesai	1 Hari	2 Hari	3 Hari	> 3 Hari	Bil.Aduan Selesai
2012	391	275	81	23	12	391
2013	330	282	31	14	3	330



## SENARAI PEJABAT NEGERI DAN CAWANGAN JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Aras 2-3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62692 Putrajaya</p> <p>Telefon: 03 - 8885 1288 Fax: 03 - 8885 1303</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kelantan Aras 1, Lot 1, Bangunan Lembaga Tabung Haji, Wisma Ilmu , Jalan Doktor, 15516 Kota Bharu Kelantan Darul Naim</p> <p>Telefon: 09 - 744 0445 / 748 2743 Fax: 09 - 748 6181</p>
<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Johor Bahru Aras 12, Menara Tabung Haji Jalan Ayer Molek 80720 Johor Bahru Johor Darul Takzim</p> <p>Telefon: 07 - 226 1644 / 45 Fax: 07 - 224 1644</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Melaka Aras 12, Wisma Persekutuan, Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh Melaka</p> <p>Telefon: 06 - 234 5521 / 5522 / 5523 / 748 2743 Fax: 06 - 234 5524</p>
<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Muar Aras 1A / 2A / 2B / 3A Bangunan Lembaga Tabung Haji Jalan Sisi 84000 Muar Johor Darul Takzim</p> <p>Telefon: 06 - 952 2112 Fax: 06 - 952 5627</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Negeri Sembilan Tingkat Bawah &amp; Mezzanine, 1, 2, 3 &amp; 4 Bangunan Tabung Haji Wisma Arab Malaysian Jalan Tuanku Munawir 70000 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus</p> <p>Telefon: 06 - 763 8516 Fax: 06 - 761 9316</p>
<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kedah Aras 3, Wisma Persekutuan, Jalan Kampung Baru, 05000 Kedah Kedah Darul Aman</p> <p>Telefon: 04 - 720 1100 Fax: 04 - 720 1101</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kuantan Aras 4, Wisma Puriwirawan Jalan Gambut 25000 Kuantan Pahang Darul Makmur</p> <p>Telefon: 09 - 516 2022 Fax: 09 - 516 2023</p>
<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Pulau Pinang Aras 9, Bangunan Persekutuan Pulau Pinang Jalan Anson 10400 Pulau Pinang</p> <p>Telefon: 04 - 2104 200 Fax: 04 - 228 2335</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Temerloh Aras 4 &amp; 5, Bangunan Lembaga Tabung Haji Lot 2123, Jalan Ibrahim 28000 Temerloh Pahang Darul Makmur</p> <p>Telefon: 09 - 296 2424 Fax: 09 - 296 2620</p>

**SENARAI PEJABAT NEGERI DAN CAWANGAN  
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA**

<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Ipoh Aras 2, Bangunan KWSP Jalan Greentown 30450 Ipoh Perak Darul Ridzuan</p> <p>Telefon: 05 - 240 9400 Fax: 05 - 240 9500</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Perlis Aras 7, Bangunan KWSP Jalan Bukit Lagi 01000 Kangar Perlis Indera Kayangan</p> <p>Telefon: 04 - 978 2111 / 2112 Fax: 04 - 978 2113</p>
<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Taiping No. 19, Aras 1, Lot 2842 - 2847 Jalan Idris 34000 Taiping Perak Darul Ridzuan</p> <p>Telefon: 05 - 805 4351 / 350 Fax: 05 - 805 4349</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Selangor Menara MRCB, Tingkat 12, 13, 13A &amp; 18 No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14 40712 Shah Alam Selangor Darul Ehsan</p> <p>Telefon: 03 - 5623 2400 Fax: 03 - 5623 2427</p>
<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Terengganu Aras 5, Wisma PERKESO Lot 2467, Jalan Air Jernih 20538 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman</p> <p>Telefon: 09 - 623 3066 / 0655 / 0669 Fax: 09 - 623 6428</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kota Kinabalu Aras 5, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah Jalan Sulaman Likas 88450 Kota Kinabalu Sabah</p> <p>Telefon: 088 - 488 681 / 2 Fax: 088 - 488 689</p>
<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Sandakan Branch Level 5 &amp; 6, Menara Rickoh , Batu 4 Jalan Utara 90000 Sandakan Sabah</p> <p>Telefon: 089 - 228 464 Fax: 089 - 214 377</p>	<p>Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Tawau Aras TB334 A &amp; 334 B Blok 42, Lot 9 Parcel 110 &amp; 111 Tingkat Bawah &amp; 1 Kompleks Fajar , Jalan Merdeka 2/3 91000 Tawau Sabah</p> <p>Telefon: 089 - 754 030 Fax: 089 - 754 021</p>

**SENARAI PEJABAT NEGERI DAN CAWANGAN  
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA**

Jabatan Insolvensi Malaysia  
Cawangan Kuching  
Tingkat 1, Wisma Hong,  
No. 202, Batu 2 3/4, Jalan Rock  
93200 Kuching  
Sarawak

Telefon: 082 - 243 512  
Fax: 082 - 427 891

Jabatan Insolvensi Malaysia  
Cawangan Sibü  
Tingkat 4, Wisma Persekutuan Blok III  
Persiaran Brooke  
Peti Surat 1320  
96008 Sibü  
Sarawak

Telefon: 084 - 336 303 / 345 741  
Fax: 084 - 316 222

Jabatan Insolvensi Malaysia  
Cawangan Miri  
Tingkat 14, Bangunan Yu Lan Plaza  
Jalan Brooke  
Peti Surat 766  
98009 Miri  
Sarawak

Telefon: 085 - 442 393 / 311  
Fax: 085 - 422 446

Jabatan Insolvensi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Tingkat 7 & 8 , Kompleks Pertama  
Jalan Tuanku Abdul Rahman  
50100 Kuala Lumpur

Telefon: 03 - 2618 3000  
Fax: 03 - 2697 5206 / 0870



MEDIA

AWAM

SOSIAL

PELAJAR

KOMUNITI

SASARAN

KORPORAT



# 2013

## *Labatan Insolvency Malaysia*



MdI IBU PEJABAT



MdI TERENGGANU



MdI KUCHING



MdI TAWAU



MdI SELANGOR



MdI SIBU



MdI TAIPING



MdI TEMERLOH



MdI KOTA KINABALU



MdI KUANTAN



MdI MELAKA



MdI MIRI



MdI IPOH



MdI KEDAH



MdI SEREMBAN



MdI JOHOR BAHRU



**SIDANG REDAKSI  
LAPORAN TAHUNAN BHEUU 2013**

1. HAJI ADNAN IBON (KETUA EDITOR)
2. MAHANI HAJI MOHD YUSOFF
3. WAN AIZAA WAN ABDULLAH
4. MARIETTA RACHEL LUKIE
5. MOHAMAD FAIZ MOHAMED YUSOF
6. FARAH NADILAH RAHMAT
7. ROSHAN KARTHI KAYAN
8. ZAKARIA ISMAIL
9. SHAMSIAH CHEE ROS
10. NAZIAH MOHAMED
11. SAHIDA HARUN
12. SAHRUN AMZAH
13. ISNANIWATI IMRAN
14. AMIR SHAH ABU ADAM



**ISSN 2180-2939**

**Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)**

Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62692, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tel: 03-88851000 03-88851048, Faks :03-88851051**

**Emel : [webmaster@bheuu.gov.my](mailto:webmaster@bheuu.gov.my)**

**Web: <http://www.bheuu.gov.my> <http://www.insolvensi.gov.my>**

**<http://www.jbg.gov.my>**